

"DI DALAM meningkatkan keberkesanan, kecakapan dan mutu perkhidmatan Negara Brunei Darussalam di samping tumpuan diberikan kepada aspek-aspek kualiti dari produktiviti, yang penting sekali bagi mencapai matlamat ini ialah disiplin dan komitmen yang tinggi di kalangan anggota Perkhidmatan Awam." - Titah sempena perayaan Hari Keputeraan Ke-56 di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman pada 15 Julai 2002.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DAN ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan dan dalam masa kesakitan dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan fi sabilillah. Orang-orang yang demikian sifatnya, mereka itulah orang-orang yang benar beriman dan mengerjakan kebajikan dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa." Surah Al-Baqarah ayat 177.

TAHUN 49 BILANGAN 33

RABU 18 OGOS 2004/1425 رابو 2 رجب

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Berangkat sertai senam robik dan hiking

Oleh Aliddin HM

JERUDONG, 15 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai acara senam robik dan hiking yang dianjurkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Kelab Polo Jerudong Park dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadilah Lubabul Bolkiah.

Acara bermula dengan sesi senam robik yang disertai oleh lebih dari 1,000 orang pegawai dan kakitangan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Selepas senam robik di Padang Kelab Polo Jerudong Park, Kebawah

Duli Yang Maha Mulia seterusnya berangkat ke Taman Rekreasi Bukit Shabbandar bagi acara hiking.

Bukit Shabbandar adalah salah sebuah taman rekreasi yang popular di negara ini yang mana setiap hari didatangi ramai pengunjung untuk merehatkan fikiran dengan melakukan kegiatan riadah.

Taman seluas 70 hektar yang berbukit-bukit itu sesuai bagi mereka yang mahu melakukan kegiatan fizikal seperti mendaki, berbasikal dan sebagainya.

Tempat ini juga sesuai bagi mereka yang ingin lari seketika dari kesibukan kerja seharian dengan menikmati kehijauan hutan dan keindahan suasana alam semula jadinya.

Hiking dan mendaki bukit merupakan antara kegiatan fizikal yang boleh membantu pengaliran darah dalam badan, di samping menambah dan menguatkan daya tahan atau stamina.

Ini amat perlu kerana badan yang sihat melahirkan minda yang cergas. Selain itu kegiatan ini juga boleh membantu meri-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda baginda, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berkenan menyertai hiking di Bukit Shabbandar, Jerudong.

ngankan tekanan dan melepaskan fikiran.

Kita juga sama-sama menyedari betapa pentingnya kesihatan bagi semua orang dalam proses pembangunan negara kita dengan tugas dan kerja harian masing-masing memerlukan pekerja yang sihat

serta otak yang cergas, di samping boleh meningkatkan kesihatan fizikal dan mental.

Semangat yang ditunjukkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat

dikagumi dan menjadi penggalak kepada mereka yang hadir.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia membuktikan bahawa baginda memiliki semangat kesukanan yang sebenar dan menekankan betapa pentingnya melakukan kegiatan-kegiatan

fizikal dan menjadikannya sebagai amalan hidup sihat.

Perkara ini perlu dicontohi oleh setiap rakyat dan penduduk di negara ini agar menjadi masyarakat yang sihat dan cergas dari segi mental dan fizikal seperti apa yang sering dikatakan 'Rakyat Sihat Negara Kuat'.

ALAM SEKITAR SEMPURNA HAK BERSAMA

Oleh Siti Aishah HS

BERAKAS, 12 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bertitah, pemeliharaan keadaan alam sekitar dan semula jadi bukan hanya tergantung pada usaha-usaha pihak kerajaan, tetapi merupakan tanggungjawab bersama, untuk semua pihak sama ada pihak kerajaan, swasta atau pun orang ramai.

Justeru itu, usaha-usaha kerajaan ke arah pemeliharaan suasana alam sekitar kita tidak akan mencapai kejayaan tanpa kerjasama dan pemedulian daripada kalangan semua rakyat dan penduduk di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar untuk generasi masa kini dan masa hadapan sangat bergantung kepada muafakat di kalangan ahli-ahli masyarakat, sama ada yang tinggal di kawasan bandar mahupun di kawasan kampung.

Baginda bertitah demikian di Majlis Perasmian Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Sehubungan dengan itu, titah baginda, kegiatan-kegiatan seperti yang dijalankan seperti itu dapat menumpukan perhatian orang ramai terhadap cara-cara baru untuk memelihara alam sekitar mereka walaupun hanya daripada segi halaman rumah sendiri.

"Alam sekitar yang sempurna merupakan hak bersama masyarakat dunia. Kita semua ingin hidup di dalam suasana alam sekeliling yang bersih lagi indah dan selamat. Kecuaian terhadap penggunaan dan pemeliharaan alam sekitar pada abad lalu telah mengakibatkan pelbagai masalah, bagi kepanasan dunia, pengikisan lapisan zon dan kehilangan pelbagai jenis haiwan dan tumbuhan," titah baginda.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :
Ukraine destinasi menarik bagi perdagangan, pelaburan
- Muka 2

Melirik Masa Silam :
Antara Tangan Kiri dan Tangan Kanan
- Muka 6

RBA perkenal
E-Ticketing
- Muka 7

Kebawah DYMM berkenan membuat lawatan kerja ke Daerah Belait
- Muka 8 dan 9

Allah mencintai orang yang sabar dan tabah
- Muka 3 ANEKA

Perceraian melemahkan ummah
- Muka 4 ANEKA

Sektor hospitaliti tarik pelabur asing
- Muka 16 ANEKA

TAHUKAH AWDA

SEHINGGA tarikh kajian, 27 Julai 2004, saiz Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam adalah 42,144 orang; lelaki 22,159 orang (53 peratus) dan perempuan 19,985 (47 peratus) berbanding saiz 10 tahun dahulu hanya 37,363 orang; lelaki 22,538 orang (60 peratus) dan perempuan 14,825 orang (40 peratus) yang menunjukkan peningkatan sebanyak 13 peratus. - Sumber: Awang Haji Johari bin Haji Awang, Pengarah Perkhidmatan Personal, Jabatan Perkhidmatan Awam. 'Integriti Perkhidmatan Awam: Tata tertib dan Disiplin', Kertas kerja semasa Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam pada 7 Ogos 2004 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. (2004 : 1).

Kebawah DYMM hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, bersempena dengan lantikan Tuan Yang Terutama sebagai Perdana Menteri Republik Singapura yang baru.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri hari ini, dalam perutusan tahniah itu, baginda berharap agar

Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura bersama dengan pentadbirannya akan mencapai kejayaan.

Baginda juga telah memuji Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura di atas hubungan persahabatan dan kerjasama yang sangat dihargai yang mencirikan hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, yang mana baginda menganggap ini sebagai hasil daripada komitmen kuat Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura ke arah menjalin hubungan yang kukuh dan positif di antara semua negara-negara di rantau ini.



دشن نام الله يغمها
فموره دان مها فبايغ

Dari Sidang Pengarang

18 OGOS 2004 BERSAMAAN 1425 رجب 2

MENANAI INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

INTEGRITI Perkhidmatan Awam tidak syak lagi memainkan peranan yang sangat penting bagi menunjukkan kecekapan dan keberkesanan jentera pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam pembangunan dan kemajuan bagi menjamin masa depan negara dan generasi kita di Negara Brunei Darussalam. Bagi mengekalkan Integriti Perkhidmatan Awam lebih cemerlang memerlukan kewibawaan di kalangan seluruh lapisan pegawai dan kakitangan untuk mengurusi, mentadbir dan memberikan perkhidmatan melalui keikhlasan, kecekapan, keberkesanan, kejujuran dan ketelusan serta produktiviti dan mutu perkhidmatan yang tinggi.

Maka untuk itu kita merasakan kepercayaan dan keboleharapan adalah bahan utama dalam mewujudkan dan menani Integriti Perkhidmatan Awam iaitu keperluan setiap anggota yang boleh dipercayai dengan mempunyai sikap keboleharapan yang jelas dan telus jauh sekali daripada diragukan oleh mana-mana pihak. Kita juga perlu menyedari bahawa perkhidmatan awam kini semakin berkembang dan berubah secara drastik mengikut peredaran masa. Di mana sejak kebelakangan ini tidak lagi dinilai semata-mata daripada kualiti dan kuantiti perkhidmatan, tetapi juga dari kelakuan dan imej warga Perkhidmatan Awamnya. Kelakuan yang baik dan komitmen yang menjurus kepada kejujuran dan amanah dalam pengurusan dan pentadbiran sekarang menjadi fokus utama. Apa lagi dengan jumlah saiz Perkhidmatan Awam sehingga 27 Julai 2004 ialah 42,144 orang iaitu 22,159 orang lelaki dan 19,985 perempuan yang sudah tentunya mempunyai banyak kerenna.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika berucap di Simposium Integriti Perkhidmatan Awam baru-baru ini menekankan perlu setiap anggota Perkhidmatan Awam melaksanakan tugas dan tanggungjawab menurut bidang tugas masing-masing secara jujur, adil dan saksama, bertanggungjawab, penuh dedikasi dan efisien. Di samping itu yang penting bebas daripada gejala-gejala yang merosakkan Integriti Perkhidmatan Awam seperti pecah amanah, rasuah dan sebarang penyalahgunaan kuasa dan mementingkan diri sendiri.

Bagi mengangkat dan mempertahankan Integriti perkhidmatan juga bergantung rapat kepada perilaku tenaga manusia yang menggerakkan jentera Perkhidmatan Awam itu sendiri. Ini dapat dilihat dan dinilai dari aspek produktiviti, kecekapan, kreativiti, kemahiran dan pengetahuan, ketaatan kepada raja, pemimpin dan patuh kepada ketua, disiplin yang tinggi, semangat berkumpulan dan setia kawan yang luhur, keboleharapan serta sifat jujur dan penuh amanah dalam memberikan perkhidmatan.

Integriti Perkhidmatan Awam yang kita idamkan ialah berkemampuan memberikan perkhidmatan cemerlang dan bermutu tinggi, memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan yang terdiri dari orang ramai, pihak swasta dan agensi-agensi dalam kerajaan sendiri, memberikan perkhidmatan yang berdaya saing dan produktif yang penuh disiplin, bersih, cekap dan amanah melalui Tekad Penedulian Orang Ramai (TPOR). Dalam erti kata yang lain TPOR merupakan strategi dalam menangani keperluan orang ramai yang menghendaki Perkhidmatan Awam yang cekap, efisien dan berkualiti.

Tetapi apa yang dapat bahawa setakat ini hanya sejumlah 62 dari 101 buah kementerian dan jabatan kerajaan sahaja yang telah menghadapkan TPOR masing-masing. Selain itu juga didapati, majoriti kementerian dan jabatan kerajaan tidak menyediakan TPOR bagi perkhidmatan utama. Ini bermakna 39 buah jabatan kerajaan belum berbuat demikian, perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana ianya boleh menjejaskan imej kerajaan yang selama ini menjadi 'harapan' kepada masyarakat dan orang ramai. Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dari kaji selidik tumpuan pelanggan dalam Perkhidmatan Awam mendapati hanya 62 peratus pegawai/kakitangan kerajaan yang komited terhadap tumpuan pelanggan; hanya 51.3 peratus sahaja pegawai/kakitangan memahami maksud TPOR; 35.4 peratus sahaja pegawai yang bersetuju kepada slogan 'customer is always right' dan hanya 49 peratus pelanggan yang mendapati persekitaran pejabat dan kualiti perkhidmatan oleh jabatan kerajaan di peringkat memuaskan. Ke arah itu sistem dan prosedur kerja di setiap jabatan hendaklah dikaji semula bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan ketelusan serta akauntabiliti dalam perkhidmatan kerajaan.

Kita tidak ada pilihan, melainkan sentiasa sensitif terhadap semua perubahan yang terjadi di sekeliling kita dan mengambil tindakan bersesuaian bagi memastikan bahawa Perkhidmatan Awam dan kerajaan sentiasa relevan, up to date serta menjurus kepada perubahan yang positif, produktif, inovatif dan responsif. Perkaranya penting kita tanai bagi menjaga imej dan Integriti Perkhidmatan Awam yang menjadi tulang belakang kerajaan. Pewujudan Integriti Perkhidmatan Awam memerlukan kepimpinan di samping perlunya kerjasama dan sokongan yang padu daripada semua pihak dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Insya-Allah dengan itu Integriti Perkhidmatan Awam kita tetap akan relevan dan cemerlang di masa akan datang.

HALUAN...



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena lawatan negara ke Ukraine pada 17 - 20 Jun 2004.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Zahara HAM

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmahir
Rahim

ALHAMDULIL-
LAHI Rabbil
'Aalameen, Wabi-
hee Nasta'cenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasah-
bihee Ajma'een, Waba'du.

Terima kasih atas undangan tuan untuk membuat lawatan ke Ukraine. Beta berasa amat gembira berada di sini. Beta amat menghargai sambutan yang diberikan oleh tuan dan rakyat juga kerajaan tuan kepada kami.

Awal tahun ini, kami mendapat penghormatan atas lawatan tuan ke negara kami. Dalam erti kata yang sebenarnya ianya satu peristiwa bersejarah. Bagi negara kami, ianya merupakan lawatan yang pertama kali dilakukan oleh seorang pemimpin dari negara di Eropah Timur. Oleh yang

demikian, ianya juga yang pertama kali bagi kebanyakan orang di Negara Brunei Darussalam mengenali Ukraine.

Sebelum lawatan tuan bagi kami Ukraine adalah hanya anggota Bangsa-Bangsa Bersatu dan masyarakat negara-negara di dunia. Selain dari itu, negara itu sendiri hanyalah sebuah lokasi geografi. Dengan menyenangkan sekali, tahun ini ianya lebih daripada hanya garisan sempadan yang ditandakan dalam peta.

Di Negara Brunei Darussalam, kita mula menyaksikan betapa mendalamnya budaya dan tradisi serta kemewahan bakat juga pengalaman yang wujud di dalam garisan sempadan tersebut. Kita juga mula menghargai bukan hanya keindahan dan kepelbagaian Ukraine, malah juga kekayaan warisan yang dinikmati oleh rakyatnya dalam segenap lapisan masyarakat.

Kami telah mengetahui betapa banyak pencapaian rakyat tuan dalam setiap

UKRAINE DESTINASI MENARIK BAGI PERDAGANGAN, PELABURAN

bidang sains dan keseluruhan spektrum kesenian visual juga persembahan dari reka bentuk, muzik klasik, tarian dan sastera hingga kepada persembahan hebat ahli-ahli sukan lelaki dan perempuan yang juga kejayaan unggul ahli-ahli muzik tuan dalam Pertandingan Nyanyian Eurovision tahun ini. Kesemua ini merupakan sumber kebanggaan negara tuan yang amat besar di mana kami mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua rakyat Ukraine.

Kami amat tertarik dengan cara tuan dan kerajaan juga rakyat tuan yang menjadikan sumber kemanusiaan, budaya dan semula jadi bagi faedah pembangunan negara yang moden. Ukraine menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan juga begitu banyak pembaikan dalam penghidupan rakyatnya.

Dari segi ekonomi, ianya kaya dengan tanah perladangan, sumber semula jadi, asas saintifik juga perindustrian yang berkembang luas, kini meliputi pertanian moden hinggalah kepada teknologi angkasa. Di samping itu,

negara tuan juga mempunyai tenaga buruh yang cukup terlatih, juga sistem pendidikan yang baik.

Tuan juga telah menggalakkan penyelidikan dan inovasi yang begitu penting bagi ekonomi sesebuah negara jika ianya ingin diperkembangkan juga bagi kepentingan rakyat di dunia pada hari ini mengikut syarat-syarat pada hari ini.

Ini sememangnya menjadikan Ukraine destinasi yang menarik bagi perdagangan dan pelaburan. Kami amat menikmati peluang mengenali dengan lebih baik di antara satu sama lain juga memahami di antara satu sama lain.

Kami berasa amat gembira menyaksikan cara-cara bagaimana kita dapat bekerja bersama-sama selaku teman dan rakan kongsi di dunia yang kita kongsi sama pada hari ini. Sebagaimana yang kami saksikan sepanjang lawatan tuan ke Negara Brunei Darussalam, jika ianya waktu yang tepat bagi kami menimbang cara yang terbaik untuk membina perkongsian yang berkekalan dan di mana bertepatan sekali bagi kami untuk memperluaskan skop kerjasama kami.

Dalam hubungan ini, kami amat tertarik untuk mengikuti beberapa pandangan yang kita agih sama pada bulan Mac mengenai kerjasama keselamatan dan pertahanan. Beta amat terhutang budi kepada Kementerian Pertahanan tuan atas kesempatan yang diberikan dalam lawatan ini bagi menyaksikan beberapa ke-

mudahan tuan secara langsung sambil bersua muka dengan kakitangan ketenteraan tuan.

Di waktu yang sama, begitu banyak yang dibincangkan dalam pelbagai aspek kerjasama. Ianya termasuklah pertukaran maklumat bagi potensi dalam perdagangan, pelaburan dan pelanco- ngan negara kita di masa depan.

Sudah tentunya, ini adalah kerja yang cukup penting di mana beta sukacita menyatakan ianya sedang dijalankan. Dengan semangat saling menghormati di antara satu sama lain, persefahaman yang dikongsi sama serta perasaan muhibah sejagat, yang kini mula kita puji di antara Negara Brunei Darussalam dan Ukraine. Beta amat sukacita ianya kini sudah diwujudkan.

Beta mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas segala usaha yang tuan sendiri laksanakan demi untuk menggalakkannya. Beta amat menghargai persahabatan rakyat tuan yang dihulurkan kepada kami semua di Negara Brunei Darussalam.

Tuan Presiden, beta amat terhutang budi atas sambutan yang diberikan dan ingin menyampaikan ucapan salam sejahtera dan semoga sihat walafiat kepada Presiden dan kepada semua rakyat Ukraine, semoga persahabatan di antara Negara Brunei Darussalam dan Ukraine terus berkekalan.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DALAM hubungan ini, kami amat tertarik untuk mengikuti beberapa pandangan yang kita agih sama pada bulan Mac mengenai kerjasama keselamatan dan pertahanan. Beta amat terhutang budi kepada Kementerian Pertahanan tuan atas kesempatan yang diberikan dalam lawatan ini bagi menyaksikan beberapa kemudahan tuan secara langsung sambil bersua muka dengan kakitangan ketenteraan tuan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat ke Majlis Resepsi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-39 Republik Singapura. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kerjasama Brunei - Singapura di bidang ekonomi, teknikal, kewangan

BERAKAS, 9 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda, hubungan diplomatik dengan Republik Singapura yang sudah menjangkau 20 tahun bergantung kepada persahabatan dan saling menghormati antara satu sama lain di antara kerajaan dan juga penduduknya.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majlis Resepsi Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-39 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Duli Yang Teramat Mulia bersabda menghargai hasil persahabatan sehingga hari ini di mana kedua-dua negara telah memperoleh persefahaman yang baik antara satu sama lain.

Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia bersabda melalui beberapa lawatan

Oleh Samle HJ

yang dibuat oleh kedua-dua negara telah membawa kerjasama yang sangat berharga dan Negara Brunei Darussalam telah memperoleh banyak manfaat.

"Kedua-dua negara juga mempunyai persahabatan dan turut bekerjasama sebagai rakan kongsi serantau dan antarabangsa," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia juga bersabda, hubungan rapat dalam bidang ekonomi, teknikal dan kewangan penting bagi perhubungan kedua-dua negara.

Lebih dari itu, Duli Yang Teramat Mulia bersabda kedua-dua buah negara juga giat menghasilkan kerjasama yang kukuh dalam perdagangan, pertahanan, hal-ehwal sosial, kebudayaan dan perkembangan teknikal

yang membawa penduduk sebagai jiran serta rakan kongsi yang rapat.

Sehubungan itu, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, melahirkan penghargaan di atas sumbangan persahabatan yang cemerlang dan kerjasama yang diusahakan di antara kedua-dua buah negara.

Manakala dalam ucapan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hirubalan VP menyebarkan bahawa perwakilan Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam telah dipertingkatkan kepada diplomatik sepenuhnya pada 1984 selepas Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan.

Bagaimanapun, tambahnya, hubungan antara kedua-dua negara sudah lama terjalin sebelum ini dan melibatkan bidang seperti pendidikan, pertahanan dan kewangan serta perhubungan yang ditubuhkan

pada tahun 1960-an dan 1970-an.

Tuan Yang Terutama menjelaskan, hasil hubungan kerja dan kerjasama yang cemerlang, kedua-dua buah negara berjaya mengukuhkan lagi hubungan rapat yang sudah lama terjalin.

TYT juga menyebarkan tahniah kepada pencapaian yang berkesan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan dan teraju Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali gus menyaksikan Negara Brunei Darussalam menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran.

Majlis tersebut telah diserikan dengan Persembahan gabungan Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Pancaragam dan Koir Pasukan Polis Republik Singapura.

Sektor swasta sumbangkan lebih \$500 ribu bagi persembahan budaya

Oleh Abdullah Asgar

Manusia dan Hal Ehwal Luar BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali.

Dalam ucapannya, beliau antara lain memberitahu sepanjang 75 tahun pembangunan minyak di negara ini BSP, BLNG, BST dan BSM akan terus mendukung hasrat kerajaan khususnya dalam memajukan sumber utama negara dan amnya dalam menyokong kesinambungan kedaulatan yang berprinsipkan Melayu Islam Beraja.

Katanya, tiada bentuk sumbangan yang dapat menggambarkan betapa pentingnya bagi rakyat

negara ini memelihara tradisi kepimpinan beraja, perkahwinan ini merupakan sebahagian dari inspirasi yang mendorong sokongan tidak berbelah bahagi dan sekalian rakyat, yang menanti dengan debaran dan keriangian untuk melihat acara penuh bermakna berlangsung dengan lancar dan meriah.

Jelasnya, sumbangan tersebut akan dibelanjakan khas untuk beberapa acara bagi memeriahkan detik bersejarah tersebut yang antara lain adalah penerbitan Buku Program Acara Perkahwinan Diraja, pertunjukan bunga api, pemasangan lampu-lampu neon bagi menyerikan suasana malam di ibu negara ini, Majlis Santap Malam dan Majlis Keberangkatan Mempelai Diraja Ke Daerah Belait.

GADONG, 5 Ogos. - Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan Istiadat Perkahwinan Diraja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah Pengiran Salleh Ab Rahman menerima sumbangan lebih \$500 ribu.

Sumbangan pertama datangnya dari Brunei Shell Petroleum (BSP), Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG), Brunei Shell Tankers (BST) dan Brunei Shell Marketing (BSM) sejumlah \$500 ribu, sementara Yang Dimuliakan Pehin Kapitan China Kurnia Diraja Awang Lau Ah Kok menyumbangkan \$66 ribu.

Majlis penyampaian kedua-dua sumbangan yang berlangsung di sebuah hotel di sini disampaikan kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan Istiadat Perkahwinan Diraja.

Menyampaikan sumbangan tersebut bagi pihak BSP, BLNG, BST dan BSM ialah Pemangku Pengerah Urusan/Pengarah Sumber-Sumber Tenaga



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan menerima sumbangan \$500 ribu dari BSP, BLNG, BST dan BSM. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kerajaan terus ambil langkah pantau penyakit zoonotik

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah pemantauan bagi mengesan kejadian penyakit zoonotik di kalangan penduduk di negara ini. Alhamdulillah, sehingga kini tidak terdapat kes-kes penyakit zoonotik di kalangan penduduk di negara ini.

Tujuan utama mesyuarat itu diadakan adalah untuk mengetahui status terkini dan seterusnya meningkatkan lagi usaha-usaha pengawasan, pengawalan dan pencegahan penyakit-penyakit zoonotik, khususnya selesma burung (avian flu).

Mesyuarat Task Force Kebangsaan Mengenai Penyakit-penyakit Zoonotik Yang Mengancam Kesihatan Awam Ke-2 telah diadakan pada hari Rabu 11 Ogos 2004, yang dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama serta ahli-ahlinya terdiri kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan.

Pemantauan itu dilakukan berikutan laporan baru-baru ini, wabak penyakit selesma burung telah muncul semula di negara-negara Thailand dan Viet Nam. Walau bagaimanapun, tidak terdapat kes-kes jangkitan baru kepada manusia

dilaporkan.

Manakala itu, Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, masih meneruskan langkah-langkah pengawasan dan pemantauan di ladang-ladang ternakan, termasuk tempat-tempat pemeliharaan kawasan rumah (backyard) dan kedai-kedai haiwan kesayangan (pet shops). Pemeriksaan di Pos-pos Kawalan masih diperketatkan dengan kerjasama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pasukan Polis Diraja Brunei dan agensi-agensinya kerajaan yang berkaitan.

Untuk makluman, Negara Brunei Darussalam masih mengekalkan larangan import dari negara-negara yang terjejas.

Kementerian Kesihatan dan Jabatan Pertanian juga akan sentiasa berhubung bersama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pertubuhan Sedunia Mengenai Kesihatan Haiwan (OIE) dan pihak-pihak berkuasa serantau, bagi mendapatkan maklumat perkembangan terkini dan sebarang garis panduan bagi langkah-langkah kesihatan awam yang perlu diambil bagi menangani penyakit berkenaan.

Sementara itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, juga

mengambil langkah berwaspadanya untuk menyalin dan menghindarkan negara ini daripada dijangkiti wabak selesma burung. Langkah-langkah tersebut di antaranya seperti memohon 'Doa Tolak Bala' selepas Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isyak, Doa dan Sembahyang Hajat sebelum Sembahyang Jumaat serta Khutbah Jumaat di semua masjid-masjid di negara ini yang mana aktiviti-aktiviti berkenaan masih dijalankan hingga ke masa kini.

Pada masa ini, tidak ada larangan perjalanan di negara-negara yang terjejas oleh wabak penyakit selesma burung (avian flu). Walau bagaimanapun, orang ramai yang berkunjung ke negara-negara tersebut dinasihatkan supaya tidak mengunjungi pasar-pasar ternakan hidup dan ladang-ladang ternakan. Ini adalah selaras dengan nasihat WHO.

Sehubungan dengan itu, Task Force Kebangsaan Mengenai Penyakit-penyakit Zoonotik Yang Mengancam Kesihatan Awam, mengucapkan terima kasih kepada orang ramai di atas kerjasama berterusan yang diberikan dalam menangani penyakit selesma burung dari merebak di negara ini.

Hubungan pertahanan Malaysia - Brunei terus kukuh

Oleh Samle HJ

BERAKAS, 6 Ogos. - Hubungan pertahanan dan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia terus dikukuhkan lagi menerusi pertukaran lawatan dan program-program latihan.

Yang Berbahagia Jeneral Dato' Seri Mohd. Azumi, Panglima Tentera Darat (PTD) Diraja Malaysia telah mengadakan kunjungan rasmi kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi di pejabat Pemerintah ABDB, Markas Kementerian Pertahanan di sini.

Kunjungan itu merupa-

kan kali pertama sejak beliau dilantik menjadi Ketua Tentera Malaysia pada bulan September 2003.

Sepanjang perjumpaan, kedua-dua pemerintah bertukar pandangan di samping berkongsi pendapat bagi terus mengukuhkan lagi persefahaman dan meningkatkan kerjasama kedua-dua buah pihak yang boleh memberi faedah bersama.

Sebelum itu, beberapa latihan bersama telah pun diselenggarakan oleh kedua-dua belah pihak termasuk latihan BRUMAL SETIA, Mertak Bersatu dan HORNBILL.

LAWATAN KERJA KEBAWAH DYMM KE KEMENTERIAN PERHUBUNGAN



Gambar-gambar oleh
Haji Haranadi HB dan Harun HR

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat melawat Kementerian Perhubungan (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima sembah taklimat oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah.



KELIHATAN baginda berkenan menurunkan catatan di atas majalah yang terdapat di salah sebuah bahagian di kementerian berkenan.



SEMASA lawatan itu baginda berkesempatan beramah mesra bersama para pelatih dari sekolah teknikal yang ditempatkan di Kementerian Perhubungan (kiri).

BEBERAPA orang kakitangan sebuah bahagian menjunjung keberangkatan baginda (kanan).



BAGINDA berangkat mengunjungi ke sebuah bahagian dengan diiringi oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria (atas).

BAGINDA menyaksikan secara dekat tugas-tugas yang dikendalikan oleh seorang pegawai di Bahagian Pentadbiran.



Berkenan merasmikan Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap, Pertunjukan Bunga-bunga Hidup

BERAKAS, 12 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang Dipertua Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI). Dayang Hajah Marhani binti Abdul Latif juga selaku Pengerusi Bersama dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah

Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Sejurus keberangkatan tiba, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dikumandangkan

**Liputan
Siti Aishah HS
Gambar-gambar
oleh
Pengiran Rafee
PDPHM dan
Hamadi HM**

diikuti dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani dan diteruskan dengan ucapan sembah alu-aluan oleh Pengerusi Bersama Jawatankuasa, Dayang Hajah Marhani binti Abdul Latif.

Majlis kemudian diikuti dengan titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Di majlis itu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan Peraduan Seni Gubahan Bunga Secara Spontan dan diselaraskan dengan pengurniaan hadiah-hadiah kepada para pemenang Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap, Pertunjukan Bunga-bunga Hidup dan Seni Gubahan Bunga.

Sebanyak lapan kategori dipertandingkan iaitu kategori pertama bagi penyertaan rumah perseorangan di darat; kategori kedua, penyertaan rumah perseorangan skim perumahan di darat; kategori ketiga, penyertaan rumah perseorangan di Kampong Ayer dan kategori keempat bagi penyertaan rumah perseorangan perpindahan di Kampong Ayer.

Sementara itu, kategori kelima adalah bagi keseluruhan kampung di darat; kategori keenam penyertaan bagi keselu-

ruhan di Kampong Ayer, diikuti dengan kategori ketujuh penyertaan bagi persekitaran sekolah menengah dan kategori kelapan bagi penyertaan persekitaran stesen minyak.

Tema Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap pada tahun ini ialah 'Keindahan dan Kebersihan Alam Sekitar Asas Kesejahteraan Negara' yang mengingatkan kita mengenai peranan atau sumbangan yang dimainkan oleh persekitaran bersih, hijau dan indah ke arah mewujudkan cara hidup berkualiti, yang memerlukan peningkatan kesejahteraan penduduk dan kemakmuran serta kemajuan negara.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama ahli-ahli kerabat diraja berkenan menyaksikan pameran.

BAGINDA berkenan berangkat menyaksikan Pameran Fotografi yang dipamerkan oleh pemenang-pemenang di pertandingan tersebut (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berserta ahli-ahli kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap di majlis itu.



BAGINDA berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Dayang Ong Moi Eng, pemenang pertama bagi kategori rumah perseorangan di darat.



KAMPONG Jerudong berjaya meraih piala pusingan kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, bagi pertandingan keseluruhan kampung di darat.



TERPESONA ... Baginda berkenan menyaksikan Pameran Pertunjukan Bunga-bunga Hidup dengan lebih dekat lagi (atas).



BAGINDA berkenan menandatangani buku perasmian, semasa merasmikan Majlis Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup, bertempat di ICC (kiri).

KERABAT diraja yang lain juga tidak ketinggalan berangkat menyaksikan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup di majlis itu (bawah).



MUNGKIN ramai orang yang mempunyai anggapan lain dari apa yang hendak kita ketengahkan di sini tentang antara tangan kiri dan tangan kanan dalam persepsi dulu dan persepsi sekarang. Dan juga mana satu di antaranya itu yang patut diutamakan dan yang mana satu yang harus dikemudiankan.

Kalau pada masa-masa yang silam, menetapkan sesuatu perkara yang penting itu atau mendahulukan perkara utama itu hendaklah dimulai dengan tangan kanan sementara tangan kiri ditiadakan sahaja.

Apa rasisanya yang menggalakkan bahawa apa pun perbuatan hendaklah dimulai dengan tangan kanan dan apa pula hikmatnya tangan kanan itu?

Tanpa melihat mana-mana buku yang berkaitan dengan perkara itu, mereka di masa yang lalu itu memang agaknya sudah arif benar akan larangan-larangan yang banyak diajarkan kepada mereka termasuklah barang kali tentang kemungkinannya ada rahsia pada tangan kanan dan tangan kiri itu.

Kita cuba cari cerita di sebalik itu atau atas sebab apa dan kenapa adanya semacam disiplin antara kanan dan kiri yang seolah-olah ada bau pantang larang di sebalik perkaranya.

Kita mengumpul satu dua pendapat dari mereka yang boleh dikatakan banyak mengetahui akan perkara ini. Kita kira mungkin ada sesuatu yang lebih istimewa dan mempunyai sesuatu yang luar biasa.

Kenapa cerita tangan kanan dan tangan kiri ini timbul? Pada satu hari, kita berhajat hendak menemui seorang kawan lama yang juga sudah bersara agak lama juga. Tujuan kita hanyalah sekadar bersembang-sembang sahaja selain dari hendak melepas rasa dan dam selepas berpisah agak lama juga. Selain hendak bertanya khabar tentang diri dan keluarganya, kita tentulah nak lihat juga bagaimana keadaannya setelah bersara sudah lebih dari 20 tahun. Ini bererti, usianya sudah mencecah 70 tahun atau lebih.

Kawan lama ini mempunyai pengalaman yang luas dan memang rajin merantau ke sana ke mari yang tidak setakat sekitar negara bahkan juga hingga sampai keluar negara. Banyak tempat-tempat yang telah dikunjunginya di sekitar Sarawak dan Sabah, malah

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

ANTARA TANGAN KIRI DAN TANGAN KANAN

Semenanjung Malaysia dan Singapura adalah juga tidak asing baginya.

Kesukaannya mengembara itu semakin kukuh lagi apabila beliau berkhidmat dalam sebuah jabatan kerajaan yang mengendalikan pengangkutan laut termasuk memiliki beberapa buah kapal kerajaan yang senantiasa menawarkan perkhidmatan jika ada yang memohon, bahkan juga menyediakan perkhidmatan pelayaran ulang-alik ke destinasi-destinasi yang ditetapkan seperti Labuan dan Kuching dan ada kalanya ke Sundar, Lawas, Menumbuk mengikut kehendak penumpang. Jadi, bidang pelayaran adalah kerjanya yang terakhir sehingga beliau bersara.

Dalam pertemuan itu, banyak cerita yang timbul dan banyak perkara yang berharga untuk didengar. Kita sendiri tidak tahu banyak dari perkara-perkara yang diceritakannya itu. Kebanyakannya adalah sekitar budaya orang-orang kita di zaman bahari itu atau setidak-tidaknya di zaman beliau. Dari apa yang ditimbulkannya itu, ternyata beliau ini seorang yang berpengalaman luas dan tajam pengamatan selain dari kuat ingatan biarpun kini sudah lebih dari usia warga emas.

Dari banyak cerita yang dicakapannya itu, perkara yang menyangkut kepada tata tertib yang diajar dan dipatikan kepa-

da anak-anak sejak dari kecil lagi itu adalah sangat menarik perhatian kita. Sebab, rupa-rupanya, orang-orang dahulu mengajar anak-anak mereka adalah berdasarkan kepada apa yang dapat dilihat dan dirasa dalam diri mereka dan selanjutnya memahaminya mengikut ketertiban yang dipegang kuat oleh masyarakat ketika itu.

Ada banyak patihan-patihan (pengajaran dan latihan/amalan) yang dilakukan secara bersungguh-sungguh dan tidak pernah dibuat secara sambil lewa, jauh sekali sekadar melepas batuk di tangga. Dalam semua itu, kita tertarik tentang penggunaan tangan dan jari-jemari yang dimulai dengan penggunaan tangan kanan untuk apa dan tangan kiri untuk apa.

Sebelum itu, anak-anak diajar memahami erti bersyukur kerana dikurniakan anggota badan yang sempurna. Kepada anak-anak yang 'kekurangan', selain bersyukur, juga diajarkan supaya tabah, tawakal, mengejar ilmu, berhati mulia dan tidak terlalu merasa rendah diri, kerana segalanya berada di bawah kekuasaan Allah.

Menurut yang empunya cerita, tangan kanan, secara umumnya adalah diibaratkan sebagai saudara 'yang tua' manakala yang kiri adalah yang berikutnya. Apa pun pekerjaan hendaklah dimulai dengan yang

kanan dahulu. Mendahulukan yang kanan itu adalah afdal dan ada keberkatannya. Secara tabienya, kita memulakan langkah kaki adalah didahului oleh kaki sebelah kanan. Hanya dengan memulakan langkah melalui kaki kanan itu tadi, segalanya akan terasa selesa dan aman. Cuba rasakan kalau kita memulakan langkah dengan melangkahkan kaki kiri dahulu. Tentunya akan terasa peliknya.

Mengenai tangan: Bila sampai kepada soal makan, tidak dinafikan ada anak-anak menggunakan tangan kiri sedangkan kebanyakan orang menggunakan tangan sebelah kanan. Demikian juga ketika menggunakan pensil untuk menulis dan membuat kerja-kerja lain memang ada anak-anak yang melakukannya dengan menggunakan tangan kiri. Ini berlaku kerana sudah menjadi kesikapan dan kesikapan itu terjadi demikian adalah kerana 'kurang dalam mematih' anak-anak mengutamakan ketertiban itu sejak dari kecil lagi. Ini juga mungkin berlaku kerana kurang pemerhatian.

Bagaimanapun, perkara begini tidaklah rumit untuk dibetulkan, apa lagi kiranya ibu bapa atau penjaga anak-anak itu memberi gambaran yang bolu diterima oleh anak-anak tersebut. Ini adalah seperti tahu apakah peranan tangan sebelah kanan dan apa pula biasanya yang dibuat oleh tangan sebelah kiri yang biasanya adalah digunakan untuk 'bebasuh' atau membersihkan yang najis.

Orang kita sangat peka terhadap hal-hal yang demikian ini. Tatatertib dan ketertiban adalah dipandang sangat perlu. Untuk itu, semuanya adalah juga sangat perlu untuk dijadikan sebagai kesikapan yang diamalkan pada setiap waktu. Ini juga adalah sebahagian dari budaya Melayu yang hendaknya akan diambil berat walaupun pada pandangan sekali lindap, ianya mungkin saja dianggap ringan atau mungkin saja dikatakan tidak perlu.

Harus diingat bahawa tidak semua yang remeh-temeh itu tidak bernilai, bahkan pada waktu itu, orang semakin ramai menyuarakan tentang 'akar umbi', selain pandang ke atas hendaklah juga pandang-pandang ke bawah supaya tidak terumpak tunggul. Itu kata orang dahulu.

Meningkatkan perkhidmatan kepada orang kurang upaya

BERAKAS, 4 Ogos. - Pendaftaran orang-orang kurang upaya adalah penting bukan sahaja kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), tetapi juga bagi agensi-agensi lain dalam kerajaan dan bukan kerajaan. Melalui kemudahan komputer, segala maklumat pendaftaran mengenai golongan kurang upaya dapat diakses dengan tepat dan cepat untuk membantu peranan kerajaan dalam meningkatkan perkhidmatan kepada golongan yang berkeperluan khas.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berucap demikian semasa merasmikan Majlis Pelan-

Oleh
Siti Aishah HS

caran Pendaftaran Orang-orang Kurang Upaya Seluruh Negara yang diadakan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Yang Berhormat difahamkan bahawa sebelum ini pendaftaran telah dilaksanakan secara manual, tetapi bermula tahun lalu, perkhidmatan pendaftaran adalah melalui laman web yang memudahkan maklumat dan data diperolehi dengan segera, khususnya bagi JAPEM dalam usaha awal ke arah merealisasikan e-Kerajaan.

Majlis diadakan antara lain untuk mempromosikan perkhidmatan pendaftaran bagi orang-orang



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan tongkat putih kepada orang-orang kurang upaya di majlis itu.

kurang upaya di seluruh negara dengan menggunakan komputer, dalam mencapai matlamat kerajaan untuk mengumpul dan menyelaraskan data-data dan maklumat bagi memudahkan pelaksanaan dasar.

Sementara itu, Yang Berhormat juga menyeru agar golongan kurang upaya sentiasa diberi peluang dan sokongan kerana kekurangan yang ada bukanlah halangan untuk mereka sama-sama menyumbang ke arah kemajuan negara. Umpamanya melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat di

mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memberikan bantuan kewangan kepada beberapa orang pelajar kurang upaya untuk melanjutkan pengajian ke institusi-institusi tinggi di dalam dan luar negara.

"Pencapaian orang-orang kurang upaya juga terserlah di dalam bidang sukan. Mereka telah mewakili negara di kejohanan-kejohanan sukan yang disertai oleh orang-orang kurang upaya di dalam dan luar negara dan sering kali membawa

pulang beberapa pingat emas, sekali gus mengharumkan nama negara," jelas Yang Berhormat.

Majlis juga diselenggarakan dengan perasmian Bengkel Orientasi/Mobiliti Membantu Orang-orang Kurang Upaya Penglihatan dan Berkerusi Roda yang merupakan salah satu usaha JAPEM, untuk memberikan peningkatan dan kesedaran kepada orang ramai dalam sama-sama menangani masalah yang dihadapi oleh orang-orang kurang upaya.

Lapan pegawai dan kakitangan diraikan

Oleh
Bolhassan HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Julai. - Seramai lapan orang pesara serta enam orang pegawai dan kakitangan yang bertukar dari Jabatan Perkembangan Kurikulum hari ini diraikan dalam Majlis Kesyukuran Meraikan Persaraan dan Pertukaran Warga Jabatan Perkembangan Kurikulum ber-

langsung di jabatan berkenaan.

Pengarah Perkembangan Kurikulum, Dayang Hajah Norjam binti Haji Yusof dalam ucapan ringkasnya telah melahirkan penghargaan kepada para pegawai dan kakitangan yang bersara dan bertukar ke jabatan lain kerana khidmat bakti yang mereka curahkan di Jabatan Perkembangan Kurikulum.

Majlis seumpama ini merupakan sebagai penghargaan terhadap mereka di atas jasa yang telah mereka sumbangkan secara langsung atau tidak langsung dengan sepuas tenaga dalam menayakan apa jua rancangan pendidikan yang membawa kemajuan kepada bangsa dan negara.

Di majlis tersebut Pengarah Perkembangan Kurikulum telah menyampaikan surat penghargaan dan cenderamata kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang bersara dan bertukar ke jabatan lain.



PENGARAH Perkembangan Kurikulum, Dayang Hajah Norjam binti Haji Yusof ketika menyampaikan ucapan di Majlis Kesyukuran Meraikan Persaraan dan Pertukaran Warga Jabatan Perkembangan Kurikulum. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa ketika menyaksikan Pameran Fotografi sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 yang diadakan di Dewan Legar Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pameran Fotografi Hari Keputeraan

BERAKAS, 31 Julai. - Pameran Fotografi sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 anjuran Persatuan Jurufoto Brunei Darussalam (PJBD) telah diadakan di Dewan Legar Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Majlis perasmian pameran tersebut telah dibuka rasmi oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa selaku tetamu kehormat.

Pameran Fotografi yang dipamerkan itu adalah hasil daripada penyerahan jurufoto-jurufoto tempatan yang menyertai peraduan yang dikendalikan oleh PJBD yang diadakan pada 16 Julai yang lalu dan ianya juga pernah dipamerkan di Jerudong Park semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Oleh Aliddin HM

Darussalam dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di Daerah Brunei dan Muara pada 18 Julai yang lalu.

Pameran itu dibukakan bagi kunjungan orang ramai hingga 6 Ogos.

Majlis pada hari itu juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam Peraduan Fotografi anjuran PJBD.

Peraduan itu terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori 'A' bagi VIP - Bebas dimenangi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Wijaya Brigadier Jeneral (B) Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Haji Ahmad dengan tajuk gambar 'Morning Mist'. Manakala tempat kedua dimenangi oleh Dato Paduka Haji A. Jalil bin A. Rahman dengan tajuk gambar 'Siti' dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud dengan tajuk gambar 'Temuai' menduduki tempat ketiga.

Sementara dalam kate-

gori 'B' Terbuka - Bersama Rakyat, tempat pertama disandang oleh Pengiran Mohd. Dahlan bin Pengiran Mohd. Said dengan tajuk gambar 'Raja Yang Tercinta', tempat kedua Haji Muhammad bin Haji Sulaiman dengan tajuk gambar 'Menjunjung Kasih 2' dan Mohd. Daud bin Burut dengan tajuk gambar 'Maulud Nabi' menduduki tempat ketiga.

Dalam kategori 'C' Terbuka - Acara Perayaan, tempat pertama dimenangi oleh Mohd. Daud bin Burut dengan tajuk gambar 'Penari Kecil'. Ismail bin Omar dengan tajuk gambar 'Persembahan Padang' menduduki tempat kedua dan tempat ketiga pula Haji Hasan bin Bakar dengan tajuk gambar 'Lumba Perahu Sungai Belait 2003'.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam peraduan itu telah disempurnakan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Pekerja perlu bersikap sabar dan kental

Oleh Aliddin HM

kata Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan berharap Pusat Sumber Kerjaya akan dapat berfungsi sebagai jambatan di antara lepasan penuntut yang mencari kerja dengan

majikan-majikan yang memerlukan pekerja.

Pusat Sumber Kerjaya, Kementerian Pendidikan memainkan peranan dalam usaha mencari peluang pekerjaan dan menawarkan khidmat bimbingan yang berkesan kepada para pencari kerja sama ada dari lepasan sekolah mahupun institusi-

institusi pengajian tinggi yang lain.

Selain itu pusat tersebut juga menyediakan maklumat-maklumat bagi pusat-pusat pengajian tinggi, kaunseling dan latihan kepada para pelajar dan mereka yang memerlukan sebarang khidmat untuk mencari pekerjaan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi berucap demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Pusat Sumber Kerjaya Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah di sini.

Kekerapan seseorang untuk menukar pekerjaan, kata Yang Dimuliakan, membayangkan kepada setiap majikan bahawa dia merupakan seorang individu yang tidak tahan bekerja dan tidak mampu membuat penyesuaian.

Yang Dimuliakan menambah, ganjaran kewangan atau gaji tidak seharusnya dijadikan nilai tara atau kriteria yang penting kerana pengalaman kerja yang diperolehi adalah sangat berguna bukan sahaja untuk memantapkan kedudukan dalam firma tetapi juga merupakan satu komponen penting bagi bakal majikan.

Selain itu, kata Yang Dimuliakan, bagi membantu merealisasikan matlamat Pusat Sumber Kerjaya, Kementerian Pendidikan setiap bakal majikan terutama dari kalangan pihak swasta juga perlu memberikan kerjasama untuk mengiklankan dan menawarkan kerja-kerja kosong di syarikat-syarikat mereka untuk diisi oleh anak-anak tempatan lepasan sekolah.

"Tanpa adanya partisipasi pihak swasta dalam pusat ini matlamat Pusat Sumber Kerjaya ini mungkin kurang berjaya,"



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi menyaksikan pameran sejurus membuka rasmi Pusat Sumber Kerjaya, Kementerian Pendidikan. - Gambar oleh Masri Osman.

313 kanak-kanak sertai Peraduan Mewarna, Melukis

GADONG, 9 Julai. - Melukis merupakan salah satu kegiatan seni yang berprestij yang diwarisi bangsa dan budaya negara.

Usaha-usaha untuk mengetengahkan pelukis-pelukis tempatan dari peringkat usia muda sentiasa didukung sepenuhnya dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak.

Seramai 313 orang kanak-kanak dan remaja belasan tahun menyertai Peraduan Mewarna dan Melukis Besar-besaran 2004 dan Pelancaran Jerayawara Majalah MEKAR yang dirasmikan Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi.

Oleh Aliddin HM

Peraduan yang julung-julung kalinya diadakan oleh Bizglobe Event Management dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka yang diselenggarakan dengan Jerayawara Majalah MEKAR sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 yang diadakan di pusat gedung membeli-belah Tha Mall di sini.

Peraduan itu dibahagi kepada empat kategori menurut peringkat umur antara empat hingga 16

tahun. Kegiatan seumpama itu menjadi contoh yang baik bagi para ibu bapa ke arah mendidik anak-anak mereka bagi mengisi masa terluang dengan aktiviti-aktiviti berfaedah, di samping untuk memberi peluang kepada kanak-kanak dalam mengembangkan minda dan kemahiran mereka.

Kegiatan seumpama itu juga mampu menguji bakat mereka yang memiliki kemahiran melukis dan memberi faedah kepada para pelukis dari aspek kero-

harian dan fizikal. Majlis petang itu diserikan dengan persembahan tari oleh pelajar-pelajar Sekolah P.D.S. Jangsak.



KANAK-KANAK dan remaja yang menyertai Peraduan Mewarna dan Melukis Besar-besaran 2004. - Gambar oleh Hamadi HM.

RBA perkenal E-Ticketing

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Ogos. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dalam siaran akhbar hari ini mengumumkan bahawa syarikat berkenaan telah memperkenalkan 'E-Ticketing' atau 'E-Pentiketan' bagi penumpang ke beberapa destinasi.

Bermula dari 5 Julai yang lalu, para penumpang yang mengikuti perjalanan antara Bandar Seri Begawan, Brisbane dan Auckland mempunyai pilihan untuk menggunakan perkhidmatan terbaharu ini apabila membuat tempahan secara online atau Pejabat Tempahan RBA di negara-negara berkenaan.

E-Pentiketan atau Pentiketan Elektronik menyediakan perkhidmatan yang lebih luas dan fleksibel dan berkesan termasuk pengeluaran tiket dan masuk mendaftar bagi para pelanggan. Apabila tempahan disahkan, kesemua butiran perjalanan akan disimpan dalam sistem tempahan syarikat. Satu salinan jadual dan resit pembayaran dengan mudah dihantar menggunakan e-mel atau difaks kepada pelanggan. Pelanggan yang menggunakan perkhidmatan online

akan mempunyai akses kepada jadual penerbangan mereka ketika membuat tempahan. Mereka hanya perlu menunjukkan pasport dan jadual penerbangan mereka ketika masuk mendaftar untuk mendapatkan pas masuk.

Melalui E-Pentiketan, para pelanggan tidak perlu bimbang kehilangan atau salah simpan tiket mereka. Sebarang kehilangan atau salah taruh jadual penerbangan mereka dengan mudah diganti tanpa sebarang bayaran.

E-Pentiketan telah diperkenalkan di Hong Kong pada 21 Julai lalu dan Kuala Lumpur pada 1 Ogos. Destinasi RBA yang lain juga akan diperkenalkan sistem yang sama secara berperingkat.

RBA mengambil langkah ini sebagai satu inisiatif yang sejajar dengan langkah ke arah E-Kerajaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di samping mempertingkatkan perkhidmatannya dan memastikan pelanggan-pelanggannya mendapat faedah daripadanya.

KEBAWAH DYMM BERKENAN LAWATAN KERJA KE DAERAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkan penerangan oleh Jurutera Kerja Kanan, Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, Pengiran Haji Menudin ketika berangkat melawat ke Dewan Serbaguna Mukim Labi (atas).

BAGINDA ketika berkenan berangkat melawat ke bilik-bilik darjah Sekolah Rendah Chung Hua, Labi (kanan).

LABI, 11 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat mengadakan lawatan kerja ke Mukim Labi dan Pekan Belait pagi tadi.

Lawatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara mengejut itu bertujuan

bagi meninjau perkembangan yang terdapat di kawasan-kawasan yang dilawati. Keberangkatan baginda di Mukim Labi dijunjung oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusop bin Bakar, Pengurus Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia, Awang Abdul Majid bin Alias dan pegawai-pegawai kanan kerajaan lainnya.

Juga hadir semasa keberangkatan lawatan itu, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim.

Lawatan baginda termasuk ke beberapa buah sekolah di mukim itu antaranya Sekolah Rendah Orang Kaya Pemancha Berandai Bukit Sawat. Di sana baginda telah dijun-

jung oleh tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Kemudian baginda melawat ke Sekolah Rendah Merangking. Keberangkatan baginda dijunjung oleh Guru Besar sekolah itu. Ketika berada di sana baginda melawat kawasan sekolah dan bilik-bilik darjah.

Sepanjang perjalanan ke Bukit Sawat baginda juga meninjau perkembangan infrastruktur seperti jalan raya, yang mana infrastruktur tersebut sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan serta sentiasa dipertingkatkan.

Baginda juga melawat Dewan Serbaguna mukim itu yang dihasratkan bagi kemudahan penduduk yang tinggal di kawasan mukim itu untuk tujuan pelbagai kegiatan yang berkebakikan.

Sejurus kemudian baginda berangkat pula melawat ke Sekolah Rendah Chung Hua. Sekolah itu merupakan satu-satunya sekolah Cina yang terdapat di mukim itu. Selain murid-murid berbangsa Tionghoa 35 peratus dari seramai 45 orang murid terdiri dari murid Melayu yang belajar darjah pra hingga darjah enam. Sekolah itu mula dibuka pada tahun 1946 dan kini mempunyai

sembilan tenaga pengajar. Mata pelajaran yang diajar adalah mengikut kurikulum sekolah-sekolah kerajaan di negara ini.

Baginda seterusnya berangkat melawat Sekolah Rendah Labi. Perkembangan dan kemajuan institusi pendidikan di negara ini menjadi keutamaan bagi kerajaan baginda di mana peruntukan yang besar dikeluarkan bagi tujuan tersebut. Semasa berada di sekolah itu baginda melawat ke bilik-bilik darjah. Bangunan sekolah yang ada sekarang dibina pada tahun 1986. Dewan makan dan dapur sekolah juga dilawati baginda. Sekolah itu masih menerima skim pemakanan bagi murid-muridnya. Skim tersebut merupakan pemedulian kerajaan baginda kepada rakyat terutama mereka yang tinggal di pedalaman.

Sekolah itu melaksanakan Skim Rintis Sehari Suntuk pada bulan Mei tahun 2003 dan Skim Pendidikan Bersepadu pada bulan Januari. Setakat ini seramai 78 murid belajar di sekolah itu dari darjah pra hingga darjah enam dengan 17 tenaga pengajar. Dalam keberangkatan baginda ke sekolah-sekolah berkenaan, baginda telah pun menyaksikan pembela-



BAGINDA menitahkan pertanyaan kepada seorang guru darjah Sekolah Rendah Chung Hua, Labi yang ketika itu menyampaikan pembelajaran kepada murid-muridnya (atas kiri).

BAGINDA juga menitahkan pertanyaan kepada seorang murid mengenai pelajaran yang diikutinya (atas kanan).

PRIHATIN ... Baginda menitahkan pertanyaan kepada Ketua Pengendali Makanan mengenai skim pemakanan yang dijalankan di Sekolah Rendah Labi ketika melawat dapur sekolah tersebut (kiri).

BAGINDA tetap menampakkan kemesraan bersama sesiaapa sahaja tanpa mengira kedudukan, pangkat, bangsa dan golongan tua atau muda.

BUAT LAIT

itra



gambar-gambar oleh
Hajah Saidah PHOA



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah tenaga pengajar Sekolah Rendah Labi.



BAGINDA meninjau lebih dekat lagi kemudahan pembelajaran yang terdapat di Sekolah Rendah Labi.



MURID Sekolah Rendah Labi ini nampak malu dan segan apabila baginda menitahkan soalan mengenai mata pelajaran yang diikutinya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah guru-guru Sekolah Rendah Labi (atas).

BAGINDA ketika berangkat meninjau lebih dekat sekitar kawasan Restoran Srikandi yang diusahakan oleh anak tempatan, Hajah Sharifah Maimunah binti Sheikh Mohammad (kiri).



TERTARIK... Barang-barang antik yang dijual oleh seorang pemilik kedai di bangunan bumiputera di tingkat bawah begitu menarik perhatian baginda.



BAGINDA berkenan menyaksikan Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Yussop bin Bakar menjalani pemeriksaan tekanan darah yang dilakukan oleh Pegawai Kesihatan (atas).

bawah dan tingkat satu khusus bagi ruang kedai, manakala tingkat tiga dan tingkat empat pula dikhususkan bagi ruang pejabat.

Menurut Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, kesemua 25 ruang kedai telah dipenuhi oleh perniagaan pelbagai jenis, manakala hanya lima ruang pejabat belum lagi diisi dan masih lagi dibukakan kepada orang ramai. Baginda juga berkenan meninjau kedai-kedai yang berdekatan di bangunan tersebut. Ketika di sana baginda berkenan beramah mesra bersama rakyat. Para ibu bapa yang kebetulan mengambil anak-anak sekolah mengambil peluang keemasan turun dari kereta untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda.

Dari sana baginda juga berkenan singgah ke sebuah restoran yang diusahakan oleh seorang anak tempatan, Dayang Hajah Sharifah Maimunah binti Sheikh Mohammad. Restoran yang dikenali sebagai Srikandi mempunyai 20 tenaga pekerja. Selain restoran, Srikandi telah juga mengeluarkan pelbagai makanan kering yang dijual di pasaran tempatan.

Lawatan kerja baginda berakhir kira-kira jam 1.00 petang. Sebelum berangkat pulang baginda berkenan menerima junjung ziarah para pekerja dan penuntut-penuntut Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah yang sedia menanti keberangkatan baginda, raja yang mereka kasihi berada di kawasan sekolah mereka.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, lawatan kerja baginda membuktikan keprihatinan baginda terhadap perjalanan jentera kerajaan bagi perkembangan pendidikan dan kesihatan rakyat serta penduduk negara ini, di samping meninjau prasarana-prasarana yang disediakan oleh kerajaan baginda bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Lawatan kerja baginda juga sebagai pemangkin kepada semua pihak yang terlibat untuk sama-sama menamai wawasan negara dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih komited, berdedikasi dan cekap.

Brunei duduki tangga ke-40 dari 191 negara

BERAKAS, 29 Julai. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menjelaskan, Negara Brunei Darussalam berada di tangga ke-40 dalam segi pencapaian kesihatan berbanding dari 191 buah negara di dunia, ke-4 di rantau Pasifik Barat dan ke-2 di ASEAN.

"Kadar kematian anak damit telah menurun daripada 12.8 peratus dalam tahun 1984 kepada 8.3 peratus pada tahun 2002 bagi setiap 1,000 kelahiran, manakala kadar kematian ibu bagi setiap 1,000 orang ibu mengandung adalah amat rendah 0.3 peratus bagi tahun 2002," jelas Yang Berhormat.

Sementara itu, jangka hayat bagi lelaki iaitu 73.5 tahun dan 76.1 tahun bagi perempuan adalah tahap yang setanding dengan pencapaian di United Kingdom.

"Negara Brunei Darussalam pada masa ini telah diisytiharkan sebagai negara yang bebas dari hampir kesemua penyakit-penyakit yang berjangkit di kalangan kanak-kanak seperti penyakit batuk kering, polio dan kerongkong, di samping penyakit-penyakit berbahaya yang lain seperti malaria," jelas Yang Berhormat ketika berucap menutup rasmi Seminar Promosi Kesihatan Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004 di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kita sekarang mengalami peralihan epidemiologi di mana penyakit kronik tidak berjangkit setiap tahun kian bertambah jumlah dihidapi di kalangan orang dewasa tanpa mengira umur dan taraf kedudukan, di mana penyakit barah, jantung, komplikasi kencing manis, darah tinggi adalah di antara penyebab pembunuh utama di negara ini.

"Semua itu mungkin dapat dielakkan jika menjaga kesihatan kita dan mengubah sikap dan tabiat yang lebih positif kerana pencegahan lebih baik dari mengubatinya," tambah Yang Berhormat.

Penjagaan kesihatan yang bersesuaian melalui pengambilan pemakanan yang menyihatkan dan diimbangi dengan 'regular exercise', suasana alam sekitar dan tempat tinggal yang bersih, menjauhi dari merokok dan mengukuhkan hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wataala melalui berdoa yang berterusan adalah antara faktor-faktor yang boleh menghindarkan kita dari penyakit-penyakit kronik tersebut, tegas Yang Berhormat.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat, penegahan merokok di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi di negara ini telah berjalan sejak tiga tahun lalu.

"Kanak-kanak, pelajar dan belia-belia adalah golongan yang mudah terpengaruh kepada gejala-gejala yang tidak baik seperti merokok, dadah dan sebagainya, di samping menggemari makanan dan minuman yang kurang menyihatkan, semua itu boleh menjejaskan kesihatan, seperti kegemukan dan titik permulaan kepada menghadapi penyakit kronik yang membahayakan," tambah Yang Berhormat.

Sehubungan dengan itu, jelas Yang Berhormat, perlunya mereka diasuh dan dibimbing di peringkat sekolah lagi sebelum terlambat, melalui pendidikan yang seimbang termasuk kepentingan kebersihan rohani dan jasmani.

Yang Berhormat menjelaskan, sudah terbukti kebanyakan individu yang terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah dan sebagainya adalah terdiri daripada mereka yang lemah dalam rohaninya, begitu juga yang terjebak dalam kegiatan yang merosakkan diri sendiri adalah berpunca lemahnya iman.

Sepanjang seminar berlangsung kertas-kertas kerja dibentangkan oleh penceramah dari dalam dan luar negeri yang diundi khas dan diambil maklum oleh peserta seminar yang terdiri dari orang ramai, pegawai dan kakitangan kerajaan, pihak swasta dan orang perseorangan.

Sementara dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama seorang peserta, Dayang Haryani binti Haji Omar dari Kementerian Kesihatan memberitahu bahawa melalui seminar tersebut beliau memperolehi pengetahuan dan mendapat banyak manfaat.

Antara yang dibangkitkan, katanya, ialah masalah kegemukan atau obesiti yang dialami di kalangan penduduk di negara ini di mana bila ia dibiarkan tanpa kawalan tertentu akan mudah mendatangkan pelbagai ma-

Oleh
Abdullah Asgar

salah kesihatan dan jika berlarutan boleh membahayakan orang terbabit.

"Dengan adanya promosi kesihatan seumpama ini dapat memberi keterangan yang berguna khasnya mengenai jenis-jenis makanan dan minuman yang harus dimakan dan jenis makanan dan minuman yang patut dikurangkan," katanya.

Selain itu, tambahnya, para peserta juga dapat mengetahui cara senang

mengawal berat badan ialah dengan bersenam atau jogging mengikut kemampuan masing-masing.

Katanya, tabiat merokok banyak diperjelaskan mengenai keburukannya berbanding kebaikan kepada kesihatan dan masalah kesihatan yang boleh timbul gara-gara merokok.

Secara keseluruhan seminar tersebut telah memberi banyak maklumat yang berguna untuk menjaga kesihatan, akan tetapi tertakluklah kepada individu masing-masing untuk mengambil iktibar dan pengajaran darinya, jelas beliau.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup Rasmi Seminar Promosi Kesihatan Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004.

Tumpuan serius diberikan bagi perkembangan pendidikan

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 13 Julai. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid berkata, negara ini terus mengutamakan kepentingan pendidikan kepada rakyat dan penduduknya bagi mencapai kemajuan dan perkembangan dalam pelbagai bidang.

Ini, jelasnya, dapat dilihat dengan Peruntukan Belanjawan April 2004 hingga Mac 2005 kira-kira 12 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan belanjawan negara telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan yang bernilai lebih \$603 juta merupakan kedua tertinggi di kalangan kementerian-kementerian.

"Dari peruntukan belanjawan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 pula, projek pendidikan dan perkembangan unit sumber diberikan sebanyak 8.13 peratus, iaitu mencerminkan tumpuan yang serius yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam memastikan pendidikan itu terus maju dan berkembang," katanya.



HAJI Abdul Mun'im bin Haji Ismail ... Saya rasa puas hati dan kalau tamat nanti mahu melamar pekerjaan dengan kerajaan atau pri-bet.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid ketika berucap Merasmikan Majlis Orientasi Pelajar-pelajar Pengambilan Ke-20 Institut Teknologi Brunei (ITB). Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Beliau berucap demikian sebelum membuka rasmi Majlis Orientasi Pelajar-pelajar Pengambilan Ke-20 Institut Teknologi Brunei (ITB) di Pusat Persidangan Antarabangsa, (ICC) di sini.

Berikutan itu, tambahnya, minat dan kecenderungan seseorang pelajar itu harus diberikan ruang untuk dipertimbangkan terutama dalam bidang-bidang teknologi dan ke-

juruteraan atau dalam lapangan pengajian teknikal, kerana dijangkakan ekonomi negara dari tahun ke tahun memerlukan cerdik pandai dan tenaga mahir dalam pelbagai bidang.

"Mereka yang berkelulusan dalam bidang teknologi, kejuruteraan dan kewangan akan dapat menaruh harapan bahawa peluang pekerjaan akan wujud di masa akan datang mengikut maklumat daripada Brunei Darussalam Fiscal dan Monetary Review 2003, bahawa Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei Darussalam telah mengumumkan beberapa projek yang ada dalam perancangan sekarang yang dijangka akan memberikan peluang-peluang pekerjaan bagi kira-kira 7,200 orang menjelang tahun 2008," kata beliau.

Namun buat masa sekarang, jelasnya, majikan dalam sektor swasta diseru memberi kesempatan kepada anak-anak tempatan bekerja di firma-firma mereka dalam pekerjaan yang bersesuaian dengan

tahap kelulusan terutamanya mereka yang telah terdidik dan terlatih dalam bidang teknikal.

Oleh itu, katanya, kepada pencari-pencari pekerjaan diseru supaya sentiasa jujur dan gigih dalam menjalankan setiap amanah serta tugas yang diberikan apabila diambil bekerja.

Seramai 330 orang pelajar baru telah diterima oleh ITB dari 794 permohonan dan akan mengikuti dalam lapan jenis kursus di peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan sepenuh masa selama dua setengah tahun.

Sepanjang menjalani minggu orientasi selama tiga hari para pelajar akan mendengar sesi taklimat oleh beberapa pensyarah dan guru ITB di samping menjalani aktiviti-aktiviti lain seperti sukan dan riadah.

Antara mereka yang terpilih ialah Haji Abdul Mun'im bin Haji Ismail berusia 20 tahun mengambil jurusan perniagaan dan kewangan memberi

tahu wakil PELITA BRUNEI, beliau merasa bersyukur dan berpuas hati kerana terpilih belajar di ITB selama dua setengah tahun.

"Saya bercita-cita melanjutkan pelajaran di ITB sejak lepas dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah tahun lepas dan saya mempunyai harapan setelah menamatkan pengajian saya akan melamar pekerjaan sama ada dalam sektor awam atau swasta," katanya.

Sementara bagi Dayang Shim Siao Pao seorang bekas pelajar Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkih juga melahirkan rasa gembira kerana terpilih setelah menunggu lebih tujuh bulan sebelum permohonan diterima.

"Semasa tamat dari Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkih dulu memang saya bercita-cita masuk belajar ke ITB dan jika tamat nanti saya mahu menjadi seorang guru dalam pengajian yang diambil ialah komputer dan sistem informasi," ujarnya.



DAYANG Haryani binti Haji Omar ... Orang Brunei banyak menghadapi masalah kegemukan sebagai masalah utama khususnya di kalangan wanita.

PENDEKATAN MENGENAI ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

SIRI KEENAM BELAS

KITA telah mendekati bagaimana Istiadat Mengurniakan Gelaran itu dijalankan mengikut tertibnya yang dipenuhi dengan adab dan adat orang-orang Brunei. Selain daripada kita melihat betapa konsep "Adat mengandung adab" itu benar-benar praktis dan malahan memainkan peranan penting, dalam masa yang sama kita juga dapat merasakan keindahan dan keunikan adat istiadat tersebut.

Turut menarik perhatian kita ialah tempat dan alat-alat kebesaran serta perhiasan-perhiasan khusus dengan peranan dan pengertiannya yang tersendiri yang digunakan untuk menggambarkan dengan jelas mengenai kebesaran dan keistimewaan istiadat tersebut.

TEMPAT ISTIADAT

Tempat Istiadat Mengurniakan Gelaran itu dikhaskan menurut peringkat orang yang hendak dikurniakan gelaran itu, iaitu bagi Wazir, Cheteria dan Manteri Berchiri akan diadakan di Lapau atau di tempat yang disifatkan sedemikian. Tetapi bagi Manteri Istana yang perempuan akan diadakan di Istana atau di Lapau.

Bagi Manteri Bertauliah seperti Mudim, Panglima, Hulubalang, Pateh, Damong dan Pengarah atau sebagainya akan diadakan di Balai Penghadapan Kepala Wazir atau di Surau. Bagi Manteri Pendalaman akan diadakan di Surau atau di tempat mereka sendiri.

PERHIASAN ORANG BERGELAR

Untuk menjelaskan mengenai perhiasan untuk orang yang akan dikurniakan gelaran berchiri penulis seterusnya membuat pendekatan dengan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah.

Pelita Brunei: Apakah dia perhiasan-perhiasan yang dikurniakan kepada orang yang akan dikurniakan gelaran itu dan bagaimana penentuannya Pehin?

Yang Dimuliakan: Dalam Istiadat Pengurniaan Gelaran bagi Wazir, Cheteria atau Manteri Berchiri, perhiasan yang dikurniakan untuk mengiringkan orang yang akan dikurniakan gelaran itu menurut peringkat gelaran masing-masing dan perhiasan itu separuh daripadanya diaturnakan bersama-sama rombongan yang hendak mengambilnya, manakala separuh lagi akan diaturnakan untuk mengiringkan selepas orang itu dikurniakan gelaran, iaitu pada masa berangkat balik atau *mulih* ke rumahnya.

Perhiasan yang dikurniakan kepada Wazir, Cheteria atau Manteri Berchiri yang digunakan dalam Istiadat Mengurniakan Gelaran diaturnakan bertiris-tiris menurut taraf gelaran seperti dalam Jadual 1.

JADUAL: 1

Susunan nya jika dikurniakan	ALAT-ALAT PERHIASAN DIRAJA	Wazir	Ketua Cheteria, Cheteria 4, Cheteria 5	Cheteria 16, Cheteria 32 dan Cheteria Tambahan dan Ketua Kepala Manteri	Kepala Manteri, Manteri 4, Manteri 8, Manteri 16 dan Manteri ugama	Manteri 32, Pehin Khatib dan Manteri Dalam Istana
1	Pemuras dan Karga, Kampilan dan Kalasak: Dua orang Hulubalang memakai pakaian <i>seperumpun</i> merah menjadi Kepala Jalan. Seorang memegang Pemuras diuloh di bahu kanan dan mengukil Karga berjalan di sebelah kanan. Seorang lagi memegang Kampilan di tangan kanan dan Kalasak di tangan kiri, berjalan di sebelah kiri.	1	-	-	-	-
2	Sinipit dan Taming dibawa oleh puak Sakai berpakaian <i>seperumpun</i> merah dan berpinin kuning, berancong dan berdasar merah.	32	16	8	8 Pakaian puak Sakai <i>seperumpun</i> merah sahaja tidak berpinin, tidak berdasar, tidak berancong.	6 Bagi Pehin Khatib diperuntukkan empat Sinipit dan empat Taming sahaja.
3	Perhiasan Tunggal atau Perhiasan Empat	1	-	-	-	-
4	Pasigupun, Puan, Gangsa Pesalinan dan Keris: Empat orang Biduanda berpakaian istiadat dan bersesandung wali kekuningan; seorang membawa Puan, seorang membawa gangsa berbas, bertarak serta bertatapan, berisi persalinan; seorang membawa Keris tertitis dan seorang membawa Pasigupun.	1	-	-	-	-
5	Kabuk Panastan dibawa oleh Awang-Awang atau muda-muda berpakaian istiadat, bersesandung dan bersesandung wali kekuningan.	8	6	4	1	-
6	Pedang yang sarungnya bersesampak emas (hingga Wazir sahaja manakala bagi Cheteria bersesampak Perak sahaja) dan Perisai Tembaga yang dipegang oleh Awang-Awang berpakaian istiadat dan bersesandung wali kekuningan.	12	8	6	4	Pakaian istiadat dan bersesandung merah dan bersesandung kuning.
7	Tombak Berdasar merah bersesampak emas (hingga Wazir sahaja manakala bagi Cheteria bersesampak Perak sahaja) dibawa oleh Awang-Awang berpakaian istiadat dan bersesandung wali kekuningan.	12	8	6	4	2

SUSUNAN PERHIASAN

Alat-alat perhiasan itu mempunyai susunan kedudukannya masing-masing sebagaimana berikut:

(a) Hulubalang yang membawa Pemuras dan Karga, Kelasak dan Kampilan yang menjadi Kepala Jalan dan jika di Lapau akan berdiri di muka pintu (bagi Wazir sahaja).

(b) Pasukan Sinipit akan berdiri di tepi dinding di kiri kanan Bawah Paningkah.

(c) Perhiasan Empat berdiri di belakang orang yang akan dikurniakan gelaran (bagi Wazir sahaja).

(d) Biduanda yang membawa Pasigupun, Puan, Gangsa Pesalinan dan Keris berdiri di belakang Perhiasan Empat.

(e) Awang-Awang yang membawa Pedang dan Perisai berdiri di belakang Biduanda.

(f) Awang-Awang yang membawa Pedang dan Perisai berdiri di belakang orang yang membawa Kabuk Panastan.

(g) Awang-Awang yang membawa Tombak berdiri di belakang orang yang membawa Pedang.

Pelita Brunei: Bagaimana pula susunan perhiasan dalam perangkatan atau pemergian dalam Istiadat Pengurniaan Gelaran itu Pehin?

Yang Dimuliakan: Majlis perangkatan atau pemergian dalam istiadat tersebut juga mempunyai susunannya yang tersendiri sebagaimana berikut:

(a) Hulubalang (bagi Wazir sahaja).
(b) Pasukan Sinipit yang menjadi Kepala Jalan (bagi Wazir sahaja).
(c) Perhiasan Pemajangan (bagi Wazir, Cheteria, Ketua Kepala Manteri dan

Kepala Manteri)

(d) Orang yang dikurniakan gelaran

(e) Pasukan yang membawa Kabuk Panastan (bagi Wazir, Cheteria, Ketua Kepala Manteri) dan Kepala Manteri.

(f) Pasukan yang membawa Pedang dan Perisai.

(g) Pasukan yang membawa Tombak

Pada masa mengambil orang yang hendak dikurniakan gelaran itu separuh sahaja perhiasan itu bersama rombongan (kecuali bagi Hulubalang yang membawa Pemuras, Kelasak dan Kampilan - kesemuanya akan pergi bersama rombongan. Semasa tiba di rumah orang yang akan dikurniakan gelaran itu kedua-dua Hulubalang ini akan berdiri di muka pintu rumah itu, dan apabila tiba di Lapau pun kedua-duanya akan berdiri di kiri kanan pintu Lapau), manakala separuh lagi akan diaturnakan masuk ke majlis setelah pengurniaan nama gelaran disebut (dalam Chiri). Akan tetapi semasa keberangkatannya atau *mulih* ke rumah atau tempat kediamannya semua perhiasan itu akan mengiringkan orang yang dikurniakan gelaran itu.

Semasa rombongan mengambil orang yang hendak dikurniakan gelaran itu sampai di rumah atau tempat kediaman orang yang akan dikurniakan gelaran, maka orang yang membawa Pedang dan perisai berserta orang membawa Tombak akan diaturnakan masuk ke majlis dan ditempatkan di satu tempat khas untuk menunggu keberangkatan atau kepergian orang yang hendak dikurniakan gelaran itu, manakala pasukan Sinipit akan diaturnakan berdiri di luar beratur dua baris menghadap ke tempat pelaluan masuk ke majlis itu.

Bersambung

Dayang Asmaakhalilah pemenang hadiah kuiz

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 1 Ogos. - Dayang Asmaakhalilah binti Haji Abu muncul sebagai orang yang bernasib baik setelah diumumkan sebagai pemenang utama Kuiz Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004 dengan menerima sebuah kereta Daihatsu Charade sumbangan Syarikat Goh Hock Kee.

Dayang Asmaakhalilah yang merupakan salah seorang di antara penerima hadiah dari 30 orang peneka terbaik awal pagi itu dikejutkan lagi dengan pengumuman hadiah besar setelah undian yang dibuat oleh Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh Chin memihak kepadanya.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar.

Sejak ekspo kesihatan dibuka untuk kunjungan orang ramai lebih 14,000 pengunjung telah menyertai kuiz berkenaan di mana dari jumlah tersebut hanya 30 peratus sahaja yang berjaya menjawab dengan tepat.

Terdahulu dari itu dalam ucapan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal berkata ekspo kesihatan yang mereka adakan sempena konvensyen tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai, malah aktiviti-aktiviti yang diendalikannya telah dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai mengenai cara hidup sihat.

Katanya, dengan adanya kegiatan-kegiatan fizikal seperti senamrobik dan Larian Bukit Shahbandar akan meningkatkan lagi kegiatan fizikal di kalangan masyarakat di negara ini, di samping akan dapat menimbulkan kesedaran mengenai pentingnya melakukan kegiatan fizikal secara tetap bagi mencapai tahap kesihatan yang optima.

Menyentuh mengenai Anugerah Khas Sekolah Mempromosikan Kesihatan, beliau menjelaskan ianya adalah dihasratkan untuk meningkatkan amalan cara hidup sihat di kalangan warga sekolah.

Juga menerima hadiah di majlis tersebut ialah pemenang Peraduan Melukis dan Mewarna Bagi Kanak-kanak, Peraduan Menu Sihat dan Peraduan Melukis Poster.



DAYANG Asmaakhalilah bergambar kenangan bersama Menteri Kesihatan, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dan YDM Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh Chin sejurus menerima kunci kereta Daihatsu Charade. - Gambar oleh Hamadi HM.

LAWATAN KERJA DPMM KE PERBADANAN TAIB

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja ke Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), di sini hari ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Cawangan Utama TAIB di ibu negara dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir semasa lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Selepas berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan ketua-ketua jabatan

Liputan Samle HJ Gambar-gambar oleh Harun HR, Pengiran Rafee PDPHM dan Hamadi HM

Perbadanan TAIB, Duli Yang Teramat Mulia berkenan melancarkan penggunaan sepenuhnya Bangunan Perbadanan TAIB dan menandatangani plak di ruang legar Pejabat Eksekutif.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijun-

jung berangkat ke Bilik Persidangan Nur TAIB bagi sesi sembah taklimat oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.



KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB (kanan), sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia melancarkan penggunaan sepenuhnya Bangunan Perbadanan TAIB dengan menandatangani plak di ruang legar Pejabat Eksekutif.

Yang Dimuliakan antara lain menyemahkan perbadanan tersebut terus berkembang dan menunjukkan prestasi yang

memanggakan dalam tempoh 12 tahun.

Bagaimanapun, menurut Yang Dimuliakan, tempoh itu bukan jadi ukuran dan menentukan kejayaannya, justeru Perbadanan TAIB terus memerlukan sokongan dan jaminan melalui pihak kerajaan bagi suatu tempoh yang agak panjang untuk membolehkan Perbadanan TAIB lebih kukuh menghadapi saingan dan cabaran pelbagai aspek.

Sementara itu, dalam sembah taklimat oleh Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Dato Paduka Awang Haji Junaidi

menyentuh mengenai sejarah perkembangan perbadanan berkenaan dan pencapaiannya pada masa ini.

Di akhir sesi taklimat berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia telah menyentuh mengenai sambutan daripada golongan bukan Islam di negara ini terhadap produk-produk yang ditawarkan oleh Bank TAIB, di samping sebarang perancangan bagi memperluaskan lagi skop perniagaan Bank TAIB di peringkat serantau atau antarabangsa.

Duli Yang Teramat Mulia juga menyentuh mengenai perkhidmatan

perbadanan tersebut ke arah mendukung usaha kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi negara melalui penglibatan peniaga-peniaga kecil dan sederhana.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan menerima cek berjumlah \$5,500.00 sumbangan pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB yang disemahkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya untuk Dana Pengiran Muda Mahkota

Lihat muka 13



DULI Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai bersama Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan dan pegawai-pegawai Perbadanan TAIB.



DULI Yang Teramat Mulia ketika melawat ke Jabatan Pentadbiran dan Sumber Tenaga Manusia (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan (kanan).



DYTM berkenan menerima cek \$5,500.00 sumbangan pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB yang disemahkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya untuk Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak Yatim (atas kiri).

DYTM meninjau ke Jabatan Cawangan-cawangan (kiri).

PENGURUS Jabatan Kawalan Kewangan, Dayang Hajah Fatimah, Pemangku Penolong Pengurus Am I Perbadanan TAIB menyemahkan carta perkembangan TAIB (kanan).





BAHAGIAN Perkhidmatan AM Cawangan juga mendapat perhatian Duli Yang Teramat Mulia semasa keberangkatan lawatan.



PEMANGKU Penolong Pengurus Pusat Kad, Awang Mustafa bin Haji Zaini mengiringi Duli Yang Teramat Mulia meninjau ke Jabatan Cawangan-cawangan TAIB Kiulap.



DYTM berkenan menerima pesambah.



Dari muka 12

Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Sejurus itu Duli Yang Teramat Mulia dijunjung melawat ke beberapa bahagian di bank berkenaan sambil disebarkan penerangan ringkas oleh ketua-ketua bahagian berkenaan mengenai tugas dan peranan bahagian masing-masing.

Atur cara kemuncak sempena lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia di Cawangan Utama TAIB di ibu negara ialah melancarkan Pusat Kewangan Platinum TAIB yang terletak di lantai bawah bangunan tersebut.

Kemudian, Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berangkat melawat cawangan Tabung Amanah Islam Brunei, Kiulap dan cawangan Insurans Islam TAIB Sendirian Berhad.

Di sini, Duli Yang Teramat Mulia sekali lagi berpeluang untuk meninjau secara lebih dekat perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan serta kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di cawangan berkenaan sambil disebarkan penerangan mengenai dengan peranan dan fungsi cawangan masing-masing.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan bagi meneruskan lawatan kerja ke Darussalam Holdings Sendirian Berhad yang terletak bersebelahan dengan Bangunan Utama Cawangan Tabung Amanah Islam Brunei, di



PRIHATIN ... Duli Yang Teramat Mulia berkenan berinteraksi bersama Pegawai Eksekutif, Jabatan Cawangan-cawangan, Dayang Afifah binti Haji Othman.



DYTM berkenan menerima junjung ziarah pegawai dan kakitangan Cawangan Utama TAIB di ibu negara.

Kiulap dan seterusnya dijunjung melawat ke Pusat Kad TAIB.

Di akhir lawatan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Rumah Mesra dan Santap Tengah Hari bersama-sama Pena-sihat dan Pengerusi serta

ahli-ahli Lembaga Pen-garah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, pegawai-pegawai kanan bank, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pegawai dan kaki-tangan bank tersebut.

Keberangkatan lawat-an kerja Duli Yang Ter-

amat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menunjukkan sikap prihatin untuk mengetahui hal-ehwal pengurusan dan pentadbiran institusi-institusi kewangan di negara ini dalam memainkan peranan untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti perekonomian negara melalui perkhidmatan kewangan kepada sektoral perniagaan dan perindustrian serta per-sendirian.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia kali kedua itu merupakan sebagai pemangkin kepada semua pihak yang terlibat khususnya warga perbankan di negara ini untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih komited, berdedikasi dan cekap.



KEMUNCAK lawatan kerja di Cawangan Utama TAIB ialah Duli Yang Teramat Mulia melancarkan Pusat Kewangan Platinum TAIB (atas).

SEORANG kakitangan Bahagian Pemasaran dan Promosi, Jabatan Perkhidmatan Pelanggan ketika menyebarkan perkembangan di bahagian berkenaan (kiri).

4,000 keluarga terima bantuan bulanan, 15 ribu menerima pencen

BERAKAS, 29 Julai. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, kerajaan telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit untuk pemberian bantuan, pencen dan elaun kepada lebih empat ribu keluarga bagi bantuan kebajikan bulanan dan 15 ribu orang penerima pencen serta elaun di bawah Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya.

"Perkhidmatan yang sudah lama diamalkan itu kini semakin berkembang dari tahun ke tahun bukan hanya sekadar memberi bantuan dalam bentuk kewangan, tetapi juga perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti latihan, bimbingan, kaunseling, perundingan dan pemulihan," jelasnya.

Kerajaan, tambahnya, juga menyediakan peruntukan yang besar bagi sektor sosial yang merangkumi bidang pendidikan, kesihatan dan perubatan, perumahan dan hal-ehwal

Oleh
Abdullah Asgar

ugama.

Katanya, itu adalah semata-mata bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa terjamin dan terpelihara demi meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk.

Yang Berhormat menegaskan perkara tersebut ketika berucap merasmikan Majlis Program Membina Keupayaan Klien-klien JAPEM (Jabatan Pembangunan Masyarakat) di Dewan Digadong.

Misalnya, tambah Yang Berhormat, dalam bidang pendidikan telah disediakan secara percuma dari peringkat sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi, perkhidmatan perubatan dan kesihatan dengan kadar minima dan kemudahan perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kuria Rakyat Jati.

"Oleh yang demikian saya mengambil kesem-

patan ini untuk menyeru kepada klien-klien JAPEM supaya akan dapat memanfaatkan dengan penuh bijaksana apa jua bentuk perkhidmatan dan bantuan yang diberikan demi meningkatkan taraf hidup," tambah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, selain mengharapkan bantuan daripada kerajaan, klien-klien juga perlu menghidupkan semangat berdiri atau semangat rajin berupaya sendiri supaya kehidupan mereka akan lebih produktif dan dapat menyumbang kepada kemajuan negara.

Program Membina Keupayaan Klien-klien JAPEM bertujuan untuk memberikan semangat dan motivasi kepada para penerima bantuan agar berusaha mencari rezeki lebih walaupun usaha tersebut dimulakan secara kecil-kecilan.

Menurut JAPEM, usaha yang bermula secara

kecil-kecilan tersebut nanti akan menjadi besar seperti peribahasa 'sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukti'.

Ia juga selaras dengan matlamat-matlamat strategi JAPEM iaitu meningkatkan sikap berdikari dan bantu diri di kalangan keluarga dan masyarakat serta membina individu yang bertanggungjawab dan seterusnya mengalihkan beban kewangan yang dipikul oleh kerajaan ke bahu keluarga dan masyarakat masa depan.

Hasil yang berbaloi dari keupayaan itu nanti akan memberikan imej terbaik mengenai kejayaan negara ini dalam memperbaiki kualiti kehidupan rakyat dan penduduknya.

Sementara itu, Awang Zainudin Abdul Rahman memberitahu wakil PELITA BRUNEI, bantuan yang diterimanya berupa sebuah mesin pemotong rumput adalah sangat baik kerana beliau tidak mem-



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan bantuan kepada seorang penerima.

punyai pekerjaan tetap sekarang hanya mengambil upah mencuci kereta.

"Sebelum mendapat bantuan ini saya tidak ada pekerjaan yang boleh menjamin mendapatkan wang belanja harian melainkan upah mencuci kereta dan menangkap burung untuk dijual," katanya.

Dengan adanya bantuan mesin pemotong rumput itu dirinya akan mengambil upah di seke-

ling kampung untuk memotong rumput secara tetap dan akan melanjutkannya ke kampung-kampung berdekatan, jelas Awang Zainuddin.

Wang yang diperolehi hasil upah memotong rumput, Awang Zainuddin akan mengumpulkannya untuk dijadikan modal membeli basikal bagi menjalankan pekerjaan.

Beliau yang tinggal bersama ibu tunggal di tinggalkan oleh ayahnya entah ke mana terpaksa menyara hidup dengan menangkap burung dan mengambil upah mencuci kereta serta terpaksa meninggalkan bangku sekolah sebelum masanya memandang keluarganya tidak ada tempat bergantung.

MUIB berikan bantuan

BERAKAS, 21 Julai. - Mangsa kebakaran pada 10 Julai lalu di Kampung Mulaut, Dayang Tirahmat binti Matnoor hari ini menerima sumbangan bantuan berupa wang tunai \$1,000.00 dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Bantuan tersebut yang merupakan hasil dari kutipan wang zakat adalah semata-mata bagi membantu meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa berkenaan.

Majlis yang berlangsung di Pejabat MUIB di Kementerian Hal Ehwal Ugama disempurnakan oleh Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Wahab.

Oleh
Abu Bakar HAR

Terdahulu dari itu dalam ucapannya, Awang Haji Abdul Wahab menyarankan kepada mangsa musibah kebakaran berkenaan supaya bersabar, kerana menurutnya, kejadian tersebut merupakan ujian dari Allah yang sememangnya mempunyai hikmah terutama dalam menguji kesabaran hamba-Nya.

Dayang Tirahmat yang mempunyai seramai empat orang tanggungan kini terpaksa menumpang tinggal bersama iparnya di Kampong Katimahar.



PEMANGKU Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman ketika meninjau pameran sempena Minggu Sains dan Teknologi 2004 anjuran Fakulti Sains UBD. - Gambar oleh Masri Osman.

AS\$2 juta diperuntukkan untuk sains dan teknologi

TUNGKU, 27 Julai. - Untuk mempromosikan kesedaran mengenai kepentingan sains dan teknologi, membina infrastruktur pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi, di samping menjalin kerjasama dalam pendidikan bersama organisasi luar negara, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melabur lebih AS\$2 juta dalam Rancangan Kemajuan Negara Ketujuh (RKN7).

Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin menjelaskan, di bawah RKN8 (2001 - 2005), kerajaan melabur 0.08 peratus dari jumlah belanjawan yang diperuntukkan ke dalam pembangunan sains dan teknologi.

Oleh
Bolhassan HAB

"Adalah jelas di bawah RKN8 negara memerlukan pembangunan secara pantas sumber tenaga manusia dalam sains dan teknologi," jelas Awang Haji Mohd. Jumin dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Pemangku Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman selaku wakil peribadi semasa Pelancaran Minggu Sains dan Teknologi 2004 yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Katanya, sumbangan sains dan teknologi kepada manusia adalah sangat besar kerana melalui pem-

baharuan itu akan mengubah sinopsis pasaran global yang mana industri bioteknologi menerima AS\$250 juta hingga AS\$1 juta setahun dari pasaran global.

Tema Minggu Sains dan Teknologi 2004 yang berlangsung selama tiga hari, 'Membawa Masa Depan Kepada Awd', katanya, adalah amat sesuai bagi menggambarkan kepentingan dan sumbangannya yang besar kepada dunia masa kini.

Minggu Sains dan Teknologi 2004 anjuran Fakulti Sains, UBD mengentengahkan pameran yang memaparkan kecanggihan teknologi terkini dalam bidang sains, di samping beberapa siri ceramah mengenai sains dan teknologi.

SUPAPHM juara Peraduan Tausyeh

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Julai. - Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Kampong Kilanas dan Sekolah Rendah Pengkalan Batu masing-masing muncul sebagai johan lelaki dan wanita dalam Peraduan Akhir Tausyeh.

Peraduan yang disempenakan dengan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 dikhususkan penyertaannya bagi sekolah-sekolah ugama dan dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap III Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaq selaku tetamu kehormat.

Oleh
Abu Bakar HAR

Peraduan yang dikhususkan penyertaan bagi Daerah Brunei dan Muara turut menampilkan 10 buah pasukan lelaki dan wanita dari sembilan buah sekolah yang berlainan di peringkat akhir tersebut.

Dalam kategori lelaki tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Persediaan Arab Beribi, Jerudong dan tempat ketiga, disandang oleh Sekolah Ugama Lambak Kanan Sesi Pagi.

Sementara kategori wanita, tempat kedua disandang oleh Sekolah Ugama Lambak Kanan Sesi Pagi dan tempat ketiga dimenangi oleh Sekolah Ugama Tungku, Gadong.



SETIAUSAHA MUIB, Awang Haji Abdul Wahab menyampaikan sumbangan kepada Dayang Tirahmat binti Matnoor.



TIMBALAN Setiausaha Tetap III Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaq menyampaikan hadiah kepada wakil sebuah sekolah yang memenangi Peraduan Akhir Tausyeh.

ARENA SUKAN

Tiaw Chin Hong dan Chan Nyuk Kee menangi kejohanan golf HSBC

JERUDONG, 8 Ogos. - Tiaw Chin Hong dan Chan Nyuk Kee masing-masing muncul sebagai johan di Kejohanan Golf Hong Kong and Shanghai Bank (HSBC) bagi kategori lelaki dan wanita dalam acara ini.

Dengan kejayaan tersebut sekali gus melayakkan mereka untuk menyayangi perlawanan akhir

Oleh
Abu Bakar HAR

HSBC World Match Play Golf di United Kingdom pada bulan Oktober nanti.

Perlawanan selama dua hari di Empire Golf and Country Club itu disertai oleh lebih seratus pemain yang terdiri dari para jempolan khas, pelanggan

pelanggan tetap kepada bank berkenaan dengan hanya mengkhususkan bagi acara net sahaja.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa kepada pemenang lelaki, sementara Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah menyempurnakan bagi kategori wanita.

Dalam kategori lelaki tempat kedua dimenangi oleh Richard Lau Kok Seng sambil diekori rapat oleh Yang Amat Mulia

Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Sementara pukulan paling dekat dengan lubang nombor 2 disandang oleh Pengiran Haji Rakawi bagi kategori lelaki, manakala Hajah Norhayati di kategori wanita.

Ng Boon Kwee dan Vivien Ang pula masing-masing berkongsi kemenangan bagi pukulan paling dekat dengan lubang 16 bagi kategori lelaki dan wanita setelah membuat pukulan terbaik.

Dalam acara net wanita tempat kedua dimiliki oleh Foo Mi Lan setelah membuat kiraan semula sekalipun mempunyai mata yang sama dalam pemenang ketiga, Ooi Hoon Chyang.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyampaikan piala kepada juara Kejohanan Golf HSBC. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Squasy Wanita Antarabangsa :

VANESSA ATKINSON JUARA

Oleh Hj. Ahat HI

BERAKAS, 31 Julai. - Pemain Belanda, Vanessa Atkinson muncul menjuarai Kejohanan Skuasy Wanita Antarabangsa Terbuka Brunei 2004, selepas menumpaskan pemain Australia, Rachael Grinham 3 - 2 pada perlawanan akhir di Pusat Skuasy, Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah.

Pada pertarungan lima perlawanan itu, Vanessa Atkinson, pemain terbaik ketiga dunia terpaksa mengambil masa hampir 70 minit untuk menyingkirkan pemain terbaik kedua dunia, Rachael Grinham.

Di permulaan permainan pertama Rachael Grinham yang mencewakan rakan senegarinya Natalie Grinham di perlawanan separuh akhir, memperlihatkan permainan yang meyakinkan dengan mendahului 7 - 2, kemudian Vanessa Atkinson berjaya mengejanya hingga kedudukan 7 - 7, sebelum berakhir dengan 8 - 10.

Vanessa Atkinson pula yang menundukkan Linda Elriani dari England di perlawanan separuh akhir, terus menyerlah pada permainan kedua dengan banyak mematikan bola pada tepi sudut gelanggang dan selanjutnya menamatkan permainan dalam masa 16 dengan kedudukan 5 - 9.

Selepas mendahului dua permainan, corak permainan Vanessa Atkinson pula mulai menurun dengan banyak melakukan kesilapan akibat keletihan. Kesempatan itu dimanfaatkan dengan berkesan oleh Rachael Grinham untuk mencatatkan keme-



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub menyampaikan piala Kejohanan Skuasy Wanita Antarabangsa Terbuka Brunei 2004 yang dijuarai oleh pemain Belanda, Vanessa Atkinson yang menundukkan pemain Australia, Rachael Grinham. - Gambar oleh Abdullah HAD.

nangan 9 - 3.

Kemenangan pertama itu terus memberikan semangat tinggi kepada Rachael Grinham untuk mencatatkan kemenangan kedua 9 - 2 dan sekali gus merapatkan kedudukan menjadi 2 - 2.

Pada pertarungan terakhir pula kedua-dua pemain bermain berhati-hati sehingga saingan pungutan mata sering berkejaran hingga ke dius. Bagaimanapun Vanessa Atkinson berjaya merebut dua mata dius terakhir untuk menjuarai kejohanan bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58.

Hadir menyaksikan dan menyampaikan hadiah-hadiah dalam kejohanan itu ialah Timbalan Menteri Kewangan yang juga Penaung kejohanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar.

Kejohanan kali pertama anjuran bersama Jerudong Park and Country Club dan Persatuan Skuasy dan Raket Brunei disertai oleh lebih 20 pemain bertaraf dunia antaranya dari England, Australia, Amerika Syarikat, Perancis dan Belanda.



YANG Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah menyampaikan piala kepada juara wanita Kejohanan Golf HSBC. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Tenpin bowling Jabatan Perdana Menteri

Oleh Samle HJ

JALAN TUTONG, 6 Ogos. - Sebanyak 13 buah pasukan yang terdiri jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersaing untuk tampil juara edisi kedua pada Kejohanan Tenpin Bowling JPM di Bowling Utama, di sini bermula hari ini.

Persaingan peringkat saringan untuk memilih lapan pasukan layak ke peringkat akhir itu menyaksikan penyertaan pasukan yang mewakili JPM, Jabatan Audit, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Biro Kawalan Narkotik, Jabatan

Radio dan Televisyen Brunei, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Unit Petroleum.

Timbalan Setiausaha Tetap JPM, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman yang menjadi tetamu kehormat kejohanan diperkenalkan kepada peserta sebelum kejohanan itu dimulakan.

Sebanyak lapan pasukan yang berjaya menjatuhkan pin tertinggi akan layak mara ke peringkat akhir yang dijangka akan diadakan pada 15 Ogos.

Kejohanan kali kedua itu adalah salah satu dari acara sektoral sempena Hari Perkhidmatan Awam, di samping menjadi satu pengiktirafan semangat



LONTARAN STRIKE ... Timbalan Setiausaha Tetap JPM, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail melakukan lontaran ketika merasmikan Kejohanan Tenpin Bowling JPM. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

kesukanan, memupuk semangat setia kawan dan berpasukan dalam Perkhidmatan Awam.

Kejohanan kendalian JPA itu juga bertujuan bagi mencari wakil pasukan JPM dalam

Kejohanan Tenpin Bowling di antara kementerian-kementerian sempena sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-11 yang dijangka akan diadakan pada bulan September depan.

sebelum menutup rasmi kejohanan.

Pesta sukan selama seminggu kelolaan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan itu disertai oleh 29 buah sekolah menengah dan maktab kerajaan dan bukan kerajaan seluruh negara.

Antara sukan yang dipertandingkan ialah sukan olahraga, bola ja-

ring, hoki, badminton, bola tampar, sepak takraw dan bola sepak.

Kejohanan yang dihasrat bagi mencungkil bakat penuntut sekolah dalam bidang sukan itu telah dirasmikan oleh Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Salam pada 1 Ogos lalu.

SMCH rangkul 14 emas, 8 perak, 9 gangsa

BERAKAS, 8 Ogos. - Sekolah Menengah Chung Hwa menyapu bersih kesemua kategori sekali gus merebut gelaran johan keseluruhan Pesta Sukan Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Ke-3 di Kompleks Sukan Berakas.

Sekolah yang menampilkan atlet terbanyak itu cemerlang dengan mengatung 14 pingat emas,

Oleh Samle HJ

lapan perak dan sembilan gangsa di hari terakhir kejohanan berkenaan.

Pengarah Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud menjadi tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah

Alam sekitar sempurna hak bersama

Dari muka 1

Kesemua masalah-masalah sedemikian titah baginda, mengancam kesejahteraan dan keselamatan umat manusia dan apa yang mengecewakan lagi ialah bahawa masalah-masalah ini semuanya berpunca daripada perbuatan manusia sendiri. Seharusnya kita hendaklah mengambil iktibar daripada punca masalah-masalah ini supaya perkara yang sama boleh dielakkan dari terjadi di negara ini.

Dalam waktu yang sama, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang sangat prihatin terhadap

penyediaan infrastruktur perkhidmatan alam sekitar termasuk perkhidmatan pembersihan pembuangan sampah dan projek-projek mengindahkan persekitaran tempat-tempat awam.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleh ketika berkenan menyaksikan Pameran Bunga-bunga Hidup (kanan).



Para penuntut dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi

GADONG, 16 Ogos. - Cita-cita dan aspirasi negara bukan sahaja untuk menjadikan rakyatnya berpengetahuan, berke-mahiran, berhemah tinggi, berbudi luhur dan berakhlak mulia tetapi juga untuk mencapai kemajuan terutama dalam membela negara ekonomi negara.

Para penuntut merupakan aset atau harta paling berharga yang diharapkan akan dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi di dalam industri selain dari minyak dan gas.

"Untuk mencapai hasrat itu, negara memerlukan cerdik pandai bukan sahaja di sektor kerajaan malahan juga di sektor swasta. Ini adalah kerana menyumbang bakti tidak semestinya bekerja di sektor kerajaan sahaja," tegas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, Menteri Perhubungan semasa berucap merasmikan Perkampungan Sivik Mahasiswa-mahasiswi Negara Brunei Darussalam Sebarang Laut 2004 berlangsung di Maktab Juru-rawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiyah di sini.

Yang Berhormat menekankan, kekuatan sektor swasta merupakan nadi kepada pertumbuhan ekonomi yang sihat serta sumber pekerjaan bagi rakyat dan penduduk negara ini di mana kekuatan ekonomi akan menjadi landasan kepada kesejahteraan yang berpanjangan.

Ke arah itu, Yang Berhormat menyeru para penuntut agar tidak terlalu mengharap-kan pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan malahan cuba mengadu nasib di sektor-sektor swasta dan jika perlu mereka boleh mendapatkan pengalaman dan kemahiran dengan bekerja di luar negara beberapa tahun sebelum kembali

Oleh Sahari Akim

untuk sama-sama membangun negara sendiri.

Pada majlis itu, Yang Berhormat juga menasihatkan para penuntut untuk terus belajar selepas tamat pengajian formal kerana ia merupakan proses berpanjangan, di mana dalam dunia yang sentiasa berubah ini hanya dengan memiliki pengetahuan sahaja kita boleh terus berada di hadapan terutama di arena persaingan ekonomi global yang sengit.

Semasa berucap Yang Berhormat juga memberikan penekanan agar para penuntut sentiasa menegakkan falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja yang merupakan landasan bagi pembangunan sosial, politik dan ekonomi negara.

Para penuntut juga dinasihtkan berusaha memperoleh kejayaan cemerlang kerana kejayaan seumpama itu merupakan salah satu sumbangan awal mereka kepada negara.

Pada masa yang sama, di sebalik keghairahan menuntut ilmu di negeri orang, para penuntut juga harus bersedia memainkan peranan selaku duta kecil Negara Brunei Darussalam dengan memamer dan mempertahankan nilai-nilai dan tatasusila kebruneian selain memperbetulkan maklumat-maklumat yang salah mengenai negara ini sama ada secara langsung atau tidak.

Apa yang penting, tegas Yang Berhormat, semangat patriotisme, cintakan raja, ugama, bangsa dan negara perlulah ditanih sehingga sebatil dalam diri setiap individu masyarakat Brunei hingga ke akhir hayat.

"Patriotisme tidak boleh

dijual beli tetapi lahir dari kesedaran dan keinsafan yang mendalam untuk berbakti kepada tanah air," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga melahirkan kegembiraan melihat perkembangan akhir-akhir ini di mana usaha-usaha telah dipergiatkan oleh pelbagai pihak khususnya Jabatan Penerangan dalam memberikan kefahaman kepada semua peringkat masyarakat terutama sekali golongan pelajar mengenai pelbagai aspek seperti kehidupan beraja, beragama, berbangsa dan bernegara.

Pihak-pihak lain di negara ini, tambah Yang Berhormat, perlulah memberikan sokongan dan dukungan terhadap inisiatif seperti itu kerana jika dilaksanakan secara bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi lain, hasil yang diperolehi setentunya lebih menggalakkan dan berkesan.

Menyentuh patriotisme, Yang Berhormat berkata, sejarah telah memperlihatkan bagaimana di zaman silam telah muncul anak-anak watan yang berjaya pendekar dan

pahlawan di bumi darussalam ini yang sanggup mengadapi nyawa demi kesinambungan bangsa dan negara.

Kesan dari pengorbanan itu, tambah Yang Berhormat, dapat dirasakan hari ini di mana negara ini terus wujud malahan kekal sebagai sebuah negara yang merdeka dan sebagai pewaris bangsa, kita semua perlu terus mempertahankan kewujudan dan kesinambungannya.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat juga mengingatkan para penuntut bahawa ledakan teknologi maklumat yang mewarnai kehidupan hari ini membawa bersamanya pengaruh-pengaruh positif dan negatif yang memerlukan kita untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya sebagai benteng pertahanan.

Sesebuah negara, tambah Yang Berhormat, boleh sahaja memiliki rakyat dan penduduk yang berilmu tetapi jika mereka tidak memiliki semangat patriotisme, pembangunan yang dihasratkan tidak akan mudah dicapai.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan melawat Kapal Angkatan Tentera Laut Diraja Australia, HMAS Dubbo.

DPMM lawat Kapal Tentera Laut Diraja Australia

MUARA, 15 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Kapal Angkatan Tentera Laut Diraja Australia (ATLDA), HMAS Dubbo yang dalam rangka latihan 'Penguin' bersama Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Flotilla, Muara dijunjung oleh Pemerintah Angkatan

Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Pesuruh-jaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian David Bennett; Pemrintah ATLDB, Kolonel (L) Joharie bin Haji Matussin; Pemerintah ATLDA, Komander Burling serta pegawai-pegawai kanan kedua-dua Angkatan Tentera Laut sebelum dijunjung naik ke atas Kapal HMAS Dubbo.

Juga hadir semasa keberangkatan lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin.

Atur cara keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia di atas kapal berkenaan didahului dengan sembah taklimat oleh Pemerintah Kapal HMAS Dubbo, Lef-tenan Komander Richard James mengenai profil kapal dan fungsi operasinya.

Sejurus kemudian, Duli

Persefahaman erat sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Ogos. - Keberkah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Presiden Megawati Soekarnoputri, Presiden Republik Indonesia bersempena ulang tahun Hari Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-59.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda menyampaikan salam sejahtera kepada Puan Yang Terutama Presiden Megawati Soekarnoputri, Presiden Republik Indonesia serta seluruh rakyat Republik Indonesia dengan iringan doa semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa mengurniakan rahmat-Nya agar Puan Yang Terutama akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan bagi rakyat Republik Indonesia berterusan menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

اللّٰهُ سَلَامَتِكُنْ قُتْنِيْنَ دِرَاجِ
ALLAH SELAMATKAN PENGANTIN DIRAJA

دربیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن قرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Pameran Urusan Rumah tangga 2004

Liputan Siti Aishah HS
Gambar-gambar oleh
Pengiran Rafee PDPHM
dan Masri Osman

BERAKAS, 8 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan berangkat ke Majlis Perasmian dan Penyempai-an Hadiah Pameran Urusan Rumah tangga 2004 bagi Daerah Brunei dan Muara sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Datin Paduka Hajah Jusnani binti Haji Lawie dan Datin Hajah Fatimah binti Dato Seri Setia Abang Haji Rani selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Pameran Urusan Rumah tangga serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani dan diteruskan dengan ucapan sembah alu-aluan dari Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja, Datin Hajah Fatimah.

Majlis kemudian diikuti dengan titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Di majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan Pertandingan Melipat Saputangan Secara Spontan dan diselajurkan dengan pengurniaan hadiah kepada para pemenang.

Sebanyak tiga kategori pertandingan diadakan iaitu kategori pertama bagi penyeria persatuan-persatuan yang berdaftar di Daerah Brunei dan Muara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan merasmikan Pameran Urusan Rumah tangga 2004 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan pelbagai jenis masakan yang dipamerkan.



melalui penyediaan satu set hidangan minum pagi; kategori kedua penyeria wanita perseorangan melalui pertandingan masakan dan gubahan, sementara kategori ketiga, penyeria remaja perempuan berumur 15 - 20 tahun melalui Pertandingan Melipat Saputangan.

Tema Pameran Urusan Rumah tangga pada tahun ini ialah 'Ke Arah Ke-

harmonian Keluarga dan Masyarakat' yang berkonsepkan pelbagai kegiatan rumah tangga dengan mengetengahkan kemahiran dan kreativiti kaum wanita khususnya dalam membuat persiapan untuk barang-barang 'balasan hantaran'.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama ahli kerabat diraja lainnya berkenan menyaksikan pameran.



BAGINDA berkenan meninjau sebahagian bahan-bahan pameran dari Republik Rakyat China.



PELBAGAI aksi menarik perhatian baginda semasa para penuntut Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) membuat sejenis makanan di pameran itu.



BAGINDA berkenan mengurniakan hadiah kepada Puan Yang Terutama Virgania H. Benavidez, Duta Besar Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam yang memenangi Pertandingan Melipat Saputangan Secara Spontan.



AHLI-AHLI kerabat diraja yang berangkat ke Pameran Urusan Rumah Tangga 2004.

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

INTEGRITI bererti kesempurnaan, tidak berbelah bagi, keikhlasan, kejujuran dan ketulusan. Apabila ia dikenakan kepada sesuatu objek atau sistem, integriti digunakan bagi maksud keadaan dan keberkesanan tanpa gangguan. Apabila ia dikenakan kepada manusia, integriti dikaitkan dengan nilai keperibadian seseorang - keikhlasan, kejujuran dan kepercayaan (petikan kertas kerja Haji Norulzaim bin Haji Ali Akbar, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiyah).

Integriti mengikut pengertian Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa Malaysia dan Kamus Oxford ialah 'integriti' berasal daripada perkataan Latin iaitu 'integritas', bererti ikhlas, amanah, berwibawa.

Secara mudah dan ringkas, ciri-ciri integriti itu meliputi kewibawaan, keikhlasan, kejujuran, kesempurnaan, ketulusan, keberkesanan, keadilan, kepercayaan, amanah dan bertanggungjawab.

Dalam ruangan terbatas, FOKUS kali ini mengetengahkan intipati Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam bertepatan 'Meningkatkan Integriti Pengurusan dan Pentadbiran Dalam Perkhidmatan Awam' yang diadakan pada 5 dan 7 Ogos 2004 lepas.

MENINGKATKAN INTEGRITI

Tanpa menepikan hasrat, usaha dan pendekatan yang telah dan akan terus dibuat bagi mewujudkan 'mekanisme' pengurusan dan pentadbiran terbaik dalam Perkhidmatan Awam (PA), maka secara telus kita juga harus mengakui bahawa masih terdapat banyak ruang yang perlu diperbaiki dan ditingkatkan dari masa ke semasa.

Ke arah itu simposium tersebut memang sewajarnya diadakan bagi memberikan kefahaman dan rangsangan kepada semua peringkat anggota PA untuk terus berusaha memperbaiki kelemahan yang ada bagi mewujudkan PA yang benar-benar 'berintegriti dan berkeadilan'.

Pertama, kita seharusnya memberikan pujian dan menerima baik usaha tersebut bagi kebaikan semua pihak. Kita mendapati kertas-kertas kerja yang dibentangkan termasuk sesi soal jawab memperlihatkan 'ketelusan' semua pihak dalam mengakui bahawa PA di negara ini menghendaki peningkatan dalam pelbagai aspek.

Kita dapati simposium itu telah mengetengahkan kelemahan-kelemahan dan perkara-perkara yang mengheret peningkatan dan pembaikan. Sewajarnya jika kita berhasrat untuk memperbaiki diri dan organisasi, kita tidak hanya bercakap tentang pencapaian tetapi harus lebih telus memperkatakan atau mengakui sesuatu 'kelemahan' walaupun pahit untuk diterima. Ertinya di samping kita patut memberikan pujian atau pengiktirafan kepada sebarang pencapaian, kita juga mesti sanggup mengakui sebarang kelemahan.

Dalam ruangan FOKUS kali ini penulis mengelak dari memberikan ulasan atau pendapat tetapi akan lebih banyak memetik intipati penting yang telah disampaikan dalam Ucapan Tetamu Kehormat dan Kertas Kerja Pengarah Perkhidmatan Pengurusan untuk dikongsi dan dimanfaatkan bersama oleh lebih dari 40 ribu warga PA yang sebahagian besar tidak berkesempatan menghadiri simposium tersebut.

Setentunya melalui ruangan yang terbatas ini FOKUS tidak dapat mengutip secara panjang lebar lumrah-lumrah keseluruhan ucapan dan kertas kerja yang begitu 'segar' dan penting itu. Bagi penulis semua kertas kerja di Simposium ini termasuk penyampainya adalah penting dan cukup 'bertenaga'. Keterbatasan ruang hanya mengizinkan kita menyorot intipati ucapan dan sebuah kertas kerja yang menjurus kepada pemberian perkhidmatan di semua agensi kerajaan.

MUHASABAH DIRI

Mukadimah awal Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri ketika berucap merasmikan simposium tersebut antara lain menyebut:

"Simposium ini juga merupakan sebagai perhimpunan 'muhasabah diri' dalam usaha kita bersama, termasuk diri perambak/kaula/saya sendiri untuk sama-sama menilai dan

MENINGKATKAN INTEGRITI PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN PERKHIDMATAN AWAM

melihat perilaku kita sebagai pegawai-pegawai dan anggota PA dalam konteks sejauh mana kita telah pun berjaya menaati dan mempertahankan integriti PA Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam."

Juga disentuh ialah PA yang sentiasa menghadapi tekanan dan ekspektasi dari pelanggan-pelanggannya terdiri dari orang ramai, sektor swasta dan agensi-agensi kerajaan yang menuntut dan mengharap perkhidmatan yang berkesan dan cekap.

PA juga menerima cabaran-cabaran dan permintaan-permintaan perkhidmatan yang bertambah 'complex' dan 'sophisticated'. Interaksi dengan dunia luar melalui proses globalisasi dan perdagangan antarabangsa termasuk komitmen negara kepada pergolakan dan perkembangan politik dan sosial serantau dan antarabangsa menjadikan sempadan PA bukan hanya terbatas di peringkat nasional akan tetapi melimpasi sempadan tersebut.

Yang Dimulihkan menggariskan ruang-ruang pembinaan dan peningkatan yang perlu dilihat iaitu dari segi 'struktur organisasi, pengurusan organisasi dan tenaga manusia' di dalam organisasi.

Kita perlu meningkatkan keberkesanan organisasi dengan memastikan struktur yang terdapat di dalamnya adalah memepati ruang dan bidang tugas yang akan dilaksanakan serta hasil yang ingin dicapai oleh organisasi berkenaan.

Dalam waktu yang sama penilaian dan perubahan ke atas stail pengurusan adalah sangat perlu bagi memastikan kecekapan, keberkesanan, mewujudkan suasana kerja yang kondusif, menyediakan perancangan-perancangan yang padu dan strategik, peningkatan produktiviti, mengoptimalkan penggunaan sumber dan memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada para pelanggan.

Juga penting diberikan perhatian ialah mensejajarkan misi, visi, dan matlamat pengurusan setiap kementerian dan jabatan di bawahnya kepada matlamat dan visi besar negara dengan memastikan setiap organisasi mendukung dan menyokong matlamat dan visi berkenaan baik secara langsung atau pun tidak langsung.

Di peringkat individu, setiap anggota di dalam sesebuah organisasi perlu mempunyai azam ke arah memertingkatkan komitmen, disiplin diri dan etika kerja dengan mematuhi peraturan-peraturan kerja, meningkatkan kemahiran dan produktiviti diri, meningkatkan kefahaman prosedur kerja dan yang berkaitan dengannya, mengutamakan kerja daripada keperluan atau urusan peribadi, patuh dan hormat kepada ketua dan saling menghormati di antara satu sama lain.

CABARAN

Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Sa Bali bin Abas dalam kertas kerjanya menyebut mengenai banyaknya cabaran dan isu yang harus dihadapi oleh anggota PA selaras dengan tuntutan keadaan semasa.

Antaranya termasuklah merosotnya kepercayaan umum terhadap keupayaan PA dan kerajaan dalam memenuhi kepentingan-kepentingan semua 'stakeholder' selain keadaan penduduk yang sudah semakin mewah, terpelajar dan berpendidikan yang sententunya mempunyai ekspektasi yang semakin tinggi.

Selain dari itu terdapat kumpulan-kumpulan berkepentingan yang semakin beraneka rupa yang sententunya menghendaki PA dan kerajaan melak-

sanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna dan menyeluruh di samping terdapatnya permintaan dan desakan supaya PA dan kerajaan bersikap lebih telus.

Terdapat juga permintaan dan desakan bagi meningkatkan sikap bertanggungjawab dan tahap (standard) PA selain keperluan untuk memudahkan lagi proses, sistem dan prosedur termasuk keperluan memperkenalkan piawai-piawai prestasi (service standard).

Untuk mencapai kejayaan, perhatian dan keutamaan PA hendaklah selaras dengan keperluan waktu yang sentiasa berubah yang memerlukan perubahan tertentu sama ada kecil ataupun besar.

Perubahan itu sendiri merupakan cabaran yang bukan along kepala besarnya, dan biar betapa kecil sekalipun perubahan itu ia memerlukan keberanian pihak yang akan melaksanakannya.

Salah satu perubahan yang diperkenalkan dalam PA negara ini ialah pelaksanaan Tekad Pemudulan Orang Ramai (TPOR) yang mula dilaksanakan secara menyeluruh dalam tahun 1995.

TPOR merupakan satu pernyataan atau komitmen bertulis sesebuah organisasi sebagai jaminan penyampaian perkhidmatan mengikut piawai ataupun standard yang munasabah yang ditentukan oleh tahap keupayaan organisasi tersebut.

Dalam erti kata yang lain, TPOR merupakan strategi dalam menangani keperluan orang ramai yang menghendaki PA yang cekap, efisien dan berkualiti. Secara tidak langsung TPOR berhubung kait dengan sistem pemberian perkhidmatan yang akan mengukur atau menilai tentang prestasi pengurusan atau perkhidmatan tersebut. TPOR menekankan kepuasan hati pelanggan.

Ia disebarluaskan melalui buku panduan termasuk risalah panduan orang ramai dalam membuat aduan mengenai TPOR dan penyampaian perkhidmatan di setiap agensi kerajaan di samping disiarkan di Radio Televisyen Brunei dan Akhbar PELITA BRUNEI.

TPOR juga dimasukkan ke dalam kurikulum latihan Institut Perkhidmatan Awam bagi kursus-kursus melibatkan kakitangan Bahagian III ke bawah dari tahun 2001 sehingga sekarang. Dari masa ke semasa taklimat TPOR juga diberikan kepada agensi-agensi kerajaan yang memerlukan tidak terkecuali mengadakan seminar. Pemantauan dan penilaian mengenai TPOR termasuk kaji selidik tumpuan pelanggan dalam PA juga dilaksanakan.

Satu lagi langkah penting yang diambil ialah penguatkuasaan TPOR yang mula dilaksanakan pada akhir tahun 2003. Untuk memberikan kesan yang diharapkan dari pelaksanaan penguatkuasaan itu beberapa langkah maklum balas yang konstruktif telah memberikan penekanan kepada beberapa perkara.

Antaranya ialah persetujuan untuk menangani masalah yang ada, pernyataan tentang persetujuan terhadap masalah yang dikenal pasti, persetujuan terhadap punca masalah, persetujuan ke atas penyelesaian dan menyediakan pelan tindakan.

PERKEMBANGAN

Pemeriksaan menguji ke beberapa buah kementerian dan jabatan telah mendapati bahawa pelaksanaan TPOR masih perlu dipertingkatkan lagi manakala konsep TPOR masih belum dihayati sepenuhnya.

Kaji selidik tumpuan pelanggan dalam PA pula telah mendapati bahawa hanya 62 peratus anggota PA yang komited terhadap tumpuan pelanggan.

hanya 51.3 peratus anggota PA yang memahami maksud TPOR, hanya 35.4 peratus sahaja anggota PA yang bersetuju kepada slogan 'customer is always right'.

Sementara itu hanya 49 peratus sahaja pelanggan yang berpendapat bahawa keadaan persekitaran pejabat dan kualiti penyampaian perkhidmatan oleh agensi-agensi kerajaan itu dipertingkatkan dan memuaskan.

Selain dari itu Jabatan Pengurusan mendapati setakat ini hanya 62 (61 peratus) dari 101 buah (kementerian dan jabatan) sahaja yang telah melaksanakan TPOR masing-masing. Majoriti kementerian/jabatan tidak menyediakan TPOR dalam manakala sebilangan jabatan tidak menyediakan TPOR bagi perkhidmatan utama.

PENGAUDITAN/FAEDAH

Dari pengauditan yang dilaksanakan ke atas enam buah jabatan sejauh ini, didapati bahawa jabatan-jabatan berkenaan tidak menubuhkan jawatankuasa khusus untuk memantau pelaksanaan TPOR. Proses pelaksanaan TPOR tidak dipenuhi dan tidak teratur selain tempoh TPOR tidak dikemaskinikan.

Terdapat juga jabatan yang tidak melaksanakan proses kerja yang dikira penting dalam memperbaiki kualiti perkhidmatan kepada orang ramai termasuk memastikan keberkesanan TPOR seperti tidak membuat catatan ataupun tanda penerimaan permohonan selain tidak pula memaklumkan kepada pemohon tentang keputusan permohonan.

Antara faedah TPOR boleh mewujudkan budaya perkhidmatan cemerlang, mewujudkan PA yang telus, menjadikan anggota PA lebih komited dan bertanggungjawab terhadap tugas-tugas yang dilaksanakan selain memberikan kepuasan kepada pelanggan.

Ia juga membolehkan PA sentiasa berkembang maju dan tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian yang ada, menjadikan perkhidmatan lebih berfokus kepada pelanggan, mengurangkan hambatan birokrasi, menjadikan anggota PA kreatif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta dapat melaksanakan tugas dengan lebih cepat tanpa menjejaskan kualiti selain mengurangkan kos perkhidmatan.

CABARAN

Antara cabaran yang dijangkakan dan dikenal pasti termasuklah terdapatnya sebahagian pegawai dan kakitangan yang sama ada tidak suka ataupun tidak berani menghadapi perubahan. Perubahan tidak akan dapat dilaksanakan tanpa adanya keberanian untuk berubah.

Terdapat juga anggota PA yang tidak mahu dibebani oleh tanggungjawab. Sebahagiannya pula hanya cenderung melaksanakan sesedikit mungkin tugas dan kurang cita-cita. Ada juga anggota yang tidak mengindahkan kepentingan organisasi selain mempunyai sifat mudah berpuas hati terhadap pencapaian dan tidak bersemangat untuk bekerja secara berkolaborasi sedangkan TPOR memerlukan semangat tersebut.

Dalam keadaan tertentu anggota PA juga akan menghadapi cabaran seperti 'pengharapan awam yang tidak munasabah atau lojik' yang menghendaki kita mempunyai kesabaran menghadapinya.

Itulah antara beberapa senario di mana 'integriti' PA perlu dipertingkatkan walaupun PA kita merupakan di antara yang agak baik. Penutup kata, sama-samalah kita 'merenung dan berfikir'.



PERBUATAN menconteng-conteng bukan sahaja berlaku ke atas kemudahan-kemudahan awam, bangunan kerajaan, papan-papan tanda tetapi juga telah melarat ke jalan-jalan raya seperti kelihatan dalam gambar yang dirakamkan oleh LENS PELITA kali ini yang ditulis dengan perkataan AGEN di Jalan Pusing Keliling berdekatan Jame' 'Asr Hassanil Bolkihi di Kampong Kiarong.

Perbuatan ini dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab yang semata-mata menurutkan hawa nafsu. Jadilah masyarakat yang bertanggungjawab dan menghargai kemudahan yang disediakan bukannya menjadi pemugut dan merosak harta benda kerajaan.

TEKAD PEMUDULAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BAHAGIAN IV

PIAGAM Pelanggan bagi permohonan-permohonan yang dikendalikan oleh Jabatan Tanah yang perlu dihadapi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet untuk kebenaran.

PROSES PERTAMA : Dari mula menerima permohonan sehingga mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan untuk proses selanjutnya.

BIL.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Pajakan Tanah Kerajaan	3 bulan
2.	Permohonan Tanah Pra 1954 (LA)	3 bulan

Bagi permohonan-permohonan yang tidak bermasalah

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan meniadakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.


Manusia yang hidup di dunia ini tidak akan dapat lari daripada menerima qadq dan qadar Allah Subhanahu Wataala seperti musibah-musibah yang menyebabkan penderitaan dan kesesahan sebagai cabaran dan ujian dari Allah Subhanahu Wataala dan harus dihadapi dengan kesabaran. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 yang bermaksud:

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan sedih kepada musuh dan dengan merasa kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."

Sesungguhnya sifat sabar dan tabah dalam menghadapi apa jua musibah seperti sakit amat perlu kepada seorang hamba Allah. Kerana dengan sifat-sifat tersebut akan membolehkan kita menjadi orang yang reda terhadap qadq dan qadar Allah Subhanahu Wataala, bahkan ia boleh mengelakkan diri kita dari berikap marah, kecewa, putus asa dan resah gelisah dalam menghadapi kesakitan yang dialami. Ketahuilah sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala mencintai orang-orang yang sabar dan sentiasa bersama-sama mereka. Sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ali-Imran ayat 146 yang bermaksud:

"Dan ingatlah Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar."

Sebagai contoh kita renung dan ambil iktibar betapa tingginya kesabaran Nabi Ayub Alaihi Wasallam ketika menerima ujian dari Allah Subhanahu Wataala di-timpa sakit yang amat berat di mana kulit tubuh-



nya hancur dimakan oleh ulat-ulat. Sesungguhnya demikian keadaannya. Nabi Ayub Alaihi Wasallam tetap sabar menerima segala ujian Allah Subhanahu Wataala itu, bahkan tetap tekun beribadat kepada Allah Subhanahu Wataala. Sedangkan sebelum itu pun Nabi Ayub Alaihi Wasallam telah menerima ujian dengan kematian semua anak-anaknya dan semua hartanya habis hangus terbakar.

Allah Subhanahu Wataala telah mengingatkan di dalam Al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Mu'min ayat 60 yang bermaksud:

ALLAH MENCINTAI ORANG YANG SABAR DAN TABAH

berjumpa doktor. Dan bagi meringankan beban kesakitan yang ditanggung, kita bolehlah mengadu kepada keluarga dan sahabat tetapi bukan dengan perasaan marah dan rasa tidak puas hati dan kecewa seolah-olah tidak reda dengan qadq dan qadar Allah Subhanahu Wataala.

Perlu juga diingat, bahawa apabila menghadapi kesengsaraan atau kesakitan yang amat sangat, janganlah mudah kecewa dan putus asa sehingga mahu mati cepat agar terlepas dari menanggung seksa dan kesakitan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyatakan dalam hadis Baginda yang berbunyi yang bermaksudnya:

"Dari Anas bin Malik Radiallahuanhu, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sekali-kali kamu tidak boleh mengharapkan kedatangan mati kerana sesuatu kesukaran yang menimpa. Dan jika terpaksa mengharap kematian, maka hendaklah ia berkata: Ya Tuhanku, berikanlah aku kehidupan jika ia lebih baik bagiku, dan wafatkanlah aku jika ia lebih baik bagiku." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya sakit yang ditimpakan ke atas kita bukanlah bertujuan untuk menyusahkan kita tetapi di sebaliknya mem-

punyai hikmah yang tersirat, ini jelas sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tidak satu musibah pun yang menimpa diri seorang Muslim, sama ada yang berupa kesukaran dan penderitaan, kesedihan dan kedukaan, ataupun penyakit, bahkan kerana sepotong duri yang menyucuk kakinya (anggotanya), melainkan dihapuskan oleh Allah dengan itu sebahagian dari kesalahannya." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Kita perlu akur bahawa sebagai manusia, kita sememangnya pelupa dan mudah lupa diri terutama di kala senang dan mewah, tetapi sebaliknya mudah ingat Allah Subhanahu Wataala, saudara mara, sahabat dan kawan-kawan apabila berada dalam kesukaran, penderitaan dan kesakitan. Oleh yang demikian semasa sakit, kita digalakkan supaya bertaubat, membanyakkan berzikir, berdoa dan beristighfar meminta ampun kepada Allah Subhanahu Wataala atas apa yang telah berlaku dari kesilapan dan kelalaian yang telah dilakukan. Selain itu kita juga digalakkan untuk mengingati mati, sentiasa berbaik sangka kepada Allah Subhanahu Wataala dan sentiasa mengerjakan sembahyang lima waktu walaupun ketika sakit selagi tiada uzur syarie.

Manakala apabila kita sakit, kita hendaklah berikhtiar untuk berubah asalakan bukan dari benda-benda haram kerana setiap penyakit itu ada ubatnya. Perkara ini ada dijelaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda yang bermaksudnya:

"Dari Tariq bin Syuwa'id Al-Jufree, bahawasanya ia bertanya kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tentang khamar. Lalu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam melarangnya atau Baginda benci membuatnya (khamar itu). Maka berkata Tariq: "Aku membuat khamar itu semata-mata untuk ubat." Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: "Sesungguhnya itu bukan ubat, tetapi adalah penyakit." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Sebagai hamba Allah yang beriman, kita hendaklah bersabar dan tabah menghadapi ujian yang menimpa ke atas kita kerana semua itu adalah kuasa dan qadq dan qadar Allah Subhanahu Wataala sebagai peringatan kepada hamba-hamba-Nya supaya tidak terus lalai dan leka dalam kesenangan dan kemewahan hidup di dunia. Mudah-mudahan Allah akan sentiasa bersama kita sebagaimana yang dijanjikan Allah Subhanahu Wataala untuk sentiasa bersama orang-orang yang sabar dan sentiasa melimpahkan rahmat dan hadiah serta memberikan perlindungan kepada kita semoga selamat di dunia dan di akhirat, Amin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 177 yang bermaksudnya:

"Dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan dan dalam masa kesakitan dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan fi sabilillah. Orang-orang yang demikian sifatnya, mereka itulah orang-orang yang benar beriman dan mengerjakan kebajikan dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa."

"Dan Tuhan kamu berfirman, berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu."

Oleh itu jika kita menerima ujian seperti sakit, maka bersabarlah dan berdoalah dan bermohonlah kepada Allah Subhanahu

Wataala kerana kepada Allah Subhanahu Wataala sahajalah sebaik-baik tempat memohon pertolongan. Di samping berdoa dan memohon kepada Allah Subhanahu Wataala, kita juga seharusnya berikhtiar dan berusaha mengubati penyakit tersebut seperti

SESUNGGUHNIA sifat sabar dan tabah dalam menghadapi apa jua musibah seperti sakit amat perlu kepada seorang hamba Allah. Kerana dengan sifat-sifat tersebut akan membolehkan kita menjadi orang yang reda terhadap qadq dan qadar Allah Subhanahu Wataala, bahkan ia boleh mengelakkan diri kita dari bersikap marah, kecewa, putus asa dan resah gelisah dalam menghadapi kesakitan yang dialami.

وقت سمبھيغ. امساك. شوروق دار حضر

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 2 رجب، 1425 برسمان دغن
18 اوگوس، 2004 هيگت كهاري ثلاث، 8 رجب، 1425 برسمان دغن 24 اوگوس، 2004 اداله سفر دباوه اين -

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحى	مسيحي
رجب									اوگوس
2	12.26	3.40	6.32	7.44	4.47	4.57	6.15	6.39	18
3	12.25	3.39	6.32	7.43	4.47	4.57	6.15	6.39	19
4	12.25	3.39	6.32	7.43	4.47	4.57	6.15	6.39	20
5	12.25	3.38	6.31	7.42	4.47	4.57	6.15	6.39	21
6	12.25	3.37	6.31	7.42	4.47	4.57	6.15	6.39	22
7	12.24	3.36	6.31	7.41	4.47	4.57	6.15	6.39	23
8	12.24	3.36	6.30	7.41	4.47	4.57	6.15	6.39	24

وقت ۲ سمبھيغ باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلوره نكارا بروني
دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تغهاري.

OLEH yang demikian semasa sakit, kita digalakkan supaya bertaubat, membanyakkan berzikir, berdoa dan beristighfar meminta ampun kepada Allah Subhanahu Wataala atas apa yang telah berlaku dari kesilapan dan kelalaian yang telah dilakukan. Selain itu kita juga digalakkan untuk mengingati mati, sentiasa berbaik sangka kepada Allah Subhanahu Wataala dan sentiasa mengerjakan sembahyang lima waktu walaupun ketika sakit selagi tiada uzur syarie.

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda.

3. Larangan Membelanjakan Harta Kepada Perkara Yang Tidak Bermanfaat

ISLAM cukup mengambil berat mengenai penjagaan harta. Membuang harta pada perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat adalah dilarang dan dianggap suatu pembaziran yang sangat ditegah oleh syarak. Apakah membelanjakan harta untuk membeli rokok itu tidak termasuk dalam kategori seperti ini?

Merokok memang mengundang bahaya pembuangan harta tanpa faedah. Orang yang sudah ketagihan rokok biasanya tidak dapat membendung keinginannya untuk mendapatkan rokok, walaupun harga rokok itu mahal, walaupun perbelanjaan membeli rokok itu sama harganya dengan jumlah wang yang diperlukan oleh seisi keluarganya.

Imam Ibnu Hazm Rahimahullahu Wataala dalam kitabnya Al-Muhalla menjelaskan maksud pemborosan, antaranya:

1. Membelanjakan wang untuk perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah, sama ada banyak atau sedikit, walaupun sebesar sayap nyamuk sekalipun.

2. Pembaziran yang tidak ada keperluannya atau tidak diperlukan.

3. Membuang-buang wang, walaupun kecil jumlahnya, kerana dengan membuang tanpa tujuan itu menjadikannya sia-sia.

Larangan pembaziran itu jelas diperuntukkan dalam Al-Quran, sebagaimana Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya." (Surah Al-Israa', ayat 26 - 27).

Firman Allah Subhanahu Wataala di dalam ayat yang lain yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu melampau-lampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau." (Surah Al-An'am, ayat 141).

Apabila rokok disifatkan sebagai bahan yang mendatangkan mudarat, maka ia boleh dianggap sebagai bahan yang tidak bermanfaat. Oleh itu, tidak syak lagi membelanjakan harta untuk membeli rokok adalah termasuk sebagai perlakuan membuang-buang harta atau pembaziran yang ditegah oleh syarak.

FATWA-FATWA PENGHARAMAN ROKOK

Terdapat beberapa jumlah fatwa telah dikeluarkan mengenai rokok, antaranya:

LARANGAN ROKOK DAN MEROKOK: Menolak kemudahan sejagat

Bilangan 186
Bahagian Akhir

1. Tersebut di dalam Kitab Bughyah Al-Mustasyidin, tembakau (rokok) sudah dimaklumi sebagai benda yang halal yang paling buruk, di mana ia boleh mengkhayalkan dan berlakunya pembaziran harta, dan ia bukanlah menjadi pilihan makanan atau hisapan atau sedutan oleh mereka yang berruah. Telah difatwakan mengenai pengharamannya oleh para ulama tasawuf seperti Al-Qutb Sayyidina Abdullah Al-Haddad, Al-'Allamah Ahmad Al-Hadwan, sebagaimana yang disebut oleh Ahmad bin Umar bin Sumaith mengenai pendapat mereka berdua dan ulama yang lain yang sependapat dengan mereka. Bahkan Al-Habib Al-Imam Al-Husain bin Asy-Syeikh Abi Bakr bin Salim panjang lebar membuat amaran keras mengenai dengan tembakau. Beliau (Al-Habib) mengatakan: "Aku khawatir orang yang tidak bertaubat dari merokok sebelum matinya, dia akan mati dalam keadaan suu' Al-khatimah (mati yang berkesudahan buruk)."

2. As-Sayyid Al-'Allamah Umar Al-Bashri Rahimahullahu Taala dalam fatwanya: "Kaedah-kaedah yang dipakai oleh para ulama kita ketika menyatakan haramnya sesuatu makanan dalam bab Al-Ath'imah ialah makanan yang boleh membawa kepada mabuk atau memudaratkan akal atau tubuh badan, maka memakan benda yang memabukkan adalah haram, kerana ia memabukkan, dan memakan makanan yang memudaratkan akal juga haram, kerana mudaratnya itu. Begitu juga jikalau seseorang membuat pengakuan bahawa dia tidak menemui apa-apa manfaat dalam makanan itu dari semua segi, maka elok makanan berkenaan diharamkan ke atasnya, kerana yang demikian itu berlaku pembaziran harta. Pembaziran harta tidak ada bezanya di antara membuangnya ke laut atau membakarnya dan sebagainya yang dikira sebagai membuang-buang harta itu. Manakala yang lainnya adalah halal, kerana yang muktamad, bahawa asal sesua-

tu benda itu halal, apa lagi bagi orang yang menjadikannya sebagai ubat."

"Apa yang disebutkan di atas, beginilah juga hukum yang berlaku kepada tembakau (rokok). Salah satu sifatnya ialah baunya yang busuk. Maka pendapat yang rajih (kuat), hukumnya adalah haram kerana kotornya..."

3. Al-Imam Al-Akbar Mahmud Syaltut, bekas Syeikh Al-Azhar, Mesir menyebarkan di dalam fatwanya: "Walaupun menghisap tembakau itu tidak memabukkan dan tidak merosakkan akal, namun ia mempunyai pelbagai kesan yang membahayakan kepada kesihatan perokok itu sendiri dan juga kepada orang lain yang tidak merokok."

"Para doktor telah menganalisa kandungan komponen-komponen tembakau dan mereka menemui adanya bahan racun di dalam kandungan tembakau itu, di mana racun ini boleh membunuh (melenyapkan) kebahagiaan dan kegembiraan seseorang walaupun secara perlahan."

"Jika demikian halnya, tidak diragukan lagi bahawa menghisap tembakau adalah suatu yang menyakitkan dan memudaratkan. Dalam pandangan Islam, sesuatu yang menyakitkan dan memudaratkan itu adalah keji yang mesti di jauhi."

"Di samping itu, apabila kita tinjau wang yang dibelanjakan untuk tembakau, kita mendapati bahawa perokok lebih memerlukan wang berkenaan, atau dia sepatutnya menggunakannya kepada perkara lain yang lebih baik dan berfaedah. Dalam pandangan Islam, menghabiskan wang dengan cara yang sedemikian itu adalah dilarang dan tidak harus."

NASIHAT KEPADA PEROKOK

Kepada setiap perokok perlu mempunyai niat yang bulat dan tekad yang kuat untuk meninggalkan secara total tabiat buruk merokok. Kalau tidak berdaya meninggalkannya dengan segera, maka tindakan secara beransur-ansur atau setapak demi setapak sangatlah bermanfaat.

Orang yang kemahuannya lemah, hendaklah sedaya mungkin mengurangkan sikap merokok setiap hari. Jangan memuji-



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

muji rokok, jangan membeli rokok dan jangan menggalakkan orang lain merokok dengan menghidang atau menawarkan rokok kepadanya. Di samping itu jangan sekali-kali lupa untuk mengadu dan memohon kepada Allah Subhanahu Wataala supaya diberi kekuatan dapat melepaskan diri daripada belenggu rokok. Rahmat Allah tetap berpihak kepada sesiapa yang ingin menuji kepada kebaikan. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya." (Surah Al-A'raaf, ayat 56)."

Oleh itu, di samping usaha secara fizikal yang datang daripada perokok itu sendiri, perlu juga diiringi dengan memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wataala.

KESIMPULAN

Merokok telah dibuktikan mendatangkan bahaya yang besar dan melenyapkan harta tanpa apa-apa manfaat kepada manusia. Mengikut pandangan syarak, sesuatu yang memudaratkan dan begitu juga perbuatan membazirkan harta kepada benda yang tidak bermanfaat adalah berdosa dan dilarang.

Selain itu, budaya merokok bukanlah simbol kemegahan yang boleh menaikkan imej, sebaliknya ia merupakan budaya yang menjatuhkan martabat dan maruah.

WALLUAKHLAM

Perceraian melemahkan ummah

BERAKAS, 19 Julai. - Urusan membentuk keluarga bukanlah urusan kecil atau mudah, malah merupakan urusan penting bagi menentukan sejarah sesuatu bangsa atau ummah.

Perkara itu dijelaskan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Pa-

duka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika membentangkan kertas kerja perdana bertajuk 'Pembinaan Umat Melalui Masjid' sempena Seminar Institusi Masjid beransur di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati berkata, konsep keluarga dalam Islam iaitu pembinaan ummah adalah bermula pernikahan, di samping pentingnya penekanan panduan bagaimana memilih jodoh suami dan isteri yang salih.

Terdahulu dari itu, Mufti Kerajaan telah me-

lahirkan kerisauan mengenai status perceraian rumah tangga seperti yang direkodkan pada tahun 2003 pada perkahwinan dalam usia matang atau masih remaja.

Menurutnya, perceraian tidak syak lagi melemahkan ummah kerana batu bina bangsa dan ummah itu ialah keluarga.

Dari pengalaman ketika menangani kes-kes rumah tangga yang dibawa ke mahkamah, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati mendapati perceraian berpunca dari salah seorang pasangan ataupun kedua-duanya sekali, di samping pengabaian tanggungjawab seperti nafkah dan soal akhlak.

Perceraian juga berpunca dari pembawaan dan perbuatan tidak Islamik seperti suami atau isteri berkhianat.

Oleh
Samle HJ

Menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati, kelakuan itu menunjukkan mereka bukanlah orang yang salih atau salihah kerana sifat orang yang salih atau salihah ialah mereka yang tunduk di bawah peraturan dan hukum-hukum Allah.

"Kita mahu melihat perkahwinan yang mendapat keberkatan Allah," Yang Dimuliakan Lagi Dihormati menyarankan agar menjauhi semua perkara yang dilarang Allah dan membetulkan pegangan agama.

Yang Dimuliakan juga menjelaskan sering mendapati setiap majlis perkahwinan juga diselitkan dengan perkara yang bertentangan dengan agama seperti perjudi, membuat bising sehingga larut malam, malah sampai ke subuh sehingga mengganggu jiran tetangga, orang tua yang sakit atau kanak-kanak kecil yang tidur.

Menurutnya, bagi men-

cari keberkatan dari perkahwinan adalah melalui amal taqwa dan doa sekali gus bagi mendapat semua kelebihan dan kebahagiaan, bukannya tragedi dan perceraian.

Menyentuh pembinaan ummah melalui institusi masjid, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati berkata orang-orang yang sentiasa hadir ke masjid bagi menunaikan sembahyang, membaca Al-Quran, belajar atau mengajar adalah pemakmur masjid.

Katanya, masjid juga adalah kubu bagi orang beriman dan menjadi tempat memancarkannya tarbiah dan nasihat paling berkesan.

"Keberkatan masjid juga memberikan jiwa yang gelap akan jadi bersinar dan hati liar akan jadi tunduk serta jinak," jelas Mufti Kerajaan lagi.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati juga menjelaskan kelebihan bersembahyang di masjid dan



YANG Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Gambar oleh Masri Osman

istighfar di dalamnya boleh menyelamatkan bumi daripada hukuman Allah.

Masjid merupakan wadah sebenar untuk melahirkan personaliti-personaliti salih dan jika semua orang terikat dengan masjid akan melahirkan rakyat dan penduduk yang salih tidak mengira latar belakang.



SEBAHAGIAN peserta ketika menghadiri Seminar Institusi Masjid. - Gambar oleh Masri Osman.



DALAM edisi TEROPONG PELITA kali ini, kita akan cuba melihat dalam ruang lingkup yang luas mengenai isu gejala sosial atau punca penyakit sosial yang sering diperkatakan oleh orang kita di kalangan peringkat jentera kerajaan iaitu penyakit Rasuah. Penyakit ini memang sudah dikenal pasti sejak awal lagi sebagai satu penyebab gejala timbulnya penyakit sosial bahkan boleh melumpuhkan jentera pentadbiran sesebuah organisasi atau sebuah negara.

Terlebih dahulu kita renungkan apakah takrif atau definisi rasuah dalam konteks negara kita. Menurut Biro Pencegah Rasuah (BMR) yang metetik daripada Transparency International, rasuah ditakrifkan sebagai satu penyalahgunaan kedudukan awam untuk kepentingan peribadi. Pengharaman terhadap aktiviti rasuah ini telah awal dimaktubkan dalam syaria Islam sejak dulu lagi kerana ini adalah punca kepada suatu unsur yang negatif dan merugikan.

Di negara kita, pihak yang berwajib yang ditugaskan untuk menegakkan integriti pentadbiran awam dengan cara membasmi dan menghapuskan rasuah serta menghadapkan mereka yang terlibat dalam kegiatan rasuah ke muka pengadilan adalah BMR.

BMR mula berfungsi pada 1 Februari 1982 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ditubuhkan dengan penguatkuasaan Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981 yang kini dikenali sebagai Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131).

Rasuah lebih dikenali dalam masyarakat kita sebagai 'suapan'. Terlalu banyak takrif dan erti suapan pada pemahaman kita. Namun menurut Penggal 2, Akta Pencegahan Rasuah, ia melibatkan pemberian atau penerimaan sama ada wang, hadiah, cagaran, harta benda (dalam apa jenis pun), pinjaman, kepentingan, upah, ganjaran, jawatan, kehormatan, pekerjaan, kontrak, perkhidmatan, pembayaran, penjelasan, atau penyelesaian apa juga pinjaman atau lain-lain tanggungan-jawab, sebarang balasan yang berharga, potongan harga, komisyen, pengurangan dan sebagainya. Semua ini adalah suapan.

Jika demikianlah takrif rasuah itu maka dengan tidak secara langsung kita juga pernah menggalakkan bibit-bibit rasuah itu sendiri. Cuba kita renung sejenak waktu kita kecil atau apa yang pernah kita lakukan kepada anak-anak kita. Sesekali kita pernah memberikan anak-anak

NEGARA MEGAH TANPA RASUAH

Kelolaan
Haji Dayang HK

kita upah untuk sama ada melakukan atau tidak melakukan sesuatu. Misalnya untuk menyuruh anak kita membeli sesuatu di kedai. Kita akan mengupah mereka dengan apa jua agar ia mahu melakukan dan menyampaikan hajat kita itu. Bukankah ini bibit-bibit rasuah dalam bentuknya yang paling halus?

Alhamdulillah, di negara kita yang berpegang kuat dengan ajaran Islam dan etika kerja yang tinggi, amalan rasuah adalah masih dalam keadaan yang dapat dikawal. Bagaimanapun, ini bukanlah satu keadaan di mana kita boleh duduk diam dan hanya memantau. Usaha berterusan hendaklah dipergiatkan lagi untuk membasmi seterusnya menghilangkan rasuah dalam kehidupan kita. Banyak punca dan sebab-sebab rasuah ini berlaku. Antaranya ialah sikap tamak dan keinginan untuk hidup mewah dan bergaya tanpa mengira dan menyukat kemampuan diri. Dan yang paling dahsyat lagi ialah lemahnya iman dan pegangan serta kurangnya didikan agama. Keadaan ini bertambah buruk lagi apabila seseorang itu tidak mempunyai penghayatan hidup yang sempurna ditambah lagi dengan kurangnya seliaan dan kawalan peraturan yang terlalu longgar.

Terlalu banyak sebab mengapa rasuah itu dilarang dan diharamkan. Antaranya, ia adalah satu tindakan yang tidak adil dan menyakiti orang-orang yang miskin. Ini jelas kerana mereka yang miskin tidak akan mampu untuk menyaingi orang yang melakukan rasuah. Malahan rasuah ini akan memburukkan lagi taraf kemiskinan sesebuah negara apabila sumber yang dihasratkan untuk membantu golongan ini disalahgunakan atau disewelengkan.

Rasuah dikatakan juga tidak ekonomi kerana ia telah mengalihkan sasaran agihan pelaburan untuk pembangunan kepada kepentingan peribadi. Ia juga mengurangkan pendapatan negara khususnya dalam hal pencukaian yang telah dielak untuk dibayar. Rasuah juga boleh menjejaskan

imej atau reputasi sesebuah organisasi dan individu khususnya apabila amalan rasuahnya terungkap.

Menurut BMR, hanya 149 maklumat atau aduan sahaja yang diterima bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember 2000. Maklumat atau aduan-aduan itu adalah bersumber sama ada daripada surat layang, pengadu datang ke BMR, melalui telefon, laporan dari jabatan kerajaan, melalui sumber/cejan, dari penyiasatan dan lain-lain sumber (Sumber: Lampiran Taklimat BMR 2000). Sementara sejumlah 2,142 maklumat/aduan/laporan diterima di sepanjang tahun 1991 sehingga tahun 2000 (Sumber: Lampiran Taklimat BMR 2000).

Aktiviti rasuah juga berkembang mengikut peredaran zaman. Ia juga semakin canggih seperti canggihnya teknologi masa kini. Amalan rasuah kini wujud dalam dimensinya yang berlainan. Baru-baru ini dimensi rasuah yang terbentuk dalam istilah 'Nepotism' dan 'Cronyism' telah disentuh oleh salah seorang pembentang kertas kerja yang mewakili Biro Kawalan Narkotik dalam Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. Walaupun ianya belum dianggap sebagai kesalahan jenayah namun jelas kedua-dua istilah tadi adalah bertentangan dari segi etika dan tidak dapat diterima pada masa kini. Apa pun, sama ada 'Nepotism' dan 'Cronyism'

yang membawa erti menyalahgunakan kedudukan untuk layanan istimewa selalunya bagi anggota keluarganya atau istilah yang bercanggah dengan amalan etika yang sedia ada adalah setentunya menjadi ancaman kepada kelancaran, keluhuran dan kemurnian sesuatu sistem yang ampuh. Amalan sedemikian seharusnya dielakkan sama sekali.

Kerajaan telah pun melaksanakan pelbagai langkah-langkah pencegahan untuk menangani aktiviti rasuah. Antaranya ialah dengan menjalankan penapisan ke atas pegawai dan kakitangan kerajaan yang dicadangkan untuk dinaikkan pangkat dan pengurniaan pingat dan bintang-bintang kebesaran, membuat perangkaan, menghadapkan laporan mengenai situasi yang difikirkan perlu pemerhatian demi untuk mencegah amalan rasuah, jerayawara, taklimat dan ceramah, di samping mengeluarkan surat pekeliling dan menerbitkan maklumat mengenai rasuah.

Demikian rasuah itu menjadi gejala sosial yang mengancam kestabilan negara dan masyarakat kita jika dibiarkan berleluasa. Sudah seharusnya kita tampil ke hadapan untuk sama-sama membanteras gejala haram ini agar kita akan dapat hidup dalam suasana yang sihat dan kondusif. Dengan yang demikian kita akan menjadi sebuah jentera penggerak pentadbiran yang efisien dan proaktif serta produktif.

BICARA IT

TAMAN SIBER MENGEMBANGKAN INDUSTRI INFOKOMUNIKASI

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aisah Haji Selamat
Sumber: Kementerian Kewangan

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang merancang untuk membina Taman Siber bagi mempromosi dan mengembangkan industri infokomunikasi di negara ini.

Taman ini akan menjadi pusat kecemerlangan bagi mengukuhkan perkembangan penguasaan teknikal dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Antara inisiatif yang akan diberikan termasuklah kemudahan incubator, bantuan ke pakara, sistem dan peralatan.

Menurut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, Menteri Perhubungan di Majlis Pelancaran Anugerah Teknologi Infokomunikasi Brunei (BICTA), taman tersebut dihasratkan bukan sahaja bagi pembuatan aolikasi ICT tetapi juga akan menjalankan kegiatan-kegiatan inovasi untuk melahirkan pengetahuan baru (to create new knowledge).

Ke arah itu kerajaan telah menjadikan perkembangan ICT sebagai agenda kebangsaan yang harus didukung oleh semua lapisan masyarakat di negara ini dalam meningkatkan daya saing dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi.

Usaha negara menuju ke arah e-ekonomi ia dijana infrastruktur infokomunikasi yang serba maju seperti RAGAM-21, Sistem Kabel Dasar Laut Antarabangsa, Perkhidmatan Telefon Bimbit GPRS atau 2.5 G dan rangkaian NGN.

Ternyata infrastruktur infokomunikasi tersebut akan dapat memberikan ruang kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (SMEs) untuk memikirkan peluang-peluang perniagaan berorientasikan infokomunikasi yang boleh mereka ceburi bagi membantu pertumbuhan industri infokomunikasi di negara ini.

Apa yang penting ialah kesediaan kita untuk mengubah minda menerima teknologi baru selain komitmen menggunakannya untuk memperingkatkan produktiviti dan keberkesanan sesuatu proses pekerjaan.

Secara praktiknya tanpa kesediaan kita untuk menerima teknologi tersebut, komitmen itu akan tinggal komitmen sahaja sedangkan kita perlu meluaskan lagi penggunaan ICT di negara ini supaya benar-benar dapat memberi sumbangan kepada daya saing ekonomi negara.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S i B u d i m a n

MUSIM ANI MUSIM SEKOLAH-SEKOLAH
MANGADAKAN KHATAM AL-QUR'AN NI..
WANG AH.....

AWU TUAN... BISAI JUA SUDAH TU..
MUDAH-MUDAHAN HASRAT RAKYAT
KITANI TARCAPAI KAARAH RAKYAT
YANG CELEK AL-QUR'AN.



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Dengki dan iri hati ditegah oleh ugama

SECARA umumnya kejayaan pada seseorang individu adalah tergantung kepada cita-citanya, sama ada telah dicapai ataupun belum. Pada masyarakat umum pula, kejayaan seseorang individu disukati pada pangkat, kemuliaan, kesenangan, kebahagiaan dan kekayaan asetnya. Perbezaan di dalam pencapaian ini menyebabkan banyak reaksi terhasil di dalam masyarakat yang merangkumi reaksi positif dan juga reaksi negatif. Salah satu reaksi negatif terhadap perbezaan ini adalah sikap dengki dan iri hati. Kedua-dua sikap ini mempunyai maksud yang serupa dan adalah sangat ditegah di dalam Islam, kerana sikap ini cenderung membuatkan kita melakukan perkara-perkara yang berdosa. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 54 yang tafsirnya: "Adakah patut mereka dengki kepada manusia atas nikmat yang Allah telah berikan kepada mereka dari kurnia-Nya?"

Sikap dengki dan iri hati ini sangat berbahaya kerana ia membuatkan diri kita marah atas sebab

merasa ketidakadilan telah berlaku pada diri kita, kerana tidak mendapat kemuliaan dan kesenangan yang serupa. Perasaan ini akan menghasut diri kita untuk berusaha menjatuhkan mereka yang mempunyai kelebihan-kelebihan yang akan dilakukan oleh mereka yang dengki dan iri hati akan melalaikan mereka daripada sepatutnya berusaha dengan lebih gigih dalam kerjaya untuk mencapai tahap kesenangan yang sama. Tambahan lagi perlakuan mereka yang tidak bermoral juga akan mengakibatkan terbantutnya kerjaya seseorang organisasi yang disertainya secara keseluruhan.

Jika perbuatan tidak bermoral berlaku atas sebab persaingan antara satu organisasi dengan organisasi yang lain, perbuatan ini juga akan merugikan diri sendiri di hujung pangkalnya kelak kerana kesenangan yang diperolehi hasil daripada perkara yang berdosa tidak akan mendapat berkat daripada Allah Subha-

nahu Wataala jua.

Akibat daripada sikap dengki dan iri hati ini akan melambatkan kemajuan negara umpamanya, kerana perbuatan sedemikian seperti yang dinyatakan di atas menyebabkan masa dan tenaga terbuang dengan sia-sia. Tambahan lagi pada zaman globalisasi ini, masa adalah ibarat wang, jadi penanguhan seumpama ini akan melibatkan kerugian yang besar pada negara selain daripada menghalang kemajuan yang sepenuhnya dicapai dalam satu-satu tempoh yang dirancang.

Maka semestinya sikap dengki dan iri hati dipupuskan di dalam diri masing-masing kerana bukan sahaja ia suatu yang memberikan akibat yang buruk pada kemajuan yang akan dicapai di dunia bahkan juga kejayaan di akhirat nanti seperti mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Awashlah kamu dari dengki kerana dengki itu memakan kebaikan (amalan-amalan) laksana api memakan kayu bakar atau rumput." Riwayat Abu Daud.

Salah satu cara untuk

memperbaiki diri daripada sikap hasad dengki adalah dengan membuat muhasabah diri, bertaubat dan beristighfar jika sekiranya kita merasa sikap itu terdapat di dalam diri kita pada masa dahulu apatah lagi pada saat itu. Tidak ketinggalan juga ialah membetulkan didikan pada anak-anak kita dengan menggantikan perkataan 'dengki' dengan 'kagum' bersama pelajar cemerlang yang lain. Ini adalah supaya sifat-sifat daya saing yang positif dapat ditanamkan dalam

diri generasi yang bakal mengemudi negara ini di masa akan datang. Maka daripada itu mereka akan dapat meneruskan perjuangan memajukan negara secara umumnya tanpa halangan hasil daripada sikap dengki dan iri hati nanti.

Ahmad Iskandar bin Haji Mohd. Taha,
No. 7, Simpang 180-56,
Kampung Sengkirap,
Jalan Buang Tengkuruk,
Lumapas, BJ 2924.
No. k/p : 00-297431

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Jauhi Dari Amalan Sesat'. Tarikh tutup 25 Ogos 2004.
2. 'Pelajar Mesti Berdisiplin Kalau Mahu Berjaya'. Tarikh tutup 1 September 2004.
3. 'Tanpa Guru Siapalah Kita'. Tarikh tutup 8 September 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn

Sikap dengki, iri hati menghalang kemajuan

KEMAJUAN adalah satu perubahan, peningkatan, kelebihan dan merupakan satu kejayaan. Jika hendak diuraikan makna kemajuan, sebenarnya ia merangkumi pelbagai aspek kerana kemajuan tidak hanya tertumpu pada satu perkara sahaja. Kemajuan boleh jadi kepada diri seseorang itu, pelajar, pekerja, ugama, negara dan sebagainya. Namun walaupun kemajuan merupakan suatu perkara yang positif yang perlu direalisasikan, malangnya ada penghalang yang dilakukan oleh mereka yang tidak berfikir terbuka malah mungkin jahil untuk me-

nilai betapa pentingnya kemajuan itu.

Penghalang yang paling berperanan dalam hal ini ialah sifat dengki dan iri hati. Selagi sifat ini ada di kalangan masyarakat, selagi itulah kemajuan akan menghadapi halangan yang sukar untuk diatasi. Misalnya di sekolah, setiap penuntut perlu untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik mahupun aktiviti luar. Setiap pelajar perlu mempertingkatkan usaha agar mencapai kemajuan dari masa ke semasa. Namun kemajuan seseorang pelajar itu boleh jatuh mendadak jika ada di antara pelajar lain yang

menyimpan sifat dengki dan iri hati terhadapnya.

Begitu juga dalam hal pekerjaan, pekerja yang bekerja dengan sedaya upaya menggunakan pengalaman-pengalaman dan ilmu pengetahuan untuk mempertingkatkan kedudukannya, namun pekerja itu tidak akan maju sedikit pun jika segelintir daripada rakan sekerjanya yang dengki dan iri hati terhadapnya. Kerana orang yang dengki dan iri hati akan cuba untuk menjatuhkan 'musuh'nya walau dalam apa cara sekalipun. Fikirlah, orang akan semakin maju jika ada sokongan padu, tetapi akan majukah sese-

orang itu jika dikelilingi oleh musuh dalam selimut?

Justeru itu, bagi mengatasi perkara ini, setiap masyarakat perlu menyedari bahawa kemajuan itu amat penting dalam era globalisasi masa kini, tanpa kerjasama yang erat kemunduran yang kita dapat. Oleh itu, bersama-sama kita berusaha mencapai kemajuan agar tidak ketinggalan.

Sifat-sifat buruk seperti dengki dan iri hati hanya akan mengakibatkan kesan yang buruk. Umpama seorang yang membawa ajaran sesat, dia akan mengakibatkan kesesatan kepada orang ramai dan kesan daripada itu, bukan

dia sahaja yang akan dihukum dalam Neraka Jahanam, malah pengikut-pengikutnya juga turut dihukum bersama. Begitu juga dengan kemajuan, kita sokong dan bantu sesiapa sahaja untuk mencapai kemajuan, kerana kesannya bukan dia sahaja yang merasainya, tetapi kita juga akan menikmatinya. Seperti negara kita yang semakin maju, bukankah kemajuan itu dinikmati oleh kita semua.

Haji Abdul Aziz Al-Hakeem bin Haji Ghani,
No. 25, Simpang 637-94-13 Lot: 9, Jalan Pasir Berakas, STKRJ,
Lambak Kiri, BB 1114.
No. k/p : 00-303675

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Sikap Dengki dan Iri Hati Penghalang Kemajuan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Menghancurkan silaturahim

'BERSATU kita teguh bercerai kita roboh'. 'Berat sama dipikul ringan sama dijinjing', itulah antara ungkapan yang sering kita dengar dijadikan sebagai pendorong dalam melaksanakan sesuatu matlamat. Hubungan baik dan kerjasama erat merupakan antara elemen-elemen penting bagi menjamin kemajuan negara. Oleh itu setiap anggota masyarakat perlu menanam 'semangat kekitaan' dan bersatu bersama anggota masyarakat yang lain. Dengan adanya kerjasama dan perpaduan sesama kita maka hasrat untuk melihat negara maju akan tercapai.

Namun kita harus peka dengan kewujudan pelbagai gejala kurang sihat seperti rasuah, salah guna kuasa, fitnah dan lebih-lebih lagi sikap hasad dengki dan iri hati yang dipercayai bukan saja menghancurkan silaturahim antara masyarakat malah akan menjejaskan proses menjejak kemajuan. Lazimnya, sikap hasad dengki sering dikaitkan dengan niat jahat dan iri hati. Dalam erti kata lain iri hati atau cemburu yang melulu melihat kesenangan yang ada pada orang lain dan pada masa yang sama sentiasa memikirkan bagaimana hendak menjatuhkan individu berkenaan.

Perasaan sedemikian akan mendorong individu itu sentiasa berasa resah, gelisah, benci dan tidak puas hati. Dalam pada itu, individu tersebut akan terus berikhtiar untuk menghilangkan kenikmatan orang yang dengki melalui ucapan mahupun kelakuan yang kurang menyenangkan seperti menghasut, buruk sangka, memfitnah dan memburuk-burukkan. Ini bukan saja menyebabkan kesenangan yang dikecapi individu itu akan hilang bahkan yang lebih malang lagi individu tersebut turut dibenci oleh orang lain.

Ternyata, sikap hasad dengki dan iri hati boleh membawa padah yang amat buruk, nescaya menghalang kemajuan negara atas sebab timbulnya isu perpecahan, perbalahan, permusuhan, hilangnya semangat kekitaan dan perpaduan serta persefahaman dalam bekerjasama. Ini pastinya akan menyulitkan lagi pelaksanaan proses kemajuan untuk berjalan dengan lebih lancar dan sempurna lantas menggugat kestabilannya.

Apa yang paling mendukacitakan ialah sikap hasad dengki dan iri hati ini begitu sebar di kalangan kebanyakan orang-orang Melayu iaitu bangsa kita sendiri. Inilah antara punca kenapa orang Melayu susah untuk maju dan bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Memandangkan sikap yang keji ini amat serius di kalangan masyarakat kita dan haruslah mendapat perhatian yang sewajarnya tidak boleh dibiarkan begitu saja serta perlu dibendung walau dengan apa jua cara sekalipun. Jika tidak, dikhawatirkan akan terus berleluasa dan membawa kerosakan kepada diri individu itu sendiri dan masyarakat sekelilingnya.

Kesimpulannya, demi kepentingan kemajuan negara kita 'semangat kekitaan' perlu ditanam dan dipupuk agar hubungan baik dan kerjasama erat dapat diwujudkan dan dikuatkuhan lagi. Sementara itu, sikap dengki dan iri hati yang boleh membinasakan dan menimbulkan gejala negatif yang merosakkan perpaduan masyarakat perlu dikikis dan tidak harus mendapat tempat. Tiada guna kita berdengki-dengkian kerana kelak ia hanya akan merugikan diri kita sendiri. Sebaliknya, apabila melihat orang lain maju dan mendapat kesenangan kita sepatutnya berfikir secara rasional dan bersikap positif, berasa syukur, bangga dan lebih tekun berusaha untuk memperolehi nikmat yang sama. Sikap sebegini bukan sahaja akan memberi kesan baik kepada silaturahim antara masyarakat bahkan kita akan jadi lebih progresif, mampu bersaing dan berupaya mencapai kemajuan yang dihasratkan. Insya-Allah.

Noorainah Idris,
No. 11, Simpang 637 - 94, STKRJ, Kampong Lambak Kiri, Jalan Berakas, BB 1114.
No. k/p : 00-289390



PENGERUSI Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika menyaksikan Pameran Komputer. — Gambar oleh Masri Osman.

Kemajuan ICT diutamakan

GADONG, 1 Ogos. — Kemajuan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah salah satu agenda dalam ekonomi pembangunan Kerajaan Negara Brunei Darussalam bagi memastikan kestabilan melalui kepelbagaian pengaruh sumber asli negara iaitu minyak dan gas.

Sehubungan dengan itu, dalam merealisasikan hasrat negara untuk mencapai masyarakat celik teknologi maklumat (IT), Pameran Komputer berlangsung di The Mall di sini.

Pameran Perdagangan RITEK IT anjuran Persatuan Komputer Brunei Darussalam (PKBD), dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

Oleh
Siti Aishah HS

Pameran yang berlangsung selama lima hari itu diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai menyaksikan pelbagai jenis komputer selain mendedahkan kepelbagaian teknologi dan peralatan canggih dalam industri berkenaan.

Lebih daripada 15 buah syarikat komputer menyertai pameran tersebut yang menawarkan peralatan-peralatan terkini seperti komputer persendirian, modem, pengimbas, mesin cetak, mesin penggambar, aksesori komputer, kursus komputer dan perkhidmatan pinjaman membeli komputer dengan tawaran harga istimewa semasa pameran berlangsung.

REMAJA BELIA DAN KEUSAHAWANAN

OLEH H. A. MANAP

PADA 8 Ogos yang lalu genaplah usia Pertubuhan ASEAN 39 tahun. Di negara kita ia disambut dengan membawa mesej yang khusus ditujukan kepada generasi belia. Generasi belia yang menjadi sasaran tema telah diraikan dengan Upacara Penghargaan Belia ASEAN hari ini. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menjadi tetamu kehormat majlis telah menyampaikan mesej kepada generasi belia, betapa mereka mempunyai khazanah yang amat berharga di dalam diri mereka untuk diselongkar. Kreativiti diri yang mereka miliki merupakan aset penting bagi kesinambungan dalam memastikan pembangunan dan meningkatkan kedinamian serta tenaga belia untuk kebaikan serta jaminan masa depan.

Generasi belia perlu berusaha gigih dan rajin untuk mencari peluang serta membuat pendekatan bagi menyedari potensi mereka melalui kerjasama rapat antara mereka, agensi kerajaan dan sektor swasta. Dalam arus kehidupan yang kita lalui sekarang setiap generasi belia perlu mencari dan menggunakan peluang yang ada untuk membina kecemerlangan diri di pelbagai bidang. Generasi belia remaja perlu sedar bahawa mereka merupakan jentera atau mekanisme yang akan berpeperanan membantu pihak kerajaan dalam memajukan sektor pembangunan sama ada di bidang rohaniah atau fizikal. Sandaran ini mempunyai asas agar generasi belia remaja dapat menjadi modal yang bukan sahaja memperkuat kehidupan bermasyarakat, tetapi juga akan dapat menjadi pemangkin dalam meneruskan keamanan, kemantapan dan kemakmuran negara.

Pembinaan sebuah negara yang sejahtera dan aman makmur, sebahagiannya

banyak bergantung kepada bagaimana generasi muda belianya dicorakkan. Walaupun demikian dalam mencorakkan kehidupan belia remaja, tidak semestinya bergantung sepenuhnya kepada pihak kerajaan semata-mata. Contohnya kalau kita mengambil kira keterlibatan generasi belia remaja di bidang keusahawanan, ianya amat dialu-alukan dalam pembangunan yang ada sekarang. Jika dihubungkan generasi belia dan bidang keusahawanan, skopnya amat bertepatan di saat-saat kita bersedia dan rancang melaksanakan pembangunan yang berkualiti tinggi.

Kualiti yang baik dan bermutu tinggi kebanyakannya lahir melalui generasi belia yang berkemahiran dan berilmu pengetahuan yang luas. Lebih jauh dari itu mempunyai sikap dan semangat juang yang tidak pernah merasa jemu dan mudah mengalah. Sikap yang dinamik dan pro-aktif lebih banyak membantu dalam melestarikan keupayaan generasi belia remaja dalam memenuhi keperluan pembangunan belia remaja itu sendiri. Namun dalam mencalcikan bagaimana belia dan generasi muda mahu dilahirkan, kita akan tetap bertembung dengan pelbagai cabaran. Cabaran yang sedia ada, jika tidak dihadapi dengan lebih berhati-hati akan mudah memerangkap generasi muda belia. Perangkap yang ada ialah kemanisan cabaran yang mungkin mengheret mereka kepada pelbagai elemen yang membantutkan keinginan untuk maju. Kerana itu saranan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di Majlis Penghargaan Belia ASEAN adalah bertepatan dalam memenuhi

kehendak negara yang sedang bergerak ke depan untuk mencipta kemajuan yang cemerlang.

Pemilihan tema yang berkaitan belia dan keusahawanan jelas merupakan mesej pembangunan yang sejalan dengan kehendak untuk memberi lebih banyak peluang kepada generasi muda belia untuk berusaha. Kemudahan untuk mendapatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan di negara kita ini, tidaklah susah untuk diperoleh. Kemudahan ini juga jika dimanfaatkan dengan sebaiknya akan dapat membantu dalam memenuhi keperluan mewujudkan kecemerlangan di bidang keusahawanan.

Adalah bertepatan jika saranan ini menjadi pemangkin bagi generasi muda remaja untuk bergiat secara aktif dalam bidang keusahawanan. Maknanya saranan ini mempunyai asas sesuai dengan apa yang kita miliki. Di negara kita peluang adalah terbentang luas, bagi bidang ini diceburi secara aktif. Peluang seperti ini sangat berharga bagi generasi muda belia untuk mengisikannya. Namun ia akan hanya dapat dimanfaatkan bagi mereka yang mahu terlibat secara aktif dan berani dalam menyalut cabarannya. Bukan mudah untuk melahirkan generasi usahawan yang muda dan berkemahiran. Namun ia bukanlah merupakan alasan untuk kita tidak mahu melibatkan diri dalam bidang ini. Sebagai generasi penting, jadikan dan pilihlah bidang ini untuk sama-sama kita melahirkan masyarakat usahawan yang berkaliber dan berdaya maju. Bukan sedikit yang ada dewasa ini, sudah menjadi golongan usahawan muda yang berjaya. Inilah contoh kecemerlangan berkat usaha gigih dan keyakinan mantap untuk menjadi jentera penggerak kemajuan negara yang berjaya.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 4 Ogos 2004

Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan.



Sila berikan nama penuh gambar di atas?

Fatin Haziah binti Haji Noramin,
Sekolah Rendah Sengkurong.
Umur : 11 tahun

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 631

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 631,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 4 Ogos 2004

Dayangku Aidah binti Pengiran Omar,
Sekolah St. John.
Umur : 10 tahun

Nuuraqaneyana binti Md. Tali,
Sekolah PGMB Sungai Akar.
Umur : 9 tahun



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada Awang Muhammad Fikri, Johan qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1425H/2004 Masihi.

Johan Musabaqah Tilawatil Quran

BERAKAS, 22 Julai. - Awang Muhammad Fikri bin Haji Metussin dan Dayang Norezah binti Haji Md. Deli masing-masing muncul sebagai johan qari dan qariah di Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1425H/2004 Masihi.

Musabaqah yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu disertai oleh empat peserta lelaki dan empat wanita setelah mengalami proses pemilihan dari peringkat awal.

Awang Muhammad Fikri adalah bekas lepasan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanul Bol-

Oleh
Abu Bakar HAR

kiah mewakili Daerah Brunei dan Muara dan merupakan selaku naib johan Musabaqah Tilawah Quran Belia 1425 Hijrah peringkat akhir Daerah Brunei dan Muara.

Sementara Dayang Norezah adalah wakil dari Daerah Tutong dan merupakan mahasiswa tahun 2 Universiti Brunei Darussalam dan pernah menyandang naib johan Peraduan Al-Quran Remaja sempena Awal Tahun Hijrah 2000 Masihi.

Hadir menyaksikan

dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Musabaqah yang dianjurkan sejak tahun 1981 itu telah menarik minat ramai penyertaan khususnya kalangan para belia di negara ini.

Sementara pada tahun ini sebanyak 82 penyertaan telah mengikuti pertandingan sejak dari peringkat daerah, yang mana seramai 26 peserta telah terpilih untuk bertanding

Para belia diberi peluang membangun negara

Oleh
Abu Bakar HAR

daya saing.

Ke arah itu, tambah Yang Berhormat, kementeriannya dalam rancangan strateginya antara lain akan melibatkan persatuan-persatuan belia di peringkat daerah untuk sama-sama menangani pembangunan belia di daerah masing-masing yang bertujuan untuk memberi peluang kepada persatuan-persatuan untuk lebih proaktif dalam melaksanakan program-program pewujudan belia cemerlang.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong

Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyatakan perkara tersebut di Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1425 Hijrah/2004 Masihi berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat menyatakan mengenai penglibatan belia dengan kegiatan antisosial yang sering dipaparkan dalam media massa bukan saja mencemarkan nama baik keluarga, negara malah yang lebih tertekan adalah para belia itu sendiri.

Justeru itu, katanya, perkara ini pastilah menjadi cabaran yang perlu ditangani secara bersepadu oleh sekalian masyarakat di negara ini termasuk golongan belia yang dapat memainkan peranan penting dalam sama-sama membentuk sebuah masyarakat yang harmoni, disegani dan kaya dengan jati diri bangsa.

Ke arah itu, jelasnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat mengambil perhatian berat terhadap perkara tersebut dan telah menyediakan pelbagai peluang serta kemudahan yang terbaik untuk kesejahteraan, di samping kepentingan semua rakyat malah telah menjadi tanggungjawab kepada golongan belia tersebut untuk menggunakan kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang yang disediakan dengan sebaiknya.

Namun dalam keadaan dunia yang semakin men-

cabar dan kompetitif, negara kita tidak dapat lari dari hakikat tersebut, malah terpaksa ikut bersaing agar tidak terpinggir dari arus pembangunan, jelasnya.

Sehubungan dengan itu, kata Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, kementeriannya sedang mengatur rancangan strategi ke arah membentuk belia yang berjiwa kental, berdaya tahan dan berdaya maju serta mandiri untuk mewujudkan belia yang cemerlang selaras dengan Dasar Belia Negara.

"Ini adalah suatu upaya positif bagi membolehkan negara dapat bersaing bukan sahaja dengan negara-negara di rantau ini, malah juga negara-negara antarabangsa di mana negara memerlukan tenaga penggerak untuk meningkatkan pembangunan dalam segala kehidupan," jelas Yang Berhormat.

Untuk itu, sarannya, belia-belia di negara ini perlu turut memainkan peranan utama kerana selaku bakal pemimpin dan peneraju negara di masa akan datang memerlukan sumbangan serta khidmat bakti mereka ke arah pembangunan negara nyata tidak diragukan dengan sikap tidak meniadakan masa dan mengisi masa dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan proaktif dengan apa jua tugas kemasyarakatan yang diamankan.

Muncul johan di pertandingan itu ialah Awang Muhammad Fikri bin Haji Metussin bagi kategori lelaki dan Dayang Norezah binti Haji Mohd. Deli menjuarai dalam kategori qariah.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan hadiah kepada Dayang Norezah, johan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan. - Gambar oleh Masmelah HMA.

ke peringkat separuh akhir bagi menguji kemampuan dan sejauh mana pe-

nguasaan masing-masing dalam bidang pembacaan Al-Quran.

Pegawai ABDB dinaikkan pangkat

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 23 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menaikkan pangkat 65 orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang berlangsung di Mess Pegawai Berakas Kem di sini.

Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyempurnakan penyematan pangkat kepada para pegawai berkenaan.

Dua orang dinaikkan pangkat ke Mejar Tetap

iaitu 283 Kapten (U) Mat Yusoff bin Matyassin bermula 9 Disember 2003 dan 468 Kapten (U) Yusoff bin Haji Mustafa yang bermula 1 Mac 2004.

Sebelas orang pegawai pula dinaikkan pangkat Pemangku Mejar, dua orang dinaikkan pangkat Kapten, sembilan orang Pemangku Kapten, 18 orang Leftenan, seorang Mejar Tetap dan 22 orang Pemangku Kapten.

Doa selamat di majlis itu dibacakan oleh Pegawai Agama Kanan Kementerian Pertahanan, Awang Roslan bin Haji Sulaiman.

Hadir di majlis itu termasuk Pemerintah-pemerintah ABDB, pegawai-pegawai serta keluarga para pegawai yang dinaikkan pangkat.

Pemimpin berwibawa menjana pemikiran baru

Oleh
Siti Aishah HS

JERUDONG, 28 Julai. - Golongan pemimpin yang berkualiti, berwibawa dan berwibawa yang mampu menjana pemikiran-pemikiran baru serta berupaya memanfaatkan pendekatan-pendekatan selain kaedah-kaedah dalam mentadbir dan memimpin organisasi masing-masing, yang menjurus kepada reformasi Perkhidmatan Awam adalah mereka yang diperlukan di era masa kini.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid menekankan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Sijil Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Ke-8 yang diadakan di Asma Hotel di sini.

Beliau seterusnya berkata, kepimpinan yang berwibawa dan berwibawa adalah bertepatan

an dengan petikan intipati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda merasmikan Pameran Kepimpinan Raja baru-baru ini, iaitu "Kepimpinan bukan mesti merujuk kepada umur tua, tetapi kepada 'minda besar' yang mampu melahirkan idea-idea bernas kemudiannya menjadi idea-idea itu satu kenyataan dalam bentuk-bentuk rancangan dan pekerjaan."

Ke arah menyahut aspirasi baginda itu, beliau berharap agar program seumpama itu akan terus mendedahkan para peserta kepada program-program latihan yang boleh melahirkan golongan pemimpin yang



PENGIRAN Dato Paduka Haji Abdul Hamid menyampaikan Sijil Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan kepada seorang peserta. - Gambar oleh Masri Osman.

berkeyakinan, berfikiran terbuka, berkarisma, bertanggungjawab dan berupaya mengangkat martabat bangsa dan negara.

Seramai 18 orang

peserta berjaya menamatkan program selama 10 minggu itu dan buat pertama kalinya melibatkan penyertaan dua orang pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei dan

buat julung-julung kalinya penyertaan peserta dari empat buah negara anggota ASEAN iaitu Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam.

Sumber tenaga manusia terlatih agenda utama perlu ditangani

Oleh
Siti Aishah HS

GADONG, 29 Julai. - Penyediaan sumber tenaga manusia yang terlatih dan berkemahiran dalam konteks pembangunan adalah agenda utama yang mesti ditangani. Jika pembangunan sumber tenaga manusia tidak berkesan dan tidak produktif, maka negara akan memikul kerugian dan pelaburan pula akan menjadi lembap, lebih-lebih lagi apabila melitakat belia-belia menganggur tanpa sebarang pekerjaan yang ditanggung oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi menyentuh isu tersebut semasa merasmikan Majlis Pelancaran Hari Kerjaya BSP, BLNG, BST dan BSM yang berlangsung di Hotel Centrepont, Gadong di sini.

Yang Dimulikan menambah, isu pengangguran sama ada disebabkan keadaan ekonomi atau sebagai satu pilihan adalah masalah nasional yang memerlukan perhatian serius yang berpuncu dari banyak sebab, antaranya kurang kemahiran dalam mencari pekerjaan atau terlalu memilih jenis pekerjaan.

Namun apa pun masalahnya, jelas Yang Dimulikan, pengangguran tetap merugikan dan boleh menimbulkan gejala yang tidak baik malah jika ini senarionya, kesan pengangguran akan lebih



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi ketika menyaksikan Pameran Kerjaya BSP.

buruk lagi kepada kesejahteraan masyarakat dan keamanan negara.

"Isu ini hendaklah ditangani oleh semua pihak. Usaha padu hendaklah menyeluruh dan menepati matlamat pembangunan masa depan masyarakat dan negara. Perancangan juga perlu melibatkan agensi-agensi yang berkaitan, kerana tanggungjawab melatih dan membimbing tenaga mahir tidak boleh dipikul oleh kerajaan semata-mata kerana tenaga kerja yang berkemahiran bukan hanya diperlukan oleh agensi-agensi kerajaan, tetapi juga diperlukan oleh agensi pengusahaan yang lain khususnya pihak swasta," kata Yang Dimulikan.

Selaku agensi pengguna terbesar dalam sumber tenaga manusia selepas kerajaan, Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) terlibat sama dalam usaha membangun ekonomi dan kesejahteraan penduduk di negara ini, bahkan Kementerian Pen-

didikan menghargai kerjasama berterusan pihak BSP dalam sama-sama menghulurkan sumbangan, umpamanya pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar.

Dalam pada itu sejak lima tahun kebelakangan ini, BSP telah menganugerahkan biasiswa kepada sejumlah 46 pelajar yang kebanyakannya dihantar keluar negeri bagi mengikuti kursus-kursus berkaitan dan setelah menamatkan pengajian, kebanyakannya dari penerima biasiswa itu diambil bekerja dengan BSP iaitu dalam pelbagai bidang kerjaya.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan melalui Pusat Sumber Kerjaya yang berpusat di Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanol Bolkiah juga meneruskan usahanya memberikan maklumat kepada penuntut-penuntut lepasan sekolah dengan kerjasama syarikat-syarikat sektor swasta mengenai peluang pekerjaan termasuk khid-

mat kaunseling, bimbingan serta nasihat kepada pemohon-pemohon pekerjaan.

Pameran Hari Kerjaya selama tiga hari itu berlangsung mulai 29 hingga 31 Julai 2004 antara lain membentangkan peluang pekerjaan yang ada dalam syarikat-syarikat BSP bagi sama-sama mengembangkan pembangunan negara dan untuk menarik minat anak tempatan yang berpotensi tinggi dalam bidang akademik untuk menceburi diri di dalam kerjaya sektor minyak dan gas.

Hadir sama di majlis itu, Pemangku Pengarah Urusan/Pengarah Sumber Tenaga Manusia dan Hal Ehwal Luar, BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali; Pengarah Urusan BLNG, Dato Paduka Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab; pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai kakitangan BSP, BLNG, BST dan BSM dan para jemputan yang lain.

Brunei Darussalam tuan rumah Kuiz ASEAN 2004

Oleh
Siti Aishah HS

BERAKAS, 3 Ogos. - Negara Brunei Darussalam merupakan negara kedua dalam pertubuhan ASEAN yang diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi peringkat serantau dalam Pertandingan Kuiz ASEAN 2004, setelah ianya dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penerangan ASEAN-COCI (Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan) tiga tahun yang lalu.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI Negara Brunei Darussalam menyatakan demikian ketika berucap di Peraduan Kuiz ASEAN 2004 bagi peringkat kebangsaan yang diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Beliau dalam ucapannya juga menyentuh mengenai tujuan Kuiz ASEAN yang diadakan sebagai salah satu pendedahan untuk memberikan kesedaran dan meningkatkan kefahaman mengenai ASEAN di kalangan remaja dan penuntut-penuntut sekolah di negara ini.

Seramai tiga orang peserta layak dipilih bagi mewakili negara ke peringkat serantau yang akan diadakan pada 25 hingga 29 September 2004 yang akan berlangsung di Bandar Seri Begawan. Tiga perwakilan tersebut ialah Dayang Amelia binti Dr. Haji Abdul Latif, Dayangku Narissa binti Pengiran Mohd. Noor dan Dayangku Nur Asyura binti Pengiran Haji Mohd. Salleh, kesemuanya dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Seramai 35 orang penuntut dari peringkat pra universiti mengikuti ujian bertulis mengenai ASEAN pada pemilihan awal, dan dari jumlah tersebut hanya enam orang telah berjaya dipilih untuk mengikuti peraduan peringkat kebangsaan.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail selaku tetamu kehormat majlis.

Hadir sama di majlis itu termasuklah Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pengetua-pengetua dan penuntut-penuntut sekolah.

Sebelum ini, Kuiz ASEAN kali pertama telah diadakan di Bangkok, Thailand dan seterusnya akan diadakan di Malaysia setelah Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah pada tahun ini.

Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI iaitu Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan Negara Brunei Darussalam adalah salah satu jawatankuasa dibawah kerjasama yang mengarahkan projek ASEAN dalam mengembangkan persefahaman dan perpaduan di antara masyarakat ASEAN, bagi menggalakkan penghargaan bagi kebudayaan ASEAN, persamaan dan kepelbagaian dan tradisi yang ada sekarang yang menyatukan masyarakat-masyarakat ASEAN.



DATO Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang Pertandingan Kuiz ASEAN 2004.



ROMBONGAN Persatuan Tiong Hua ketika menghadiri Majlis Taklimat di Pusat Da'wah Islamiah.

Persatuan Tiong Hua lawat Kementerian Hal Ehwal Ugama

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 3 Julai. - Serombongan 50 orang ahli dari lima buah Persatuan Tiong Hua Daerah Belait telah mengadakan lawatan sehari ke Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memahami lebih dekat lagi mengenai Islam.

Rombongan itu diketuai oleh Yang Dimulikan Pehin Bendahari China Awang Onn Siew Siong, Yang Dipertua Dewan Perniagaan China Daerah Belait.

Rombongan dari lima buah Persatuan Tiong Hua daerah itu terdiri daripada Persatuan Kwong Wai Siew, Persatuan Hakka, Persatuan Foochow, Persatuan Tai Poo dan Persatuan Hainan.

Atur cara lawatan mereka termasuk menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin yang juga berkesudian meraikan rombongan masyarakat Tiong Hua dari Daerah Belait itu dengan jamuan makan tengah hari yang berlangsung di kementerian berkenaan di sini.

Hadir sama di majlis jamuan tengah hari itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimulikan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusoff dan beberapa tokoh bangsa Cina di negara ini.

Yang Berhormat juga menyampaikan cenderamata kepada ketua rombongan dari setiap suku bangsa Tiong Hua; berupa beberapa buah buku ugama mengenai Islam dan maklumat berhubung dengan pengajaran Islam.

Di sebelah paginya, rombongan pelawat masyarakat Tiong Hua Daerah Belait berkesempatan melawat Pusat Da'wah Islamiah dan diberikan taklimat berhubung dengan Islam.

Di sebelah petangnya pula ahli rombongan pelawat telah mengadakan Perlawanan Ping Pong persahabatan bersama para pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hadir menyaksikan perlawanan tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail yang juga menyampaikan hadiah di majlis itu.

Adalah dihasratkan lawatan seumpama itu akan dapat menjalin hubungan muhibah dan persefahaman di antara masyarakat Tiong Hua dan masyarakat Islam di negara ini, di samping dapat memberi kefahaman kepada masyarakat bukan Islam mengenai ugama Islam yang merupakan ugama rasmi dan cara hidup yang lengkap di negara ini.

Penyusuan susu ibu penting untuk pertumbuhan anak damit

BERAKAS, 9 Ogos. - Tanggungjawab menyusukan anak menggunakan susu ibu bukan sahaja membawa manfaat kesihatan kepada anak damit dan ibunya, malah juga pertumbuhan mental, fizikal dan rohani anak-anak damit berkenaan. Perkara ini telah pun diperakui oleh pakar-pakar sains sekarang yang mendapati khasiat berguna terkandung dalam susu ibu seperti protein, asid amino dan sebagainya bagi pertumbuhan dan kesihatan anak-anak damit dan ibunya.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyentuh perkara tersebut dalam ucapannya di Majlis Pelancaran Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia

2004 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, tema Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia pada tahun ini ialah 'Penyusuan Susu Ibu Secara Eksklusif: Unggul, Selamat, Sempurna, Sentiasa Diperolehi' adalah bersesuaian dan memfokuskan keutamaan kepada penyusuan susu ibu secara eksklusif atau sepenuhnya iaitu menepati sasaran dasar penyusuan susu ibu bagi negara ini.

"Dasar Bertulis Penyusuan Susu Ibu Kementerian Kesihatan telah dilancarkan pada Minggu Penyusuan Susu Ibu 2001 iaitu semua ibu digalakkan memberikan susu ibu sahaja selama enam bulan dan meneruskannya sehingga

Oleh
Siti Aishah HS

anak berumur dua tahun. Makanan tambahan perlu dimulakan semasa anak berumur enam bulan," jelas Yang Berhormat.

Antara langkah-langkah ke arah pelaksanaan dasar itu ialah memaklumkan kepada semua ibu-ibu mengandung mengenai dasar ini. Semua ibu-ibu mengandung diberi tunjuk ajar mengenai pengendalian penyusuan susu ibu dan kebanyakannya serta dibantu memulakan penyusuan susu ibu dalam masa setengah jam ke satu jam selepas bersalin. Semua anak damit diberikan susu ibu sahaja kecuali di atas sebab-sebab perubatan dan anak damit juga tidak

digalakkan diberi puting tiruan atau puting kosong.

Sementara itu, semua kakitangan Kementerian Kesihatan hendaklah mematuhi dengan sepenuhnya dasar penyusuan susu ibu dan kod etika antarabangsa pemasaran susu gantikan selain menubuhkan kumpulan pendorong penyusuan susu ibu dan merujuk ibu kepada kumpulan tersebut apabila ibu keluar dari hospital atau klinik.

Penggubalan dasar itu, jelas Yang Berhormat, adalah bertujuan untuk memelihara kesejahteraan dan kesihatan kanak-kanak damit dan ibunya kerana dari apa yang kita maklum bahawa seramai 1.3 juta kanak-kanak damit mati setiap tahun di seluruh dunia akibat kekurangan penyusuan susu ibu dise-

babkan agresif formula pengganti susu ibu di pasaran.

Bagi Negara Brunei Darussalam, satu kajian mengenai penyusuan susu ibu telah dilaksanakan di antara tahun 1999 dan 2000 dan mendapati kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif bagi anak damit berumur enam minggu hanya 12 peratus, manakala hasil penyelidikan pada bulan Mei 2004, kadar penyusuan susu ibu untuk anak damit berumur empat minggu meningkat kepada 54 peratus, sementara anak damit berumur sehingga lapan minggu telah meningkat kepada 34 peratus.

Dari kadar tersebut, penyusuan susu ibu secara eksklusif bagi anak damit berumur enam bulan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang mencipta poster dan risalah sejurus melancarkan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2004. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

adalah masih terlalu rendah iaitu hanya 1.2 peratus.

Sehubungan itu, yang Berhormat menekankan mengenai perlunya usaha untuk meningkatkan lagi kesedaran para ibu dan bapa, isteri dan suami untuk memastikan para ibu meneruskan penyusuan susu ibu sehingga enam bulan dan sehingga mencapai umur dua tahun.

Majlis juga diselenggarakan ceramah khas oleh Puan Hajah Siti Norjannah binti Moin, Presiden Penggerak Penyusuan Susu Ibu Malaysia dan penyampaian hadiah kepada pemenang Peraduan Mencipta Poster dan Risalah bagi pekerja-pekerja kesihatan yang disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, selaku tetamu kehormat majlis.

Penyusuan susu ibu secara eksklusif : UNGGUL, SELAMAT, SEMPUrna, SENTIASA DIPEROLEHI

PADA tahun ini Kementerian Kesihatan melancarkan sambutan sempena Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) Sedunia pada 9 Ogos. Seperti tahun-tahun yang lalu, tema penting dipilih untuk menyambut Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia yang biasanya jatuh pada minggu pertama bulan Ogos setiap tahun. Tema yang dipilih pada tahun ini oleh World Alliance of Breastfeeding Associations (WABA) ialah Penyusuan Susu Ibu Secara Eksklusif: UNGGUL, SELAMAT, SEMPUrna, SENTIASA DIPEROLEHI. Minggu PSI diraikan di seluruh dunia oleh lebih 120 negara.

Di antara tujuan sambutan Minggu PSI termasuklah untuk mempromosikan, menyokong dan mendorong amalan PSI di Negara Brunei Darussalam, untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kefahaman orang ramai mengenai PSI secara eksklusif serta untuk meningkatkan kadar PSI secara eksklusif di samping juga bertujuan untuk mendedahkan cara-cara untuk menolong ibu-ibu mempraktikkan PSI secara eksklusif.

PSI secara eksklusif bermakna anak damit hanya menerima susu ibu sahaja tanpa makanan atau minuman yang lain seperti air atau glukos sejak lahir sehingga berumur enam bulan. Selepas enam bulan, PSI diteruskan sehingga dua tahun atau lebih, di samping pemberian makanan tambahan yang lain seperti pepejal. Walau bagaimanapun ubat dan vitamin jika perlu boleh diberikan.

Penyusuan susu ibu secara eksklusif itu unggul kerana susu ibu ialah makanan semula jadi yang terbaik untuk anak damit yang telah dicipta oleh Allah Taala untuk umat manusia. Pertumbuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesyorkan susu ibu diberikan kerana banyak penyelidikan saintifik telah membuktikan yang susu rumusan (formula) itu jauh lebih rendah kualitinya dan telah menyebabkan berju-

Disediakan oleh
Tenaga Pengajar
Kursus PSI, Kementerian Kesihatan

jangkitan seperti cirit-birit dan radang paru-paru, serta mengurangkan risiko alahan seperti penyakit ampus.

- Sempurna kerana susu ibu mengandungi zat-zat makanan dalam kadar yang tepat dan mempunyai kualiti yang sangat istimewa. Manakala susu rumusan atau formula mengandungi zat-zat makanan dalam kadar yang kurang tepat dan kualitinya juga kurang istimewa. Salah satu sifat utama susu ibu ialah mengandungi banyak laktos (gula susu asli). Laktos ini perlu untuk perkembangan otak. Ianya juga mengandungi protien yang senang dihadam oleh anak damit. Selain dari itu kandungan

lemak, galian dan vitamin cukup untuk tumbesaran anak damit.

- Sentiasa diperolehi dengan mudah pada bila-bila masa selagi ibu atau ibu sesusuan itu masih ada. Ianya boleh menolong menjimatkan perbelanjaan makanan sesebuah keluarga kerana seseorang ibu boleh menghasilkan susu ibu yang mana kualitinya tidak akan terjejas walaupun dengan pengambilan makanan si ibu yang ringkas.

Kebanyakan anak damit tidak diberi susu ibu secara eksklusif. Di seluruh dunia cuma 39 peratus anak damit diberi susu ibu secara eksklusif. Ramai anak damit diberi susu atau minuman sebelum penyusuan susu ibu bermula waktu kelahiran. Susu rumusan atau formula diberikan beberapa minggu selepas kelahiran. Pepejal diberikan terlalu awal ketika dua, tiga atau empat bulan umur anak damit.

Susu ibu boleh memberi semua kebenda pemakanan anak damit sejak lahir hingga enam bulan umurnya dan mengandungi air yang mencukupi. Ibu harus yakin anak damit yang menyusu secara eksklusif tidak perlu diberi air tambahan walaupun di negara beriklim panas. Untuk memastikan anak damit mendapat susu ibu yang mencukupi, setiap ibu mestilah:

- Yakin dan percaya yang beliau boleh berjaya menyusukan anaknya secara eksklusif. Bahawa susu ibu yang dikeluarkannya paling

selamat dan sempurna untuk anak damitnya.

- Memulakan penyusuan susu ibu secepat yang boleh selepas bersalin supaya pembuatan susu ibu digerakkan secepat mungkin melalui stimulasi hormon prolaktin.

- Mengetahui bagaimana anak damit mendakap pada buah dada dengan betul supaya penghisapan anak damit itu berkesan dan mengenyangkan. Ibu-ibu dinasihatkan supaya meminta bantuan melalui pekerja-pekerja kesihatan yang dapat memastikan sama ada posisi menyusukan adalah betul dan berkesan.

- Memberi susu ibu apabila anak damit itu mahu atau bila ibu mahu kerana buah dada padat pada waktu siang atau malam.

- Membenarkan penghisapan sepanjang mana anak damit mahu setiap kali ia menyusui. Ini membolehkan susu awal dan susu akhir diberikan pada setiap penyusuan. Susu awal menghilangkan dahaga, manakala susu akhir mengenyangkan kerana mengandungi lemak yang tinggi untuk meningkatkan berat badannya.

Anak damit yang diberi makanan lain selain daripada susu ibu akan merasa kenyang lama kerana protiennya susah untuk dihadam. Ini menyebabkan pengambilan penyusuan susu ibu berkurang mengakibatkan air susu ibu semakin kurang kerana stimulasi hormon prolaktin daripada setiap dakapan anak damit pada buah dada semakin berkurang.

Ibu-ibu tidak memberi PSI secara eksklusif kerana:

- Mereka tidak mengetahui betapa pentingnya PSI kepada kesihatan dan



pertumbuhan anak damit atau bagaimana PSI dilakukan.

- Mereka kurang yakin dan selalu merasakan yang kuantiti susu ibu tidak mencukupi terutama sekali apabila tidak ada ahli keluarga wanita yang memberikan PSI secara eksklusif.

- Orang di sekeliling mereka seperti suami dan ibu atau ibu mertua tidak menyokong dan mendorong untuk memberikan PSI atau terpaksa balik bekerja beberapa minggu selepas bersalin.

Beberapa penyelidikan mengenai PSI telah dijalankan di Negara Brunei Darussalam. Pada akhir tahun 1999, ketika pemeriksaan enam minggu selepas melahirkan dijalankan, 668 orang ibu-ibu telah mengisi borang penyelidikan mengenai PSI. Cuma 12 peratus daripada mereka mendapati masih memberikan PSI secara eksklusif enam minggu selepas melahirkan.

6.6 peratus terdiri daripada ibu-ibu yang mempunyai seorang anak sahaja. Pada bulan Mei hingga Jun 2003, satu lagi penyelidikan telah dijalankan untuk mengetahui kadar PSI di kalangan anak damit berumur 0 hingga 12 bulan di sebuah Klinik Kesihatan di kawasan bandar. Sebanyak 204 ibu-ibu anak damit telah didapati ialah kadar PSI

secara eksklusif menurun dari 34.5 peratus ketika umur anak damit dua bulan kepada 11.4 peratus ketika anak damit berumur enam bulan dan hanya 1.2 peratus ketika anak damit berumur enam bulan. Dalam penyelidikan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Salaha (RIPAS) pada bulan Mei 2004, 373 ibu-ibu yang telah bersalin ditemui sebelum mereka pulang. Sebanyak 82.6 peratus para ibu yang mempunyai anak yang pertama telah memberikan PSI secara eksklusif. Bagi ibu-ibu yang mempunyai lebih dari seorang anak, 80.4 peratus telah memberikan PSI secara eksklusif ketika masih berada di hospital.

Dari penyelidikan yang telah dijalankan, PSI secara eksklusif adalah sangat rendah di kalangan anak damit sejak lahir hingga umurnya enam bulan. Risiko utama menjejaskan PSI secara eksklusif termasuklah ibu-ibu bekerja, ibu-ibu di bawah umur 25 tahun dan mereka bukan berbangsa Melayu.

Sama-samalah kita berusaha untuk meningkatkan kadar PSI secara eksklusif demi kepentingan kesihatan dan pertumbuhan anak damit untuk membina generasi yang sihat serta beribawa di masa akan datang.



KAUM ibu digalakkan memberi susu ibu secara eksklusif.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

PENGENALAN

DALAM fitrah manusia, setiap orang perlu memanfaatkan akal yang telah dianugerahkan sebagai alat yang teristimewa bagi insan untuk berfikir. Pemikiran merupakan proses menyusun dan menggunakan maklumat. Pemikiran melibatkan segala aktiviti mental yang dialami ketika seorang cuba memahami sesuatu, membentuk konsep, membuat analisis dan mengaplikasikan sesuatu hukum atau prinsip. Ia adalah cara otak menyusun kembali konsep-konsep dan idea-idea yang diterima daripada persekitarannya. Pemikiran terdiri daripada beberapa kemahiran kecil otak untuk menghubungkan pelbagai idea, membentuk idea, mencari makna terhadap sesuatu perkara, mengendalikan konsep, mengumpul dan menyusun maklumat dan membentuk semula pengalaman/ menentukan rumusan (Boon Pong Ying & Ragbir Kaur, 1998:190).

KANDUNGAN PEMIKIRAN

Kandungan pemikiran merupakan maklumat-maklumat yang kita terima daripada alam sekitar. Ee Ah Meng telah menyenaraikan kandungan pemikiran yang terdiri daripada empat kategori kecil seperti berikut:

- * **Bentuk.** Kandungan ini adalah paling konkrit dan boleh dilihat.
- * **Simbolik.** Kandungan ini merujuk kepada tanda-tanda yang tidak mempunyai makna yang sebenar tetapi satu-satu makna boleh diperuntukkan kepadanya. Misalnya O boleh bermakna abjad O atau nombor sifar.
- * **Semantik.** Kandungan ini melibatkan makna perkataan. Jika suatu simbol itu membawa makna dalam pemikiran kita, ia adalah semantik pada ketika itu. Sekiranya perkataan 'rumah' hanya menonjolkan abjad r-u-m-a-h yang tidak bermakna, ia adalah simbolik. Andai kata, kita terdengar perkataan 'rumah' dan menggambar sebuah rumah, tanpa mentakrifkan ertinya, ia adalah berbentuk. Jika kita berupaya memikirkan 'rumah' sebagai suatu pengabstrakan (dan generalisasi) ia menjadi semantik. Contoh kita dapat mendefinisikan rumah itu sebagai binaan untuk tempat tinggal.
- * **Tingkah laku.** Kandungan ini adalah maklumat tanpa lisan tentang perasaan dan sikap orang lain dan diri sendiri. Misalnya, keupayaan mentafsir ekspresi muka atau tingkah laku tanpa lisan orang lain.


Oleh yang demikian, bentuk, simbolik, semantik dan tingkah laku merupakan empat kategori kecil yang sangat penting di dalam kandungan pemikiran manusia.

JENIS-JENIS PEMIKIRAN

Pemikiran manusia mempunyai pelbagai jenis. Jenis-jenis pemikiran yang utama terdiri daripada pemikiran konvergen, pemikiran divergen, pemikiran induktif, pemikiran deduktif, pemikiran kreatif, pemikiran membina, pemikiran kritis, celik akal dan penaakulan.

PEMIKIRAN KONVERGEN

Pemikiran konvergen merupakan jenis pemikiran yang diajar di sekolah. Pelajar diberi masalah untuk diselesaikan dan dilatih mencari jawapan. Pemikiran konvergen juga dikenali sebagai pemikiran tertumpu, pemikiran menegak atau pemikiran vertikal. Menurut de Bono (1971) di dalam Boon Pong Ying & Ragbir Kaur, 1998:192, pemikiran konvergen biasanya menghasilkan satu idea atau jawapan yang lazim. Ia boleh diuraikan dalam rajah di bawah:



RAJAH PEMIKIRAN KONVERGEN

Ia dipanggil pemikiran bertumpu kerana ia bertumpu/berfokus pada satu jawapan yang betul sahaja. Pemikiran konvergen bersifat analitis kerana penilaian berdasarkan sistem 'Ya' atau 'Tidak' sahaja. Pemikiran konvergen memfokuskan kepada analisis dan menghuraikan apa yang sudah terjadi. Dalam pemikiran konvergen, pelajar mempunyai keupayaan menyelesaikan jenis masalah-masalah yang tertutup, iaitu soalan hanya mempunyai satu jawapan yang tepat sahaja (Boon Pong Ying & Ragbir Kaur, 1998:193).

Contoh soalan konvergen adalah seperti berikut:

- a) Bilakah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan?
 - b) Apakah ibu negeri bagi Negara Brunei Darussalam?
 - c) $4 + 3 = ?$
- Soalan-soalan seperti di atas tidak menggalakkan satu pemikiran kreatif bagi pelajar.

PEMIKIRAN DIVERGEN

Pemikiran divergen tidak menumpukan pada satu jawapan yang betul. Ia disifatkan oleh beberapa jawapan yang secara logik, boleh diterima. Seseorang individu yang melibatkan diri dalam pemikiran divergen akan menonjolkan idea-idea yang asli (Ee Ah Meng, 1994:264). Pemikiran ini juga dikenali sebagai pemikiran bercabang, pemikiran lateral atau pemikiran bercabang. Pemikiran divergen ialah satu kaedah menggunakan maklumat untuk menghasilkan kreativiti. Pemikiran ini bertujuan mencari alternatif baru dan menilai apa yang salah dan mempertahankan. Pemikiran divergen sesuai digunakan dalam keadaan yang tidak ada jawapan yang dianggap tepat. Pemikiran divergen adalah pemikiran yang menghasilkan banyak jawapan logik dan ia ada kaitan dengan pemikiran kreatif (Boon Pong Ying & Ragbir Kaur, 1998:193).

PEMIKIRAN KREATIF

Kreativiti merujuk kepada keupayaan untuk memproses maklumat yang menghasilkan sesuatu yang baru dan asli. Menurut Ee Ah Meng, beberapa kriteria yang dikaitkan dengan pemikiran kreatif adalah seperti berikut:

1. **Idea yang banyak**
Individu yang berupaya mengemukakan banyak idea, perkataan dan cara untuk menyatakan sesuatu.
2. **Kemudahlenteran**
Individu yang sanggup memikirkan suatu pelbagai idea dan cara-cara mengendalikan satu-satu situasi.
3. **Keaslian**
Individu yang berkemampuan memikirkan sesuatu yang bijak dan idea yang luar biasa.
4. **Penghuraian**
Individu yang boleh menghuraikan sesuatu secara terperinci.

Implikasi pemikiran kreatif di dalam pengajaran dan pembelajaran di mana kebolehan kreatif terlalu penting untuk perkembangan intelek yang sempurna. Begitu juga kejayaan di dalam berbagai-bagai bidang terutama dalam bidang pekerjaan dan profesion yang dapat membantu di dalam sesebuah masyarakat yang sangat memerlukan pemikiran yang kreatif.

Di dalam suasana bilik darjah, guru memainkan peranan penting dalam membantu pelajar berfikir secara kreatif, khususnya dengan cara:

- * Sentiasa bersikap terbuka dan menerima sumbangan serta cadangan pelajar.
- * Menghormati idea-idea pelajar, walaupun ada daripada mereka yang agak 'liar', pelik dan radikal.
- * Mengemukakan soalan-soalan dan masalah yang terbuka dan bukan yang asyik jenis konvergen.
- * Galakkan perbincangan bebas mengenai berbagai-bagai isu dan perbincangan tersebut harus tidak didominasi oleh guru sendiri.
- * Gunakan kaedah pengajaran jenis aktif, penemuan, berpusatkan pelajar dan yang kreatif.

Galakkan pemikiran kreatif dengan memberikan pelajar peluang untuk memberikan dan meluahkan pendapat mereka serta galakkan tugas bebas dengan cara memberi pelajar kebebasan memilih topik-topik yang mereka ingin kaji (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1992:261).

PEMIKIRAN INDUKTIF

Pemikiran induktif merupakan satu bentuk penaakulan yang bermula dengan contoh-contoh yang khusus dan menuju kepada suatu kesimpulan umum. Menurut Boon Pong Ying & Ragbir Kaur, 1998:195, proses ini menggunakan bahagian-bahagian idea untuk membentuk satu idea keseluruhan, contoh-contoh khusus untuk membentuk perkara umum dan kes-kes individu untuk merumuskan kebenaran yang sejagat. Satu contoh pemikiran induktif ialah seperti berikut:

JENIS-JENIS PEMIKIRAN

Contoh : Guli adalah benda yang boleh bergolek.

Bola adalah benda yang boleh bergolek.

Gelung rotan adalah benda yang boleh bergolek.

Kesimpulan umum : Oleh itu semua benda bulat boleh bergolek.

Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan pemikiran induktif di kalangan pelajar-pelajarannya. Antaranya ialah:

1. Guru boleh meningkatkan pemikiran induktif pelajarannya dengan:
 - * Menekankan pembelajaran ulangan, iaitu konsep dan contoh-contoh yang diberi betul-betul difahami oleh pelajarannya.
 - * Mengamalkan prinsip dan pembelajaran generalisasi. Guru harus memastikan bahawa dia mengajar pelajarannya cara mengaplikasikan prinsip pembelajaran generalisasi, supaya mereka dapat melihat perkaitan dan persamaan antara konsep-konsep dan situasi-situasi yang berlainan.
 - * Guru perlu memberi banyak contoh-contoh yang khusus supaya pelajar dapat membuat generalisasi yang betul.
 - * Tidak memberi terlalu banyak penerangan tetapi perlu memberi panduan dan bimbingan dalam proses penaakulan induktif.
2. Pemikiran induktif membolehkan pelajar membuat keputusan berdasarkan hasil daripada aktiviti atau uji kaji mereka sendiri.

PEMIKIRAN DEDUKTIF

Pemikiran deduktif merupakan satu lagi pemikiran yang terdapat dalam pemikiran penaakulan ialah pemikiran subordinat. Kaedah ini menggunakan peraturan am atau generalisasi untuk memperolehi contoh atau fakta untuk mencapai satu kesimpulan. Dalam pengajaran pemikiran ini, guru perlu mengajar konsep atau generalisasi terlebih dahulu sebelum memberi contoh-contoh yang khusus. Pemikiran deduktif ini adalah daripada penyimpulan am kepada yang khusus (Boon Pong Ying & Ragbir Kaur, 1998:196). Satu contoh pemikiran deduktif yang mudah ialah seperti berikut:

Semua ikan boleh berenang - Konsep

Contoh : Ikan emas ialah sejenis ikan, oleh itu ia boleh berenang.

Ikan yu ialah sejenis ikan, oleh itu ia boleh berenang.

Ikan bawal hitam ialah sejenis ikan, oleh itu ia boleh berenang.

Ikan paus ialah sejenis ikan, oleh itu ia boleh berenang.

Guru boleh meningkatkan pemikiran deduktif di kalangan pelajar dengan cara seperti berikut:

- * Membantu pelajar memahami konsep dan memastikan prinsip-prinsip digunakan dengan betul.
- * Menggalakkan pelajar mengaplikasikan prinsip dalam pelbagai situasi yang khusus.
- * Pelajar digalakkan untuk memberi contoh-contoh tambahan yang telah diberikan oleh guru supaya guru pasti mereka benar-benar memahami konsep yang ingin disampaikan oleh guru.

PEMIKIRAN KRITIS (KRITIKAL)

Pemikiran kritis menurut Ee Ah Meng (1994:267) ialah melibatkan penyusunan

OLEH AK. SUHARMAN PG. TUAH

kembali konsep-konsep dengan tujuan menilai sesuatu objek atau satu-satu situasi. Pemikiran kritis merangkumi perkara-perkara berikut:

- Kefahaman untuk menghujah.
- Usaha mengumpul maklumat.
- Pertimbangan mengenai kebaikan dan kelemahan.
- Usaha mengetepikan makna yang kabur dan kesimpulan yang tidak munasabah.

Dengan kata lain, pemikiran kritis mendorong seseorang individu menguji kebenaran sesuatu perkara atau masalah agar tidak membentuk kesimpulan yang salah. Misalnya dalam mata pelajaran sains, pelajar-pelajar digalakkan menjalankan eksperimen bagi menguji kebenaran satu-satu kenyataan sains.

CELIK AKAL

Celik akal ialah salah satu penguasaan utama di dalam teori pembelajaran Gestalt yang telah kita kaji. Celik akal ialah proses mental apabila kombinasi baru dan yang menunjukkan sesuatu alat diamati. Celik akal boleh ditakrifkan sebagai pengamatan serta-merta tentang sesuatu hubungan di dalam suatu situasi keseluruhan, iaitu hubungan di antara organisma, matlamat dan rintangan yang mencelah. Walaupun ketika celik akal berlaku itu mungkin serta-merta, namun harus kita ingati juga bahawa celik akal memerlukan perkembangan, pertumbuhan atau kemajuan beransur-ansur ke arah sesuatu matlamat (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1992:263).

Menurut Boon Pong Ying & Ragbir Kaur, (1998:199), telah menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi celik akal, iaitu:

1. Alatan

Alatan yang sesuai dan relevan dapat menyelesaikan masalah pelajar sekiranya dia dapat mengaitkan pertalian di antara alatan dengan masalah yang dihadapi. Contohnya dalam eksperimen Khler, monyet telah dapat melihat pertalian di antara kotak-kotak dengan makanan (pisang) dan faedahnya kepada dirinya.

2. Pengalaman pelajar

Jika pelajar mempunyai banyak pengalaman, iaitu sentiasa digalakkan untuk membuat lawatan oleh guru dan ibu bapa, minda pelajar akan lebih terbuka dan lebih berkeupayaan untuk membuat pemikiran celik akal.

3. Kesiapan pelajar

Terdapat tiga jenis kesiapan iaitu kesiapan kognitif, kesiapan efektif, dan kesiapan psikomotor. Jika kesiapan kognitif pelajar adalah tinggi dan baik, dia dapat membuat pemikiran celik akal dengan lebih berkesan.

4. Kecerdasan pelajar

Setiap pelajar mempunyai darjah kecerdasan (I.Q.) yang berbeza. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai darjah kecerdasan yang lebih tinggi akan dapat mencapai pemikiran celik akal dengan lebih cepat.

Guru dapat membantu meningkatkan celik akal pelajar, antaranya ialah:

Guru harus menggunakan perbendaharaan kata yang jelas dan mudah difahami, dibantu dengan gambar dan audio. Perkara yang hendak disampaikan mestilah mudah difahami. Soalan dan rangsangan yang diberikan mesti sesuai dengan tahap kognitif dan perkembangan pelajar. Pelajar mesti dapat membuat tanggapan dan pengamatan di sepanjang pelajaran. Contoh yang digunakan mesti bersesuaian dengan perkembangan dan tahap pengalaman pelajar.

Pengajaran mesti disampaikan langkah demi langkah dan mengikut urutan kesinambungan yang padu. Dalam proses ini, adalah lebih berkesan jika guru memberi banyak contoh yang khusus dan pelajar cuba membuat generalisasi yang betul. Guru tidak boleh memberi terlalu banyak penerangan tetapi perlu memberi panduan dan bimbingan dalam proses pemikiran celik akal. Untuk menyenangkan lagi pemahaman pelajar, guru perlu mengaitkan mata pelajaran tertentu mengikut langkah-langkah yang kecil dan tersusun. Jika tugas di sekolah terlalu susah dan penerangan guru tidak jelas, pelajar tidak dapat memahami dan mencapai celik akal.

BILA saja aku membuka mata di dunia ini, aku yakin dialah yang pertama aku lihat. Seraut wajah yang penuh kasih dan sayang, yang selalu membelai manja jari-jemariku dan ubun-ubunku. Dan setiap kali aku menangis dia memahamiku. Segala kehendakku dengan sedaya upayanya akan cuba dipenuhi walaupun aku selalu menyusahkannya tak kira siang atau malam. Laparku, dahagaku, berakku, kencingku dan segala-galanya. Segunung pengorbanan yang tiada tandingannya di dunia ini.

Sehinggalah aku berjaya merentasi perkembangan demi perkembangan hingga ke peringkat aku mengenali dunia dan alam sekeliling, aku jadi kagum menyaksikan semangat dan kasih yang dicurahkan kepada aku.

Hari-hari aku melihat wajah itu. Setiap kali juga wajah dan tubuh itu akan dibasahi keringat kerana apabila sahaja hari baharu menjelma, dia akan mengulangi rutin hariannya. Entah sudah berapa lama dia melakukannya aku sendiri kurang pasti, sedangkan aku baharu saja menganggotai dunia ini.

Ketika kau dibaringkan olehnya di atas bantal jingga yang sudah pudar warnanya dan berbau hapak itu, aku pasti akan terpancangnya di sudut dapur usang sedang mengerjakan sesuatu. Tangannya akan selalu menggapai sebatang buluh berwarna kuning kusam yang panjangnya kira-kira sekaki dan ukuran lilitannya dalam lingkungan pertemuan ibu jari dan jari telunjuk. Sambil membongkokkan badannya, dia akan mula menghembuskan udara dari paru-parunya terus ke buluh itu.

Setelah beberapa kali meniup-niup angin dari nafas sendiri, asap akhirnya akan kelihatan sehingga menyalanya unggunan-unggunan api yang membakar potongan-potongan kayu bakau dan pecahan tempurung kelapa di atas tambak yang diubah suai dari sebiji besen lama berbentuk bulat, bersaiz sederhana.

Dia akan memasukkan beberapa batang lagi potongan-potongan kayu bakau yang sudah kering dan tempurung kelapa ke dalam nyalaan api itu. Apabila sebahagian dari bahan-bahan bakar itu dimakan api, dia menghembus-hembuskan lagi nafasnya cuba sepanjang tempoh persekolahan itu aku dari rumah telah membawa dan menyebarkan asap ke sekolah. Tapi aku tidak pula malu.

Wanita yang kukenali sejak kulahir itu adalah seorang yang tabah, menghormati orang lain dan tidak suka mempedulikan aib-aib orang yang sengaja disebar. Jika disuruh melakukan sesuatu dia pasti menurut. Dimarah, dia hanya berdiam sahaja.

Aku juga tahu, setiap kali wanita itu disuruh memenuhi selera mereka sambil menyalakan asap-asap yang mungkin melemaskan orang lain, setiap kali itulah juga dia tidak pernah menerima apa-apa ganjaran. Aku adalah saksi. Khidmat yang diberikannya kepada mereka adalah ikhlas dan atas dasar persaudaraan.

Tetapi aku sungguh kesal, disebabkan keikhlasan itu, wanita yang kusanjung selama hayatku ini diambil kesempatan oleh mereka yang tamak dan pemalas. Sayangnya masa tak mungkin dapat diundur. Aku tidak terfikir dan masih hijau kerana ketika itu aku baharu saja dapat menghafal huruf A sampai Z dan dapat mengira nombor 0 hingga 9.

Andainya Tuhan memberikan keizinan-Nya untuk kembali ke masa lalu nescaya aku akan mempertahankan hak wanita kesayanganku itu. Akan aku marah. Akan aku lamparkan saja kehendak dan suruhan mereka itu ke luar tingkap rumah burukku.

Biar aku dikatakan derhaka dan melawan orang yang lebih tua. Aku mahukan hak masaku bersama ibu kesayanganku.

Walaupun air mataku tidak menitis, tapi hatiku sudah lama karam dalam gelora air mata sendiri memikirkan wanita yang kusayangi diperbudakkan sehabis-habisnya. Sakit demamnya tiada yang sudi ambil tahu.

Aku adalah seorang lelaki, tapi aku juga makhluk ciptaan Tuhan kerana di sebalik kekelakuanku terselit perasaan hiba dan kelembutan insani.

Pernah aku cuba membayangkan jika usia remajaku diisi dengan tanggungjawab seperti seorang suri rumah tangga sepenuh masa, alangkah terkejutnya aku.

Semenjak kematian orang tuanya, wanita yang kusanjung itu dengan rela hati dan penuh tanggungjawab telah memikul tugas membesarkan adik-adiknya tanpa menghiraukan kesihatan dan keperluan dirinya sendiri.

Kemudian setelah adik-adiknya dewasa dan beranak pinak, dia disuruh pula menjaga anak-anak mereka. Wanita malang yang kusayangi hanya jadi mak turut.

Sungguh kejam! Mereka puas menikmati hidup dalam kebebasan, bersosialisasi, berkahwin di usia muda, berpakaian cantik-cantik, menari, berjoget dan berpoya-poya.

Adakah itu satu keadilan?

Ya Allah! Aku kecewa wanita yang kupanggil mama diperlakukan sedemikian. Tapi itulah hakikatnya suratan hidup yang terpaksa dilalui oleh mama. Menangisku kini hanya Kau Yang Maha Mengetahui.

Yang berlalu tetap berlalu

Kata mereka mujurlah ada aku untuk menjaganya sekarang. Aku bersyukur kerana di usianya sekarang, Tuhan telah sedia menciptakan aku untuk menjaga kesejahteraan, makan minumannya, kesihatannya.

Aku diberitakan dia adalah seorang wanita yang rajin dan berbakti kepada keluarga dan adik-adiknya. Namun kekesalanku adalah kerana kebaktiannya itu dia mungkin tanpa sengaja terpaksa mengahancurkan masa depannya sendiri.

Dia terlupa kerana pengorbanan yang dicurahkan itu dan kerana kelalaian dan keegoan saudara-saudaranya sendiri, dia sebenarnya membakar diri sendiri untuk menerangi orang lain.

"Dia kami jodohkan pada ketika usianya menjangkau 40-an."

"Dengan seorang duda ..."

Aku rela bertanya adik-adiknya mengenai sejarah mama. Aku tidak mahu bertanya terus kepada mama. Aku tidak mahu mama terkenangkan pengalaman dukanya menjadi seorang isteri kepada seorang lelaki



OLEH HUSAIMY



AKU BERJANJI

yang lebih tua darinya, yang mempunyai enam orang anak perempuan.

Lebih-lebih lagi aku tidak mahu mama mengenangkan jangka usia perkahwinannya yang terlalu singkat. Aku tidak mahu mama menangis apabila teringatkan sindiran anak-anak tirinya yang menuduhnya perampas kasih sayang ibu mereka, perampas ayah mereka!

Akutidak dapat membayangkan betapa tergamaknya mereka mengatakan mama sebagai punca segalanya. Punca hilangnya kebahagiaan keluarga mereka dan punca kematian seorang ayah yang telah mengambilku sebagai anak angkatnya.

"Ini semuanya angkara kau!"

"Sejak kau hadir dalam keluarga kami, kami mula ditimpa petaka ... Ayah mulai sakit sehingga meninggal dunia ..."

"Semuanya kerana kau!"

"Kami tak akan pernah menyukaimu!"

Mama hanya berdiam diri tidak berkata seatah pun. Dia sadar dia hanya pendatang. Sebagai wanita yang berjiwa lembut dia akhirnya terpaksa melayani titisan-titisan air mata yang deras mengalir.

Aku tahu mama tidak bersalah. Mama tidak merampas ayah dari mereka. Mama tidak berkehendakkan walau sedikit pun harta ayah. Walaupun mama miskin, dia tidak akan sekali-kali berbuat demikian kerana aku lebih tahu. Kerana aku bersama mama selalu dan sekarang pun sudah mencecah 25 tahun aku hidup bersamanya.

"Bapa Zul berjanji nak bawa mama memnuikan fardu haji jika dia sembuh ..."

Mama pernah memberitahuku cebisan kenangan yang tersemat di hatinya. Mungkin ketika itu mama terlepas cakap kerana biasanya dia tidak pernah memberitahuku apa-apa mengenai bapa angkatku.

Kata-kata yang diucapkan mama ketika aku berada di sekolah rendah itu masih kuingat. Namun manusia hanya tahu merancang dan Tuhan jua yang menentukan. Suami mama telah dipanggil Tuhan terlebih dahulu meninggalkan mama, anak-anak perempuannya dan juga aku.

Selepas arwah pergi, mama tidak betah di rumah suaminya. Aku mendapat tahu hanya sebulan dua sahaja mama dapat bertahan tinggal di sana dan akhirnya pulang semula ke kampung halaman.

Aku tidak dapat menahan sebak apabila aku cuba membayangkan dugaan yang terpaksa dihadapi mama ketika tinggal bersama anak-anak tirinya. Sungguh perit disindir-sindir dan dipinggirkan. Padahal mama tidak bersalah.

Apabila aku terpancang sekeping gambar yang masih kusimpan, aku cuba mengingatkan kenangan lalu bersama mama. Dalam gambar yang diambil di dapur buruk rumah kami itu

aku berada di pangkuan mama. Aku merenung dan tersenyum melihat diriku yang mungkin baharu berada di darjah pra atau satu dan mama pula kelihatannya masih muda dan juga mengukir sebuah senyuman.

Di rumah itulah mama membawaku dan memeliharaiku dengan penuh susah payah. Mama sanggup berjual kuih untuk membesarkanku.

Jangan ditanya anak-anak tiri mama. Aku tahu mereka amat suka mama menjauhkan diri dari mereka. Lagipun bagiku, aku tiada kaitan langsung dengan mereka. Bukti yang sudah bera- pa tahun mereka tidak menjenguk kami, bertanya khabar, jauh sekali mengirinkan wang belanja. Apa yang ada padaku adalah segala-galanya dari titik peluh usaha mama. Jadi, cukuplah aku sahaja yang menyayangi mama.

Aku reda walaupun aku tidak pernah menikmati rasa kepunyaan dan memiliki seseorang yang dipanggil ayah. Ayah kandungku dan ayah angkatku telah tiada di dunia ini. Ayah kandungku telah menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika aku masih lagi dalam kandungan ibu. Sudah tertulis di dalam suratan hidupku.

Tetapi aku tidak suka meraih simpati orang lain. Biarlah orang lain punya ayah. Di mataku mamaku adalah ayahku. Aku yakin ada rahmat dan nur ilahi di sebalik semua ini.

Aku juga bersyukur sudah mengetahui dan menjumpai ibuku sebenar. Aku sedar keluarga kandungku juga menjalani hidup yang susah. Tetapi kini aku tidak lagi risau mengenai mereka kerana abang kandungku dapat menjaganya dengan baik.

Syurga di bawah telapak kaki ibu. Dan walaupun mama bukan ibu kandungku tapi aku merasakan dia adalah Syurgaku. Pengorbanannya memeliharaiku begitu besar sekali dan kalau kugadai nyawaku sekalipun aku tidak akan dapat membalasnya.

Sekarang berkat kasih sayang, doa dan harapan mama, aku hampir berada di penghujung puncak menara gading. Sepanjang berada di sini pelbagai pengalaman kurasai.

Aku membuat kesimpulan kepelikan masyarakat sendiri. Kalau dahulu aku yang tak punya apa-apa, selalu dihina dan direndahkan, kini dengan kejayaan demi kejayaan yang kuperolehi aku mulai dipandang dan dihormati. Aku cukup hairan. Tapi itulah realiti masyarakat Melayu.

Namun kebahagiaan dan kegembiraan tak selamanya berkekalan bak cuaca dan panas dan hujan, ada siang dan malam yang sentiasa berpasang-pasangan, kedukaan datang silih berganti menguji.

Kini mama sudah berubah. Dia sudah tidak seperti dahulu lagi. Aku mahu menangis

semahu-mahuku mengenangkan perubahan mama. Di ketika kau hampir melangkah ke garisan penamat menuju impianku dan di saat aku masih memerlukan sokongan dan kasih sayangnya, aku begitu hampa dan kecewa sekali.

Ya Allah! Aku seperti tidak sanggup menepuhi perjalanan ini seterusnya. Apabila gunanya kejayaan-kejayaan yang kupapai itu tanpa mengongsikannya bersama mama. Kejayaanku selama ini tak pernah mama ketahui. Kalau pun cuba kukongsi bersamanya, sudah tidak memberikan apa-apa erti lagi. Mama sudah tidak seperti dulu.

Jiwaku begitu terseksa. Ditambah lagi dengan reaksi adik-adik mama terhadap perubahan mama amat menekanku. Aku merasakan mama seperti dipinggirkan. Aku cukup terkilan.

Ke manakah hilangnya pengorbanan mama menjaga dan membesarkan mereka?

Inilah balasan yang layak diberikan kepada mama?

Kamu sungguh kejam. Mama tidak pernah merasa kebahagiaan yang sebenarnya. Usia mudanya dihabiskan menjaga kamu, adik-adiknya. Sedang usia tuanya, kamu sisihkan dari senarai kepentingan kamu. Bahkan kamu sampai tertawa melihat perubahan mama, kamu jadikan bahan lelucon.

Manusia jenis apakah kamu ini?

Sedarkah kamu, mama menjadi begitu adalah disebabkan kamu?

Setiap malam, mengenangkan nasib yang menimpa mama, kamu tidak tahu aku menangis sendiri.

"Aku nak balik ... Oo Sani bawalah mama balik ke rumah kita ... mana anak aku?" suara petang mama berkata kepadaku, seperti selalu.

"Saya Sani mama, anak mama ..." aku cuba menyakinkannya berkali-kali. Kukucup rambutnya yang nipis yang tak ditumbuhi uban. Air mataku menitis.

"Mana Sani? Uuuu ... Uuuu ... Uuuu ..." kata mama sambil menangis.

Mama sudah tidak mengenali aku lagi. Aku tidak tahu apa yang ada di benak mama. Tetapi aku tahu perubahan yang berlaku ini adalah berupa dugaan Allah kepadaku. Aku sedar kalau dahulu mama sudah puas menjaga ketahanannya, makan minumnya, memandikannya dan serba-serbinya mencurahkan segalanya dengan kasih sayang yang telus bertahun-tahun lamanya.

Kini tiba masanya aku cuba membalas budi yang tak akan dapat terpadam dalam jiwaku ini. Biarlah adik-adik mama menyisihkan mama, mentertawakan mama. Aku akan tetap menyayangi dan menjaga mama sehingga ke akhir hayatnya. Aku berjanji.

Mama, aku adalah anakmu ...

Promosikan hasil tangan wanita

KUALA BELAIT, 1 Ogos. - Isteri Pegawai Daerah Belait, Datin Hajah Rupiah binti Hussin berkata Pertunjukan dan Peraduan Kraf Tangan, Seni Gubahan dan Masak-masakan Wanita dapat dijadikan sebagai satu ruang untuk mempromosikan daya cipta dan kreativiti wanita.

Sehubungan itu Datin

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah PHOA

Hajah Rupiah berharap usaha mengenalkan dan mempromosikan hasil tangan yang dipertunjukkan itu akan dapat diteruskan ke tingkat yang lebih jauh dan menjadikannya sebagai usaha sepenuh masa

dengan memasarkannya secara lebih luas lagi.

Beliau berucap demikian selaku tetamu kehormat di Majlis Pertunjukan dan Peraduan Kraf Tangan, Seni Gubahan dan Masak-masakan Wanita sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 bagi Daerah Belait yang dikelolakan oleh Persatuan PERTIWI Daerah Belait yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Beliau seterusnya berkata, komitmen mereka dalam sama-sama menyertai dan melaksanakan acara perayaan sebagai bukti akan ketetapan mereka kepada kepimpinan baginda, di samping menggambarkan sumbangan

yang amat besar dalam sama-sama menceriakan dan menyemarakkan sambutan pada tahun ini.

Lebih 100 peserta menyertai 48 jenis pertandingan yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu jahitan dan anyaman, gubahan masakan dan kuih-muih. Kategori gubahan lebih mendapat sambutan ramai. Kategori tersebut dinilai dari segi kreativiti, gubahan, kemasan dan bahan-bahan yang digunakan, manakala kategori masak-masakan dinilai melalui keenakan rasa.

Sebelum penghakiman dijalankan, sesi taklimat untuk para hakim disampaikan oleh Ketua Jemaah Hakim, Hajah Sharifah Maimunah binti Sheikh Mohammad. Tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada pemenang terbaik iaitu Dayang Noraini binti Haji Sulaiman, Sharifah Fauza binti Wan Hil dan Noraine binti Haji Emrin.



ISTERI Pegawai Daerah Belait, Datin Hajah Rupiah binti Hussin menyampaikan hadiah kepada pemenang terbaik, Sharifah Fauza binti Wan Hil.



TETAMU kehormat menyaksikan beraneka jenis makanan yang dipertunjukkan di majlis tersebut.



PARA hakim menjalankan tugas mereka bagi memilih masakan yang paling sedap sebagai pemenang.

MARTBATKAN TULISAN JAWI

KUALA BELAIT, 31 Januari. - Masyarakat Tiong-hoa Daerah Belait amnya memang berminat mempelajari tulisan Jawi memandangkan keunikan, kegunaan dan nilai sejarah tulisan tersebut, tetapi tiada peluang disediakan bagi mereka yang dewasa umurnya yang ingin mengenali lebih dekat mengenai tulisan itu.

Oleh itu Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait bertanggungjawab mengemban segala tenaga dan kemudahan yang sedia ada menganjurkan kursus yang merupakan langkah percubaan menyumbangkan khidmat sosial percuma kepada mereka yang bukan beragama Islam.

Ketua Daw'ah Daerah Belait, Dayang Hajah Hanisah binti Abdullah berkata, belajar tulisan Jawi sangat baik dan mustahak kepada masyarakat Tiong-hoa, kerana jika mereka boleh menguasai tulisan Jawi mereka boleh menggunakannya untuk diri sendiri atau boleh mengajar anak-anak dan kawan-kawan mereka.

Lebih-lebih lagi, katanya, di Negara Brunei Darussalam sudah banyak menggunakan tulisan Jawi seperti di sekolah-sekolah, poster, iklan, papan tanda dan kedai. Beliau berucap demikian di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada peserta Kursus Tulisan Jawi Ke-5 bagi masyarakat Tiong-hoa Daerah Belait yang diadakan di Dewan Serbaguna Pejabat Da'wah di sini.

Selain itu bagi memudahkan mereka belajar

membaca Al-Quran jika mereka masuk agama Islam ataupun pergi melancong ke luar negara seperti Mesir, Jeddah dan Dubai yang banyak menggunakan tulisan Jawi, mereka akan merasa mudah kerana sudah boleh membaca perkataan dalam tulisan Jawi, katanya.

Seramai 18 peserta mengikuti kursus lapan minggu yang diadakan setiap hari Sabtu menerima sijil mereka yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Pegawai Kerja Kanan, Jabatan Telekom Daerah Belait, Pengiran Hajah Zubaidah binti Pengiran Haji Abas. Selama kursus mereka belajar asas tulisan Jawi termasuklah antaranya menulis perkataan dan menyambung ayat yang diajar oleh Pegawai Unit Da'wah Daerah Belait, Ustaz Kamal Leang Abdullah.

Ekoran daripada kursus yang diadakan selama ini telah berjaya menambahkan minat masyarakat berkenaan yang bukan beragama Islam mempelajari tulisan Jawi, memartabatkan peranan penggunaan rasmi tulisan Jawi di negara ini serta menjelaskan fungsi dan nilai sebenarnya tulisan itu dalam pentadbiran kerajaan kepada masyarakat berkenaan.

Kursus tersebut bertujuan bagi memberi peluang dan membantu masyarakat Tiong-hoa yang berminat untuk belajar tulisan Jawi dan merupakan aktiviti bagi strategi dakwah Islamiah kepada masyarakat berkenaan melalui program ilmiah.



PEGAWAI Kerja Kanan, Jabatan Telekom Daerah Belait, Pengiran Hajah Zubaidah binti Pengiran Haji Abas menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Tulisan Jawi Ke-5.

Terima sijil RELA

KUALA BELAIT, 28 Julai. - Seramai 106 orang guru bahasa Inggeris sekolah rendah bawah cawangan Daerah Belait yang mengikuti Bengkel Projek RELA (Reading and Language Acquisition) Ke-10 menerima sijil mereka masing-masing.

Tetamu kehormat, Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusop menyampaikan sijil kepada para peserta di Majlis Penyampaian Sijil yang diadakan di bangunan Jabatan Sekolah-Sekolah di sini.

Majlis tersebut merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan Kementerian Pendidikan kepada guru-guru terlibat, di samping usaha berterusan Jabatan Perkembangan Kurikulum dalam sama-sama menaati tanggungjawab untuk meningkatkan tahap pengajaran dan per-

belajaran, khususnya bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah kerajaan.

Majlis serupa telah diadakan minggu lepas di Dewan SHuTT, Institut Perkhidmatan Awam, Rimba Gadong bagi guru-guru Daerah Brunei-Muara, manakala bagi Daerah Tutong telah diadakan empat hari lalu di Dewan Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, sementara di Daerah Temburong diadakan di Sekolah Rendah Sultan Hasan, Bangar pada 4 Ogos lepas.

Di majlis itu juga diadakan sesi muzakarah antara Pengarah dan pegawai-pegawai Jabatan Perkembangan Kurikulum bersama Guru-guru Besar di setiap daerah. Antara lain Kursus Tulisan Jawi diadakan bertujuan bagi berkongsi sama matlamat dan membincangkan program RELA khususnya dan kurikulum sekolah amnya.

Dadah rosakkan masa depan

SERIA, 28 Julai. - Pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN), Awang Sameon bin Abdul Rahman berkata, dadah bukan sahaja boleh membahayakan diri tetapi juga boleh merosakkan masa depan setiap individu yang melibatkan diri dengan penyalahgunaan dadah.

Sehubungan itu beliau mengingatkan murid-murid sekolah supaya mengelakkan diri daripada

bergaul bersama mereka yang dikenal pasti terlibat dengan gejala itu. Beliau mengingatkan demikian ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Hindari Diri Dari Dadah Berbahaya' yang diadakan di Sekolah Rendah Muhammad Alam di sini.

Beliau seterusnya mengingatkan murid-murid supaya sentiasa menanamkan nilai hidup murni, sihat dan berwa-

wasan dengan berpegang teguh kepada ajaran agama, menghormati dan menurut peraturan dan undang-undang.

Seramai lebih 30 orang murid darjah 4, 5 dan 6 menghadiri ceramah anjuran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah-sekolah Zon Seria yang antara lain bermatlamat sebagai usaha memberi kesedaran dan pendidikan mengenai dadah.



SEORANG pegawai Biro Kawalan Narkotik ketika menyampaikan ceramah mengenai dadah kepada murid-murid Darjah 4, 5 dan 6 Sekolah Rendah Muhammad Alam.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

CINTA

Lidah kelu seribu bahasa
bila tiba saat berjumpa
sudah menjadi perkara biasa
bagi mereka yang dilanun cinta.

Betapa pentingnya kejujuran dan keikhlasan
dalam menjalinkan apa jua perhubungan
tidak kira persahabatan atau percintaan
itulah kunci supaya hubungan berkekalan.

Bagi insan yang berkasih-kasih
rasa rindu menjadi beban
bila mereka saling berjauhan
hanya si dia dalam ingatan.

Bukan kerana harta benda
bukan pula kerana paras rupa
harta akan ditinggalkan jua akhirnya
kecantikan diri juga tak kekal selamanya.

Walau dirinya jauh di mata
jauh di hati kekasih tak rela
hajat hati ingin selalu bersama
tapi takut fitnah bermaharajalela.

Cinta itu tidak selamanya indah
banyak onak yang perlu diredah
tidak semuanya buk bunga merekah
kadang layu jatuh ke tanah.

Jika dirimu gagal dalam bercinta
tawakallah dan tanamkan kesabaran
itu semua adalah takdir ketentuan Tuhan
carilah hikmah di sebalik segala dugaan.

Jodoh pertemuan Allah yang menentukan
dijadikan-Nya insan berpasang-pasangan
untuk melahirkan zuriat keturunan
bagi menambah umat Nabi Junjungan.

Bila tiba hari pernikahan
sepasang kekasih diijabkabulkan
kala itu menangislah syaitan
kerana banyak dosa dapat dihindarkan.

Semaikan sentiasa cinta dan kasih sayang
dalam menempuh kehidupan yang masih panjang
pengalaman membuatkan dirimu semakin matang
barulah rumah tangga akan bahagia dan tenang.

MIA

IMPIAN CINTA

Tiap detik kurasa rindu
tiap saat membara cinta di kalbu
moga cinta menjadi nyata
terubatlak luka lama.

Semoga dikau menjelma di dalam diriku
dan hadir di dalam mimpiku
betapa ku amat merindui
rindukan belaianmu
rindukan kasih sayangmu
rindukan senyumanmu.

Walau kau jauh di mata
namun dekat di hatiku
aku akan tetap berada
di sisimu selalu dan selamanya.

Aku tak sanggup hidup tanpamu
tanpamu siapalah aku
di dalam hatiku ada namamu
di dalam diri ini ada sayangmu
dikaulah insan yang amat kusayangi.

Impianku akan tetap tercapai
walau apa pun halangannya
akan kutempuhi dengan tabah
bagiku itu hanyalah dugaan semata
buatku.

Impianku adalah impianmu
impianmu adalah impianku
impian cinta kita akan tercapai
apabila kita sudah menyatu.

ASAI 113128

IMPIAN NYATA

Aku berdiri di sudut itu
rasa tenang dalam suasana
menghadapi kerenah yang beraneka
setiap waktu kelas dalam rebut
di hati terasa kabut
fikiran semakin kusut
namun aku bisa juga senyum
menjalankan tugas amanah utama
melayan murid tak kira rupa
sama rata.

Memang tugasku
membantu murid serba lemah
lebih lagi lidah masih kelu
karau bahasa dalam berbicara
namun indah di makna
tak siapa boleh mentafsir segala.

Aku sudah biasa
setiap pagi bergegas bekerja
memburu masa cergas usaha
ingin semua berjaya
rasa puas dalam kerjaya
impian nyata.

Mas Malinja

TERASA DIRI SEKERDIL DEBU

Dalam dada adalah satu kepastian
ghairah menjunam rasa tak terlerai
di tengah-tengah sebuah harapan
dalam kesucian
cinta adalah satu hakikat kehidupan.

Suara-suara makin dekat tapi entah
dari mana
cita-cita dan jiwa besar menjulang
membelah awan
tiada mendayu dan berpesan
di angin selatan
semacam membosankan kerinduan
dalam dada.

Di atas kehidupan di situlah penentuan
sesusahnya membina habis segala nilai
bagaikan tusukan yang menikam
sedang diri terasa sekerdil debu.

KEDAMAIAN TIADA BERBUNGA

Fikiran melompat dari abad ke abad
lari tergelepar
di sebalik cahaya matahari pagi
tiada yang merintang ruangnya
hati menjerit setiap detik terkelarlah
jantung.

Segala dilihat segala dirasa menjerat
sentiasa
lama di penjara tak mungkin tersua
di dada meradak jembia darah memancut
kepalsuan menyelubungi setiap hati.

Manalah ketenangan dalam pekat
ribut malam
sesaat pun damai tak pernah berbunga
cacat cela ditimbang sebelah mata
kalau orang hanya bijak berkata.

Alwi S. M.

PERSINGGAHAN

Nun di sana juah kedengaran
berlari-lari mencari perlindungan
arah mana mau bersembunyi
dari hujan peluru ganas
untuk sebuah persinggahan
buat menarik nafas panjang
dikejar maut walau bukan petualang
sedang diri sudah sehela sepinggang.

Hari-hari yang terluka
semakin parah dimamah kuasa
dunia seolah-olah tutup mata
ada yang ingin bersuara
tapi tidak berkata.

Apakah benar
dunia ini tanpa sempadan
atau hanya bicara liar syaitan
oleh itu biar hidup berpedoman
hias dada bersama keimanan
pagar diri dengan ketakwaan
berselimutkan kesabaran.

Sekabut suasana tiga suku malam
aku berserah diri penuh kesyahduan
matikan aku jika itu lebih baik buatku
hidupkan aku kalau itu teramat
baik bagiku
sesungguhnya Engkaulah
yang memiliki atas segala sesuatu
Innalillahi wa Innaillahiraji'un.

Maya Brunel

BUNGA MAWAR

Bunga mawar merah ...
tanda kasih
tanda sayang
tanda cinta
kau padaku.

Bunga mawar kuning ...
tanda kasih
tanda sayang
tanda persahabatan
kau padaku.

Bunga mawar
merah atau kuning
kukeliru
yang mana satu
kau mahu dariku.

LYN 135

PERATURAN HALAMAN PUISI

SUKACITA menarik perhatian para penulis yang ingin menghantar puisi ke akhbar
PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Puisi hendaklah dialamatkan kepada:
PENERBIT HALAMAN PUISI,
BAHAGIAN AKHBAR,
TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Puisi mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam
Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Puisi hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer
(tulisan tangan tidak akan diterima).
4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor dan salinan kad penge-
nalan, alamat penuh, nombor telefon, nombor dan salinan akaun bank, alamat
bank dan nama samaran (jika ada).
5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.



سنتیاس برسام بیستیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلبیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

R A B U 18 OGOS	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	Ulangan SIARAN TAMAT	5.10	GILLETTE WORLD OF SPORT	7.44	AZAN ISYAK		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.05	DRAMA - 'Rahsia Perkhawinan'		6.00	GEDGET AND GIZMOS	9.15	DRAMA - 'Impian'		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	HOME STYLE: REAL ROOM		6.35	AZAN MAGHRIB	9.30	JASA MU		
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA -	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	SINAR	10.00	NEWS AT 10	
					4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM		10.30	B-LEAGUE 2004	
					4.15	SESAME STREET		7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	RITA & RAIHAN
								7.25	LENSA PELAJAR	11.30	THE INVESTIGATOR II
								12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT		

K H A M I S 19 OGOS	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI -	PETANG	6.32	AZAN MAGHRIB	8.50	AN NUUR -	
			Sambungan	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	FIQHUL MIRATS	Siaran Langsung	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	4.02	MUTIARA FIRMAN			
		KEBANGSAAN	10.05	DRAMA -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN		10.00	NEWS AT 10
					4.15	KIDS HOUR - 'Super Little	MALAM		
	6.02	MUTIARA FIRMAN		'Rahsia Perkhawinan'		Fanta Heroes/Toy Toons'		10.30	DRAMA - 'Takhta Hati'
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.00	SAJIAN KITA - Ulangan	5.10	ON THE BALL	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	
	Siaran Langsung	11.30	LIPUTAN SEMASA -	5.45	BERITA	7.25	WARTA ISLAM	11.00	WAYANG PILIHAN -
			Ulangan	6.00	SCENE OF THE CRIME	7.43	AZAN ISYAK		'Arlington Road'
	9.00	BERITA	12.00	SIARAN TAMAT		8.00	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 20 OGOS	PAGI	10.15	PERTANDINGAN BAHAS	PETANG		CHINA - Sambungan	7.25	INSPIRASI INSAN SENI	
			SEKOLAH-SEKOLAH DAN	1.30	VISI SUCI	4.45	SPORT PAGES	7.43	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	MAKTAB-MAKTAB TAHUN	2.00	TETAMU SUKAN	5.15	ARGAI	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	2004		Siaran Langsung	5.45	BERITA	9.05	FIKIR-FIKIR
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.15	INGIN TAHU		5.55	VET SCHOOL	9.30	QUANTUM
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.30	BERITA	2.30	DINAMIK		CONFIDENTIAL	
		Siaran Langsung	11.45	JEJAK RASUL SR. 8	3.00	TAYANGAN GAMBAR	6.32	AZAN MAGHRIB	10.00
	9.00	BERITA		- Ulangan		CHINA -	6.45	JALAN MENUJU ALLAH	10.40
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.15	DIVE THE WORLD		'Legendary Couple'			10.55
	Sambungan	12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.39	AZAN ASAR	MALAM		'Seandainya Sophia'	
	SUSUNAN RANCANGAN		JUMAAT- Siaran Langsung	3.55	TAYANGAN GAMBAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 21 OGOS	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.25	AZAN ZUHUR	4.15	BEYOND 2000	7.25	KLINIK KITA	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.05	KIDS HOUR : 'IRIS, THE HAPPY PROFESSOR/BOB THE BUILDER'	PETANG	5.00	MONSTER BY MISTAKE	7.42	AZAN ISYAK	
	6.02	MUTIARA FIRMAN			12.50	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Down Will Come Baby'	5.25	SUPERMODEL - Siri Baru	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	10.55	OCEANS OF MYSTERY			5.45	BERITA	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU
	9.00	BERITA	11.20	DRAMA : 'Kaca dan Permata' - Ulangan	2.20	DOKUMENTARI	6.00	WILD RESCUE SR. IV		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30	BERITA	2.50	OUTER BOUNDS	6.31	AZAN MAHGRIB	10.00	NEWS AT 10
			12.05	DOKUMENTARI -Ulangan	3.20	LADY COP	6.45	PEDOMAN AQIDAH SR. 7	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Vision Of Terror'
					3.38	AZAN ASAR	MALAM			
							7.00	DUNIA ASIA	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

A H A D 22 OGOS	PAGI	10.10	PERTANDINGAN BAHAS	PETANG	3.37	AZAN ASAR	7.42	AZAN ISYAK	
			SEKOLAH-SEKOLAH DAN		5.00	ASPIRASI - Ulangan	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	MAKTAB-MAKTAB TAHUN	1.30	ENGLISH PREMIER	5.35	TOYOTA WORLD OF	8.50	KONVENSYEN
		KEBANGSAAN	2004		LEAGUE 2004/2005 -		WILDLIFE		KEBANGSAAN PROMOSI
	6.02	MUTIARA FIRMAN		1.45	PREVIEW	5.45	BERITA		KESIHATAN
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.10	PIMPING		6.10	BIOLOGIC	9.20	TIRAI KELUARGA -
		Siaran Langsung	11.30	BERITA		6.31	AZAN MAGHRIB		'Suratan Kasih'
	9.00	BERITA	11.45	SUNDAY MATINEE - 'Take	2.40	6.45	PENGAJARAN DARI	10.00	NEWS AT 10
					Ulangan		AL-QURAN	10.30	TIRAI KELUARGA -
9.15	RAMPAI PAGI -		My Advice: The Ann &	3.15	MALAM			Sambungan	
	Sambungan		Abby Story'				11.20	MUTANT X -	
10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.25	AZAN ZUHUR		7.00	KUIZ KENALI TANAH		'Deadly Desire'	
						AIRKU SR. 2	12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT	

I S I N 23 OGOS	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.41	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00 10.05	SUSUNAN RANCANGAN DRAMA - 'Rahsia Perkahwinan'	PETANG 4.00 4.02	LAGU KEBANGSAAN MUTIARA FIRMAN	6.00 6.31 6.45	ANIMALIA AZAN MAGHRIB BIMBINGAN KELUARGA	8.00 8.50 9.30	BERITA NASIONAL DRAMA - LANDASAN MENARA SUMBER SR. 3
	6.02	MUTIARA FIRMAN			4.10	SUSUNAN RANCANGAN			10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00 11.30	MENU JENAKA - Ulangan DOKUMENTARI - 'Tech Watch' ¹	4.15 5.15	KIDS HOUR - 'NILUS THE SANDMAN/BIG GARAGE' HOW TO OUTDOOR	MALAM 7.00 7.25	LIPUTAN SEMASA MASAK TARUS	10.30 11.00 12.00	TETAMU SUKAN NAVY SEALS CLASS 234 DOA DAN SIARAN TAMAT
	9.00	BERITA								

S E L A S A 24 OGOS	PAGI		Sambungan		PETANG		5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.10	KIDSINAR - Siri Baru	8.50	KAMPUNG KITA
		KEBANGSAAN	10.05	DRAMA -	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.30	AZAN MAGHRIB	9.30	INSAF
	6.02	MUTIARA FIRMAN		'Rahsia Perkahwinan'	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	AL ISLAM	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	11.00	GELAGAT MENUJPAH -	4.15	KIDS HOUR - <i>The Great</i>	MALAM		10.30	WORST CASE SENARIO -
		Langsung		Ulangan		<i>Book Of Nature</i> - Siri Baru	7.00	DRAMA - <i>'Luahan Hatiku'</i>		Siri Baru
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA -	5.00	DOKUMENTARI -	7.25	DOKUMENTARI - <i>'Thailand</i>	11.15	MINI SERIES -
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	Ulangan		<i>'Heaven And Empire - The</i>		<i>Negeri Gajah Putih'</i>		<i>'Voyage Of The Unicorn'</i>
			SIARAN TAMAT		<i>White Elephants'</i>	7.41	AZAN ISYAK	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	

Sektor hospitaliti tarik pelabur asing

JERUDONG, 28 Julai. - Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi berkata, perkembangan sektor hospitaliti di negara ini mempunyai potensi yang sangat besar, di samping dapat menampung keperluan dan selera tempatan yang semakin sofistikated dan selektif serta mudah berubah.

Katanya, sektor ini adalah penting kepada usaha untuk menarik pelancong ke negara ini.

Kerana itu, jelasnya, bidang hospitaliti dan pelancongan ini telah dikenal pasti oleh pihak monitor group sebagai satu daripada 'economic cluster' yang boleh menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini bagi tujuan seperti ekopelancongan, pelancongan perubatan dan pelancongan sukan.

Yang Dimuliakan menjelaskan walaupun statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi menggambarkan penurunan sebanyak tujuh peratus di



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

suku pertama tahun ini dalam sektor restoran dan perhotelan berbanding dengan tempahan yang sama tahun lalu, namun mereka yakin dalam jangka panjang sektor tersebut akan dapat menyumbang ke arah perkembangan ekonomi dan pekerjaan kepada negara ini.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi menekankan perkara tersebut

Oleh Abu Bakar HAR

di Majlis Menandatangani Perjanjian Latihan Perantisan dan Anugerah Perantisan Tahunan bagi Skim Latihan Perantisan dalam bidang 'Professional Cookery and Service' di Kelab Polo Jerudong di sini.

Katanya, majlis yang diadakan petang itu merupakan satu kejayaan Jabatan Pendidikan Teknik dalam memupuk kerjasama bersama pihak swasta seperti yang diberikan oleh Royal Brunei Catering Sdn. Bhd., Jerudong Park and Country Club, Sheraton Utama Hotel dan Orchid Garden Hotel yang telah menawarkan Latihan Perantisan kepada pelajar-pelajar Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) dalam bidang 'Professional Cookery and Services' tersebut.

Tambahnya, usaha sama seperti itu merupakan satu keperluan kepada Jabatan Pendidikan Teknik dan institusi berkenaan dan ia

nyia diamalkan serta dikembangkan kerana akan dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar secara 'first hand' untuk mendapatkan pengalaman kerja yang sangat berguna di samping untuk mengetahui 'the trick of the trade'.

Beliau berharap dengan tampilnya pelbagai firma sektor swasta ke hadapan untuk memberikan kemudahan seumpama itu kepada pelajar-pelajar tempatan yang memerlukan pengalaman bekerja untuk diintegrasikan adalah sebagai satu komponen yang penting dalam kurikulum mereka yang setentunya akan memberi keyakinan yang amat berharga kepada mereka apabila lepas berkursus dan memulakan pekerjaan.

Menyentuh mengenai Skim Perantisan, Pemangku Menteri Pendidikan menyeru semua perantis supaya mengambil kesempatan keemasan tersebut untuk mengetahui perkara-perkara praktikal dengan lebih mendalam kerana bidang Professional Cookery and Service me-

rupakan bidang yang mempunyai ciri-ciri 'artistik'.

Selain dari itu, YDM juga berharap sejajar dengan skim yang berjalan sekarang agar latihan-latihan lain dalam bidang hospitaliti dan pelancongan yang dikendalikan oleh MTSSR akan dapat ditingkatkan kualitinya pada tahap yang sama.

Namun menuju ke arah itu usaha untuk menda-

patkan kemudahan-kemudahan yang berkualiti hendaklah dirancang, malah jalinan kerjasama yang sedia ada di antara institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional majikan-majikan akan terus ditingkatkan bagi melahirkan tenaga mahir tempatan yang berkualiti.

Di majlis itu seramai 14 orang perantis telah menandatangani perjanjian bersama tiga buah firma swasta

yang disaksikan oleh Pemangku Menteri Pendidikan.

Juga diselenggarakan di majlis itu ialah Penganugerahan Perantis Terbaik bagi tahun satu bersama Royal Brunei Catering yang disandang oleh Aziz Razaleigh bin Haji Hamzah dan penerima anugerah tahun kedua bersama Kelab Polo Jerudong yang dimenangi oleh Surayati Haji Hamid.



PEMANGKU Menteri Pendidikan menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian antara perantis yang terpilih bersama tiga buah firma swasta. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

SEMINAR KEPENTINGAN AQIDAH AHLISSUNNAH WALJAMA'AH DAN PENGARUHNYA DALAM MASYARAKAT BRUNEI

Tema:
**KE ARAH MENGEKALKAN
PERPADUAN UMAT MENERUSI AQIDAH
AHLISSUNNAH WALJAMA'AH**

Anjuran:
**JABATAN USULUDDIN
INSTITUT PENGAJIAN ISLAM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
12 - 13 Syaaban 1425H
27 - 28 September 2004M**

MUQADDIMAH

Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang menganut falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan Islam menurut Mazhab Ahlissunnah Waljama'ah merupakan agama rasmi negara. Oleh kerana itu, Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (IPISHOAS), Universiti Brunei Darussalam mencadangkan 'Kepentingan Aqidah Ahlissunnah Waljama'ah dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Brunei Darussalam' sebagai tajuk seminar dalam tahun 2004 ini.

OBJEKTIF SEMINAR

1. Mendedahkan Aqidah Ahlissunnah Waljama'ah sebagai aqidah yang benar.
2. Mengkaji lebih mendalam ajaran-ajaran Ahlissunnah Waljama'ah.
3. Menyebarkan fahaman Ahlissunnah Waljama'ah dalam masyarakat menerusi tulisan-tulisan ilmiah.

4. Mendedahkan fahaman-fahaman yang menyeleweng dari Aqidah Ahlissunnah Waljama'ah.
5. Sebagai sumbangsih Jabatan Usuluddin, IPISHOAS dalam mengukuhkan dasar negara.

PEMBENTANG KERTAS KERJA

Pembentang kertas kerja dijangka seramai 12 orang terdiri dari:

1. Pensyarah-pensyarah IPISHOAS, UBD.
2. Wakil dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.
3. Wakil dari Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).
4. Wakil dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU.
5. Wakil dari Unit Perundangan Islam, KHEU.

PESERTA

Penyertaan seminar dibukakan kepada:

- . Ahli-ahli akademik.
- . Wakil dari jabatan-jabatan kerajaan NBD, iaitu:
 - . Jabatan Mufti Kerajaan.
 - . Majlis Ugama Islam, KHEU.
 - . Pusat Da'wah Islamiyah, KHEU.
 - . Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Pendidikan.
 - . Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU.
 - . Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU.
 - . Penuntut-penuntut Jabatan Usuluddin
 - . Individu yang berminat

BAHASA

Seminar akan menggunakan Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. (Kertas kerja dalam Bahasa Arab akan disertakan ringkasan dalam Bahasa Melayu)

YURAN PENDAFTARAN

Wakil Institusi / Jabatan	: \$50.00
Ahli Akademik / Individu	: \$30.00
Pelajar	: \$15.00

(Pembayaran secara tunai boleh dibuat semasa pendaftaran)

MASA

27 & 28 September 2004
(Hari Isnin dan Selasa)

TEMPAT

Bilik Senat,
Dewan Canselor,
Universiti Brunei Darussalam.

Keterangan lanjut sila hubungi:

Hj. Mohd Samari bin Hj. Mohd. Noh
Tel: 2463001 Ext: 1434, 1435
E-Mel: aripishoas@ipishoas.ubd.edu.bn
samari@admin.ubd.edu.bn
Awang Norarfan bin Hj. Zainal
Tel: 2463001 Ext: 1453
E-Mel: arfan@ipishoas.ubd.edu.bn
Faks: 2460759

Borang Pendaftaran

Seminar Kepentingan Aqidah Ahlissunnah Waljama'ah Dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Brunei Darussalam

Nama penuh:

Jabatan/Institusi:

Alamat Persuratan:

Telefon:

..... (Pejabat)

..... (Rumah)

..... (Mobile)

E-Mel:

Faksimili:

Tarikh:

*Sila kembalikan borang yang telah diisi kepada:

Penolong Pendaftar,
Institut Pengajian Islam
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien,
Universiti Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP PENGHANTARAN

BORANG:

21 September 2004



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERI
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**TAWARAN RUANG RESTORAN ARAS BAWAH RUMAH
PERSINGGAHAN KERAJAAN JALAN MAULANA KUALA BELAIT**

Syarat-Syarat Tawaran

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Penyewaan adalah untuk tiga (3) tahun mulai dari tarikh surat perjanjian ditandatangani.
2. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada penduduk yang bermastautin di Daerah Belait ini.
3. Kekosongan ruang adalah diperuntukkan untuk kegiatan restoran/makanan dan minuman/makanan segera sahaja.
4. Keterangan mengenai ruang yang ditawarkan dan contoh surat perjanjian penyewaan restoran/kantin berserta dengan borang permohonan bolehlah didapati di Kaunter Bahagian Perlesenan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seri dengan kadar bayaran \$ 2.00 sekeping.
5. Yuran tawaran (tender fee) sebanyak \$ 50.00 dan tidak dikembalikan. Waktu penerimaan yuran tawaran adalah seperti berikut:
Hari Isnin hingga Khamis : 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari
: 1.30 petang hingga 3.00 petang
Hari Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi
6. Penyewa/pengurus adalah dikehendaki menyatakan tawaran sewanya bagi satu (1) bulan dengan menulis angka diikuti dengan perkataan.
7. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Names Act) bab 16 dan 17 hendaklah disertakan.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis di luarnya "TAWARAN RUANG RESTORAN ARAS BAWAH RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN JALAN MAULANA KUALA BELAIT".



**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : POS/05/04.24 (2004)

TAWARAN MEMBEKAL ALAT MESIN X-RAY (SCANNER MACHINE)

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak \$30.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam matawang Ringgit Brunei.
3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati di Unit Perkhidmatan dan Tawaran, Jabatan Perkhidmatan Pos, Pusat Memproses Mel, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB 3510.
4. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.
5. Tawaran-tawaran yang dihantar hendaklah di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan : MEMBEKAL ALAT MESIN X-RAY (SCANNER MACHINE) KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN POS - POS/05/04.24 (2004), tanpa menunjukkan nama pemohon dan dialamatkan kepada:
Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
6. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Isnin, 23 Ogos 2004** jam 2.00 petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang telah ditetapkan TIDAK akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

GAHAN KERAJAAN JALAN MAULANA, KUALA BELAIT" tanpa membubuh nama penawar di luar sampul surat tidak lewat pada hari **Isnin, 23 Ogos 2004** jam 2.00 petang.

9. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang telah disediakan di Kaunter Bahagian Perlesenan, Pejabat Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seri.
10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

JUALAN LELONG ... JUALAN LELONG



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu jualan lelong yang tersebut di bawah akan diadakan pada hari **Isnin, 23 Ogos 2004** hingga selesai.

Syarat-Syarat Jualan Lelong ini adalah seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar dengan secara tunai dan memindah barang dari tapak Jualan Lelong tidak lewat dua (2) hari dari tarikh Jualan Lelong tersebut. Jika terlewat memindah pada tarikh yang telah ditetapkan maka barang-barang yang sudah dibeli akan dilelong semula.

KETERANGAN	TEMPAT LELONG	TARIKH MASA
Alat-alat Ganti Barang-Barang	Unit Stor Alat-alat Ganti Bangunan Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam	Hari Isnin, 23 Ogos 2004 jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari
Alat-Alat Perabot	Unit Perabot, Jabatan Perkhidmatan Bangunan Jabatan Kerja Raya, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam	



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Pelabuhan akan mengadakan satu jualan lelong pada hari **Selasa, 31 Ogos 2004** bermula jam 9.00 pagi bertempat di Gudang CFS, Pelabuhan Muara.
2. Keterangan lanjut mengenai perkara di atas boleh didapati dari Bahagian Kaunter Bangunan Operasi, Jabatan Pelabuhan, Muara pada waktu pejabat dengan membeli buku senarai lelong secara tunai berharga ringgit Brunei Lima ringgit sahaja (B\$ 5.00) senaskhah.
3. Hanya peserta yang membeli Dokumen Penjualan Lelong yang dibenarkan untuk melihat dan memeriksa kereta-kereta yang akan dilelong. Kereta-kereta tersebut disimpan berdekatan Gudang CFS, dan boleh dilihat dalam waktu pejabat pada hari **Isnin, 30 Ogos 2004** iaitu sehari sebelum lelongan dijalankan.
4. Kepada peserta yang berjaya nanti, peserta-peserta dikehendaki membayar wang pendahuluan lima puluh peratus (50%) daripada harga nilai kereta yang berjaya dan jika gagal untuk mengeluarkan kereta tersebut dari kawasan penyimpanan Jabatan Pelabuhan selama satu minggu (7 hari) dari tarikh perlelongan, wang pendahuluan tidak akan dikembalikan dan kereta tersebut akan menjadi hak milik Jabatan Pelabuhan.



**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN BAGI PROGRAM
PEMBANGUNAN BELIA SESI 2005 - 2006
SERTA SYARAT-SYARAT KEMASUKAN**

BORANG-BORANG tersebut bolehlah diperolehi di ke-empat-empat daerah seperti berikut:-

- Daerah Brunei/Muara : Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Jalan Lebuhraya Muara-Tutong (Lambak Kanan), Negara Brunei Darussalam, BC 2515.
- Daerah Belait : Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
- Daerah Tutong : Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan, Tutong, Negara Brunei Darussalam.
- Daerah Temburong : Jabatan Belia dan Sukan, Temburong, Negara Brunei Darussalam.

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan terus ke Pusat Pembangunan Belia dan tarikh tutup mengembalikan borang pada hari **Khamis, 14 Oktober 2004** tidak lewat jam 4.00 petang.

Pemohon yang telah memohon dan ditemuduga tetapi belum ditawarkan masuk ke Pusat ini, adalah dikehendaki mengisi borang baru yang dikeluarkan pada masa ini.

A. KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

BIL.	NAMA KURSUS	KOD
1.	KURSUS KEMAHIRAN KOMPUTER DAN PENGENDALIAN PEJABAT	KKP 05/06
2.	KURSUS KEMAHIRAN MASAKAN DAN KATERING	KMK 05/06
3.	KURSUS KEMAHIRAN PEMBUATAN KEK DAN PASTRI	KPK 05/06
4.	KURSUS KEMAHIRAN JAHITAN ASAS DAN SULAMAN	KJA 05/06
5.	KURSUS KEMAHIRAN SOLEKAN DAN DANDANAN RAMBUT	KSR 05/06

B. 1. SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

- (i) Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
- (ii) Masih bujang dan berumur 18 tahun ke atas
- (iii) Mempunyai minat dan kemahuan yang tinggi terhadap kursus yang dipilih
- (iv) Telah berhenti sekolah dan belum bekerja
- (v) Mempunyai tubuh badan yang sihat.

2. KELAYAKAN KEMASUKAN

- (i) Boleh membaca, menulis dan mengira
- (ii) Bagi Kursus Kemahiran Komputer dan Pengendalian Pejabat sekurang-kurangnya mempunyai 3 'O' Level.

C. BORANG PERMOHONAN

- (i) Borang yang dikembalikan hendaklah disertakan dengan salinan-salinan Dokumen seperti berikut:-
 - Salinan Sijil Surat Beranak
 - Salinan Kad Pinter
 - Salinan Sijil-sijil Persekolahan
 - Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - Salinan Sijil-sijil Pengakuan/Penyertaan Aktiviti/Kegiatan
 - Gambar pemohon berukuran pasport yang terbaru (lelaki bersongkok/perempuan bertudung).
- (ii) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar terus ke Pusat Pembangunan Belia, Jalan Lebuhraya Muara-Tutong, Lambak Kanan Berakas BC 2515, Negara Brunei Darussalam.
- (iii) Tarikh tutup menghantar borang pada hari **Khamis, 14 Oktober 2004** tidak lewat jam 4.30 petang.

PERHATIAN:

1. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang telah lama meninggalkan alam persekolahan dan tidak bekerja.
2. Pemohon-pemohon yang telah memohon dan ditemuduga tetapi belum ditawarkan masuk ke pusat ini adalah dikehendaki mengisi borang baru (borang yang dikeluarkan pada masa ini).



DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET KUALA BELAIT

SAMAN BIL : 103 TAHUN 2002

DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DAN

AWANG MOHD EFFENDY BIN HAJI SAID NO. K. P. 074220

..... Plaintiff
..... Defendan/Pemiutang Penghakiman

NOTIS MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

Kepada : AWANG MOHD EFFENDY BIN HAJI SAID

NO. K. P. 074220

Alamat yang terakhir diketahui:

No. 45, Kampong Terunan Labi, Belait, KE 2337,

Negara Brunei Darussalam.

SILA ambil perhatian bahawa saman Penghutang Penghakiman telah
dilaikan terhadap kamu dalam Mahkamah di atas oleh Kerajaan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam, yang menghendaki kamu supaya hadir di

Mahkamah Majistret, Kuala Belait, pada 16 September 2004 jam 9.00 pagi
untuk memberi sebab mengapa penghakiman yang dijatuhkan dalam kes
yang tersebut di atas tidak patut dilaksanakan dengan menahan dan menjual
harta alih kamu dan atau dengan menahan kamu di dalam penjara sebagai
banduan sivil.

DAN adalah di perintahkan bahawa penyampaian Saman tersebut dilakukan
ke atas kamu dengan menyirikan satu salinan Notis Pemberitahuan Menurut
Perintah Penyampaian Ganti ini dalam satu keluaran akhbar PELITA BRUNEI
dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai
Penyampaian yang sah dan mencukupi ke atas kamu.

DAN sika ambil perhatian selanjutnya bahawa jika kamu tidak hadir, waran
tangkap atau sesuatu perintah boleh dibuat terhadap kamu sebagaimana
yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Kehadiran kamu boleh diketepikan
dengan syarat wang penghakiman yang tertutang kepada KERAJAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM iaitu \$887.83
berserta dengan faedah 6% setahun mulai dari 13 Februari 2003 hingga tarikh
ia dijelaskan sepenuhnya dan kos, dibayar secepatnya.

Bertarikh pada 12 Julai 2004.

DK. MASNI PG. HJ BAHAR
Majistret

Notis Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Pejabat
Pegum Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang dina-
makan di atas, yang alamat penyampaiannya di Pejabat Pegum
Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA 1910,
Negara Brunei Darussalam.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Projek No. : JKP/09/2004

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang
berdaftar Kelas VI sahaja Kategori 1 dan 3 bagi :

[[i] Projek : KAMPONG MERAGANG HOUSING SCHEME INFRA-
STRUCTURE PART STAGE 4, CONTRACT 8,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Projek No. : JKP/09/2004.

Dokumen-dokumen tawaran dan Lukisan-lukisan boleh dilihat dan di dapati di
Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1,
Bangunan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam
10.00 pagi hari Sabtu 21 Ogos 2004.

Tawaran Buka : 4 Ogos 2004 (Rabu)

Tarikh Tutup : 23 Ogos 2004 (Isnin)

Tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat Tutup : Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat
1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang
259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran : \$1,000.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen : \$30.00 (Tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran
mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetap-
kan tidak akan dilaikan.
